



JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI
MALAYSIA

Vol. 2, No. 2, 2008

JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

ISSN 1985-2010

KANDUNGAN

Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Waqaf

Dr. Mohamad Akram b. Laldin, Dr. Mek Wok b. Mahmud &
Dr. Mohd. Fuad b. Sawari

Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya Ke Arah

Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia

Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki b. Hj. Abdul Latiff,
Dr. Norzaidi b. Mohd Daud & Che Zuina bt. Ismail

Mekanisme Wakaf: Gagasan Awal Terhadap Pembangunan dan Pembiayaan

Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Islam Borneo

Wan Ariffin b. Wan Yon, Mohd Syahiran b. Abdul Latif &
Prof. Madya Dr. Hasan b. Bahrom

Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai Oleh

Yayasan Waqaf Malaysia

Azri b. Ahmad

Memperkasa Baitulmal Menerusi Undang-undang Syariah

Juraish b. Kamaruddin

Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia Terhadap Wasiat

Dr. Arief Salleh b. Rosman & Siti Juwariah bt. Ab. Razak

Prosedur Pelaksanaan Pengurusan Probet Dan Surat Kuasa Mentadbir Di Mahkamah Tinggi

Norhazani bt. Hamzah

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Dato' Sr. Abdull Manaf b. Hj. Hashim,
Dato' Long See Wool, Dato' Hj. Md. Alias b. Hj. Kalil, Dato' Mohd Azhari b. Ghazalli,
Dato' Hj. Za'ba b. Hj. Che Rus & Pn. Hasnah bt. Ismail

www.jawhar.gov.my

ISSN 1985-2010



9 771985 201003

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
JABATAN PERDANA MENTERI

Aras 7, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
Tel: 603-8883 7400, Faks: 603-8883 7406

JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

Vol. 2, No. 2, 2008

ISSN 1985-2010

JURNAL
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) 2009

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenar dikeluarkan semula mana-mana bahagian artikel atau isi kandungan Jurnal ini dalam apa saja bentuk atau dengan apa-apa cara tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Editor, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

Skop

Jurnal Pengurusan JAWHAR diterbitkan dua kali setiap tahun oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Ianya adalah jurnal pengurusan yang dihasilkan untuk menggalakkan penyelidikan dan penyebaran maklumat mengenai prinsip dan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang efisien dan dinamik. Jurnal ini mengumpulkan pelbagai jenis artikel daripada pelbagai aspek pembangunan pengurusan dan cara praktis yang sesuai untuk pentadbiran institusi wakaf, zakat, mal dan haji negara. Kriteria penilaian adalah berdasarkan hasilan kerja penulisan asal yang belum pernah diterbitkan dan mempunyai nilai-nilai '*applied*' yang wajar diketengahkan dalam usaha penambahbaikan pengurusan serta pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji.

Tanggungjawab kepada fakta dan pandangan dalam artikel-artikel ini adalah terletak secara eksklusif ke atas penulis semata-mata. Penghujahan mereka tidak semestinya menggambarkan pandangan atau polisi JAWHAR mahupun Kerajaan Malaysia.

Langganan: Sila lihat di muka surat belakang

Diterbitkan oleh:

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Jabatan Perdana Menteri

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 **PUTRAJAYA**

Tel.: 603-88837400, Faks: 603-88837406

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Jalan Chan Sow Lin

50554 KUALA LUMPUR

Tel.: 603-92366909/10 Faks: 603-92230397

LANGGANAN

Kadar untuk satu naskhah adalah seperti berikut:

Malaysia - RM18.00

Singapura dan Brunei - RM20.00

Luar Negara - USD10.00

Kadar harga termasuk pembungkusan dan penghantaran. Penghantaran melalui udara atau surat berdaftar akan dikenakan caj tambahan.

MAQASID SYARIAH DALAM PELAKSANAAN WAQAF

Oleh:

Dr. Mohamad Akram b. Laldin*

Dr. Mek Wok b. Mahmud**

Dr. Mohd. Fuad b. Sawari***

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menjelaskan persoalan maqasid dan hubungannya dengan wakaf. Untuk tujuan itu, artikel ini akan cuba mengupas persoalan apakah yang dimaksudkan dengan maqasid syariah, apakah itu wakaf, apakah objektif pensyariatan wakaf dan apakah faedah memahami objektif pensyariatan wakaf? Kepentingan memahami objektif pensyariatan wakaf bertitik tolak daripada fakta bahawa hukum-hakam berkaitan wakaf asasnya adalah persoalan ijihad. Oleh sebab itu, memahami objektif pensyariatan wakaf akan dapat membantu para mujtahid menerangkan hukum-hakam berkaitan wakaf dengan mudah.

Perkataan Teras : Maqasid, Pensyariatan Wakaf, Ciri-ciri Wakaf, Hukum-hakam Wakaf

Klasifikasi JEL : K10, R19, Z12, Z13

* Pengarah Urusan International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (SRA) dan bekas Timbalan Dekan Akademik dan Ketua Jabatan Fiqh. & Usul al-Fiqh, Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

** Ketua Jabatan Fiqh & Usul al-Fiqh, Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

*** Pensyarah di Jabatan Fiqh & Usul al-Fiqh, Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

MUKADDIMAH

Islam merupakan agama yang diturunkan oleh Allah S.W.T. untuk manusia seluruhnya. Ia adalah agama (cara hidup) yang syumul dan dapat memenuhi seluruh keperluan hidup manusia di dunia dan juga akhirat. Al-Quran dan al-Hadith adalah dua sumber asas yang dapat menterjemahkan kesemua keperluan hidup dan kehidupan manusia. Selagi mana manusia berpegang kepada kedua-dua itu, selagi itulah mereka akan memperolehi kehidupan yang cemerlang lagi sempurna. Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah S.W.T:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِيَنًا... (المائدة: 3)

Maksudnya: “Pada hari ini telah aku sempurnakan untuk kamu agama kamu dan telah aku agihkan dengan sempurna kepada kamu akan nikmatku serta aku telah restui untuk kamu agama Islam sebagai cara hidup (kamu)”.

Begitu juga dalam ayat yang firman Allah S.W.T:

...مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ... (آلأنعام: 38)

Maksudnya: “Tidak kami kurangkan (tinggalkan) di dalam Al-Quran itu suatu apapun”. Yakni semua keperluan kehidupan manusia telah ditentukan oleh Al-Quran. Ini bukanlah bermaksud manusia boleh melakukan apa sahaja mengikut sesuka hatinya. Sebaliknya Al-Quran merupakan garis panduan kehidupan yang sempurna yang perlu dipatuhi oleh semua makhluk Allah S.W.T. di mana manusia sebagai khalifah mereka”.

Oleh sebab itu, Islam ialah semulia-mulia cara hidup yang tidak ada lagi cara hidup lain yang dapat memenuhi keperluan manusia. Sabda Rasulullah S.A.W.:

الْإِسْلَامُ يَعْلُو وَلَا يُعْلَى عَلَيْهِ... الْحَدِيثُ

Maksudnya: Islam itu tinggi (amat mulia) dan tiada lagi yang dapat mengatasinya. Dalam sesuatu perkara dan urusan kehidupan manusia, adakalanya ianya dilihat bertentangan dengan andaian dan nilai pemikiran manusia, tetapi Al-Quran menjelaskan bahawa kepatuhan kepada garis panduan Islam (Al-Quran dan Al-Hadith) adalah jalan yang paling selamat untuk diikuti dan dipatuhi. Ini jelas seperti firman Allah S.W.T.:

وعسى أن تكرهوا شيئاً وهو خير لكم وعسى أن تحبوا شيئاً وهو شر لكم، والله يعلم وأنتم لا تعلمنون...
البقرة: 216

Maksudnya: “dan boleh jadi apa-apa yang kamu tidak suka itu (sebenarnya) ianya lebih baik kepada kamu, dan boleh jadi apa sahaja yang sukakan itu (sebenarnya) amat buruk (hasilnya) kepada kamu, dan ingatlah Allah itu amat mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui (yang sebenar)”.

Ekonomi adalah salah satu aspek penting dalam Islam yang merupakan lapangan pengembangan rezeki manusia. Aspek ekonomi meliputi banyak perkara seperti infaq, zakat, pusaka, wakaf dan lain-lain. Wakaf merupakan institusi ekonomi umat Islam yang tidak kurang pentingnya. Ianya perlu dikembangkan dengan cara yang terbaik dan waspada demi memaksimakan manfaatnya kepada umat Islam khususnya dan manusia seluruhnya.

PENGERTIAN WAKAF

Wakaf berasal dari perkataan Arab: *waqafa* (وقف - يقف - قف - وقف ووقفا) yang bermaksud berhenti di sesuatu tempat atau masa. Wakaf *al Dar* iaitu rumah yang diwakafkan (untuk orang ramai/jalan Allah) S.W.T.¹. Di dalam Bahasa Inggeris “wakaf” diterjemahkan dengan “*stoping, standing, unalienable property*”,² iaitu sesuatu harta yang diamanahkan (ditinggalkan) oleh seseorang atau kumpulan sebagai manfaat umum (wakaf untuk umum) atau memindahkan hak milik

¹ Fuad Ifram al Bustani “Munjid al Tollab”, cetak 21, Dar al Masyriq, Beirut, 1986, ms 935.

² Elias, ed E.Elias, Pocket Dictionary, Bab “wakf” 1987, ms 526.

peribadi menjadi milik sesuatu badan yang memberi manfaat kepada masyarakat umum.³ Perkataan “mewakafkan” menurut kamus besar Bahasa Melayu ialah memberikan (harta/ tanah bagi keperluan agama) menyerahkan tanah untuk perkuburan, memberikan/menyerahkan masjid/surau dan madrasah untuk digunakan oleh orang ramai.⁴ Wakaf juga digunakan untuk nama-nama iaitu sesuatu Badan, Yayasan, pertubuhan dan Lembaga. Juga diertikan sebagai “JEDA, BERJEDA” iaitu beristirahat, berhenti sebentar, berhenti sekejap atau tidak lama.⁵

DALIL-DALIL WAKAF MENURUT AL-QURAN

Pendekatan Al-Quran tentang wakaf adalah pelbagai yang boleh disimpulkan dalam tiga pendekatan perkataan Arab iaitu wakaf, *Qardh* dan *infaq*. Wakaf digunakan bagi menerangkan erti perkataan wakaf dari sudut bahasa, sebanyak empat tempat iaitu “*Waqifuuhum*” yang bermaksud: tahankan mereka (*al Souffaat*: 24), *Wukifuu*: mereka ditahan (*al An'Aam*: 27 & 30) dan “*maukuufuuna*”: mereka ditahan di sisi Tuhan mereka (*Saba'*: 31). Manakala kalimah *al Qardh* (القرض) yang bermaksud “pemberian”, digunakan sebanyak 13 tempat yang meliputi enam perkataan,⁶ iaitu

(تَقْرِضُوا اللَّهُ ، يَقْرِضُ اللَّهُ ، قَرِضاً حَسْنَا تَقْرِضُهُمْ ، أَقْرَضْتُمْ ، أَقْرَضُوا اللَّهُ ،)

Contohnya firman Allah S.W.T.:

وأقيموا الصلاة وآتوا الزكاة وأقرضوا الله قرضاً حسناً، وما تقدمو لأنفسكم من خير تجدهونه عند الله هو خيراً .
وأعظم أجراً ... المزمل: 20

Maksudnya: “dan dirikanlah kamu akan solat dan keluarkanlah zakat serta berikanlah oleh kamu akan Allah dengan pemberian

³ Farahdina bt. Abdul Manaf & Nursiah bt. Sulaiman, Peranan Harta Wakaf dalam Bidang Pembangunan Dan Pendidikan: Fokus Dalam Bidang Perubatan, Koleksi Kertas Sisipan Seminar Kebangsaan: Peranan Harta Sedekah Dalam Memartabatkan Pembangunan Dan Pendidikan Ummah, pada 13 & 14 Januari 2004, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM, ms 136.

⁴ Hj. Zainal Abidin b. Safarwan, Kamus Besar Bahasa Melayu, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 1995, ms 2166.

⁵ Ibid, ms 2166 & 719.

⁶ Dr. Muhammad Hasan al Himsi, Quran Karim: Tafsir wabayan ma'a Faharis kamilah Lil mawadhi' wal Alfadz, Dar al Rasyid, Beirut, 1984, ms 177 & 234.

yang baik, dan apa-apa jua yang kamu belanjakan untuk diri kamu dari mana-mana kebaikan, kamu akan dapat di sisi Allah, ianya adalah lebih baik serta lebih besar pahalanya”.

Manakala perkataan infaq pula digunakan di dalam Al-Quran lebih dari 60 tempat, yang mana wakaf juga adalah Infaq *fisabilillah*.⁷ Bahkan mewakafkan harta benda jauh lebih utama dan jauh lebih besar pahalanya daripada bersedeqah (infaq) biasa, kerana sifatnya kekal dan manfaatnya lebih besar. Pahalanya terus mengalir kepada pewakaf meskipun ia telah meninggal dunia.⁸ Antara firman Allah S.W.T. tentang Infaq ialah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ... الْبَقْرَةُ: 267

Maksudnya:⁹ wahai orang-orang yang beriman, berinfaqlah kamu (semua) daripada apa yang baik-baik apa yang kamu usahakan dan dari apa yang Kami keluarkan untuk kamu daripada perut bumi...”

Begini juga firman Allah S.W.T.:

لَنْ تَنالُ الْبَرَ حَتَّىٰ تَنْفَقُوا مِمَّا تَحْبُّونَ وَمَا تَنْفَقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ .. آلِ عُمَرٍ: 92

Maksudnya:¹⁰ tidak sekali-kali kamu mendapat kebaikan sehingga galah kamu menginfaqkan dari apa yang kamu sayangi dan apa-apa sahaja yang kamu infaqkan itu, maka sesungguhnya Allah amat mengetahuinya”.

Dua ayat di atas adalah contoh infaq di jalan Allah S.W.T. Ayat tersebut tidak menghad jenis harta dan bentuk infaq itu. Maka wakaf adalah langkah terbaik bagi menginfaqkan apa jua yang baik yang kita miliki, demi merebutkan pahala yang banyak (*ajran 'adzima*) di sisi Allah S.W.T.

⁷ Ibid, ms 219.

⁸ Farahdina bt. Abdul Manaf & Nursiah bt. Sulaiman, Peranan Harta Wakaf Dalam Bidang Pembangunan dan Pendidikan: Fokus Dalam Bidang Perubatan, Ibid, ms 136

⁹ Al Baqarah: 267

¹⁰ Ali 'Imran: 92

PERBEZAAN ANTARA WAKAF, INFaq DAN SADAQAH

Al-Quran telah menggunakan ketiga-tiga perkataan di atas iaitu wakaf, infaq dan sadaqah. Apakah perbezaannya antara ketiga-tiga istilah tersebut dari sudut bahasa dan penggunaan ‘ulama’ fiqh? Adakah wakaf itu lebih besar dari infaq dan juga sadaqah? Bagi membezakan ketiga-tiga istilah tersebut, ayat-ayat Al-Quran telah menentukan garis panduan secara jelas, yang antaranya, firman Allah S.W.T. menerangkan “Sadaqah”:

إنما الصدقات للفقراء والمساكين والعاملين عليها والمولفة قلوبهم فريضة من الله ... التوبة: 60

Maksudnya:¹¹ “Hanya sanya sadaqah-sadaqah itu untuk (kepada) orang-orang fakir, miskin, para ‘amilnya, para muallaf... adalah satu kewajipan dari Allah...”

خذ من أموالهم صدقة تطهرهم وتزكيهم بها وصل عليهم، إن صلاتك سكن لهم ، والله سميع عليم (التوبة : 103)

Maksudnya:¹² “Ambillah daripada harta mereka itu sebagai sadaqah (zakat) kerana dengan sadaqah itu (zakat) akan membersih serta mensucikan mereka, dan doalah untuk mereka, sesungguhnya doa kamu itu mententeramkan jiwa mereka, dan Allah itu amat mendengar lagi mengetahui”.

Penggunaan “sadaqah/ sadaqaat” di dalam ayat di atas adalah bermaksud zakat yang wajib. Berkata Assyaikh Muhammad ‘Ali al Sobuni bahawa ayat di atas menerangkan soal zakat yang wajib diambil dari orang Muslim berada untuk diagihkan kepada lapan asnaf penerima zakat. Maksudnya sadaqah ini tidak dikategorikan infaq atau wakaf, tetapi sadaqah wajib.¹³

Manakala infaq dan wakaf telah pun dijelaskan di dalam penghuraian tajuk sebelum ini. Justeru itu, wakaf merupakan salah satu cara untuk menginfakkan harta yang ada, yang dimiliki sepenuhnya dan

¹¹ Al Taubah: 60

¹² Al Taubah: 103

¹³ Muhammad ‘Ali al Sobuni, Sofwati al Tafaasir, cetak 2, Dar Ihyat al Turath al ‘Arabi, Beirut, 2000, ms 372.

dapat dengan cara halal. Maka dengan itu telah jelas perbezaan di antara ketiga-tiga istilah tersebut.

SYARAT-SYARAT WAKAF DAN PEWAKAF

Walaupun wakaf itu nampaknya mudah, tetapi ianya perlu diatur dengan baik dan sempurna serta perlu mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan syarak. Wakaf mempunyai 4 rukun asas iaitu: orang yang memberi wakaf, orang yang menerima wakaf, barang yang diwakafkan dan ikrar/sighah wakaf. Pelaksanaan ‘aqad wakaf ini berdasarkan syarat-syarat berikut:¹⁴

- Pemberi wakaf melakukannya di atas kehendaknya sendiri.
- Penerima wakaf jelas, baik yang berupa organisasi atau orang tertentu.
- Berlaku untuk selamanya, iaitu tidak terikat pada waktu tertentu.
- Barang yang diwakafkan itu wujud nyata pada saat diserahkan.
- Jelas ikrarnya dan penyerahannya lebih baik secara bertulis, supaya tidak mendatang sebarang masalah di kemudian nanti.

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN MAQASID SYARIAH?

Syariah Islam diturunkan oleh Allah S.W.T. untuk memberikan kebaikan dan kemaslahatan kepada manusia. Objektif atau *maqasid* hukum Islam ialah untuk menjaga kepentingan dan keperluan manusia di dunia serta akhirat. *Maqasid Syariah* ialah tujuan dan rahsia-rahsia yang telah ditetapkan Allah S.W.T. pada setiap hukum yang telah disyariatkan iaitu untuk mencapai kebahagiaan individu dan masyarakat, memelihara undang-undang dan seterusnya untuk

¹⁴ Farahdina bt. Abdul Manaf & Nursiah bt. Sulaiman, Peranan Harta Wakaf Dalam Bidang Pembangunan Dan Pendidikan: Fokus Dalam Bidang Perubatan, Ibid, ms 136.

memakmurkan dunia sehingga mencapai tahap kesempurnaan, kebaikan, kemajuan dan ketamadunan yang tinggi.¹⁵ Menurut *al-Shatibi* dalam kitabnya *al-Muwafaqat Fi Usul al-Shariah*, selain untuk memelihara kemaslahatan atau kepentingan manusia dalam menjalani kehidupan di dunia, ia juga bertujuan untuk memelihara kepentingan manusia selepas kematian mereka.¹⁶ Ini membuktikan bahawa kedatangan Islam merupakan rahmat kepada manusia sekalian alam sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: “Kami tiada mengutuskan engkau (ya Muhammad), melainkan menjadi rahmat untuk semesta ‘alam.” (*Al-Anbiya’*: 107)

Mengikut kupasan para *fuqaha* Islam, kepentingan manusia dan masyarakat yang dijamin oleh *syariah* Islam didorong dengan empat intipati yang utama:

1. *Jalb al-Masalih*: mencapai kepentingan di dalam kehidupan.
2. *Dar al-Mafasi*: menolak kerosakan yang bakal timbul dalam masyarakat
3. *Sadd al-Dharar* : menyekat kepentingan buruk.
4. *Taghayyur al-Zaman*: mementingkan faktor peredaran zaman.

Merujuk kepada perkara yang pertama di atas, matlamat utama hukum Islam adalah bagi memelihara kemaslahatan (kepentingan) masyarakat yang terbahagi kepada tiga bentuk kepentingan:

1. Maslahah asas (*Daruriyyah*) yang melibatkan pemeliharaan lima perkara iaitu agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta. Kesemua kepentingan ini dapat dianggap sebagai keperluan asasi yang tidak dapat tidak amat diperlukan oleh setiap manusia, di dalam kehidupan bermasyarakat. Seandainya salah satu daripada keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia sudah tiada erti lagi. Sebarang perkara dan

¹⁵ Al-Zuhayli, Wahbah, *Nazariyah al-Dhorurah al-Syari'yyah Muqaranah maa' al-Qanun al-Wadhi'*, Dar al-Fikr, Damsyiq, 1997, hlm. 48.

¹⁶ Al-Syatibi, Abu Ishaq, *al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah*, Dar-al-Ma'rifah, Beirut, 1996, Jil. 1, hlm. 351.

tindakan yang mencabul kelima-lima perkara ini akan dianggap sebagai *mafsadah*.

2. Maslahah yang diperlukan (*Hajiyah*) yang melibatkan semua yang diperlukan oleh manusia untuk mewujudkan kemudahan dan kelapangan dalam menjalankan tugas dalam kehidupan. Walaupun ianya tidak sampai kepada tahap keperluan asasi yang boleh menyebabkan kebinasaan hidup manusia, tetapi ianya diperlukan bagi mengelakkan kesusahan hidup di dalam masyarakat.
3. Maslahah yang diperlukan untuk menjaga kehormatan hidup manusia (*Tahsiniyyah*) yang melibatkan kemuliaan akhlak dan adat yang baik. Semuanya diperlukan bagi menjamin kelancaran hidup manusia dalam masyarakat.

Perbincangan tentang wakaf boleh dikategorikan dalam konsep pemeliharaan *al-mal* atau harta yang dikira salah satu dari perkara *Daruriyyah*. Konsep ini, sebenarnya dalam perbahasan yang komprehensif merujuk kepada konsep pertumbuhan umat yang menyeluruh mencakupi unsur modal alam, insan, usaha dan modal kewangan. Berdasarkan kepada perspektif berkenaan, boleh dirumuskan bahawa *hifz al-mal* secara kolektifnya membawa maksud bahawa betapa perlunya umat bangun menunaikan amanah *kifayah* untuk memelihara, menjaga dan mengurus alam dalam konteks pembangunan ekonomi dan kewangan sejarah dengan matlamat dan kehendak syariah. Ini termasuk pemeliharaan dan pengurusan harta wakaf dengan teratur menurut landasan yang diterima pakai dalam pengurusan harta. Selain itu, premis asas dan fundamental tentang konsep *hifz al-mal* ini perlu dibina berasaskan *tasawwur* semesta Islam yang menegaskan bahawa segala sumber, fungsi dan faedah ekonomi asalnya adalah untuk dimiliki serta dimajukan dan dinikmati oleh warga umat yang soleh untuk tujuan pembangunan dan *imarah* alam ini.¹⁷

¹⁷ Lihat Khalil, Fawzi (2003), *al-Maslahah al-'Amah min Manzur Islamiy wa Yalihi Tatbiqat al-Maslahah al-'Amah fi 'Asr al-Khulafa' al-Rasyidin*, Beirut: Muassasah al-Risalah, hlm. 241.

Asas Pensyariatan Wakaf

Nas-nas syarak, sama ada al-Quran mahupun as-Sunnah, seperti nas-nas yang menyebut: “*Infaq fi Sabillallah*”, “*al-Bir*”, “*al-Ihsan*” dan “*Sadaqah Jariah*”, jelas membuktikan wakaf adalah suatu yang disyariatkan. Nas-nas ini menyeru supaya memberikan infaq dan bantuan bagi memenuhi keperluan anggota masyarakat yang daif dan memerlukan bantuan, serta membelanjakan harta untuk maslahah umum. Kedudukan wakaf dalam Islam sama seperti zakat yang memindahkan sebahagian daripada kekayaan masyarakat kepada mereka yang memerlukan. Apa yang membezakan zakat dengan wakaf, ialah zakat adalah satu amalan diwajibkan dan apa yang disumbangkan itu tidak akan kekal di mana sumbangannya akan digunakan dalam bentuk hangus. Wakaf khususnya yang berbentuk produktif ialah menggabungkan unsur simpanan tetap dan pelaburan. Aset wakaf adalah berbentuk kekal dan boleh dilaburkan dalam pelbagai bentuk untuk faedah pada masa akan datang.

Mbelanjakan harta dan menolong golongan yang lemah dan memerlukan di dalam Islam adalah suatu kewajipan. Kewajipan ini berasaskan kepada prinsip bahawa setiap anggota masyarakat perlu menolong dan membantu saudaranya yang memerlukan. Sifat bakhil dan kedekut tanpa mempedulikan rasa susah sehingga tiada rasa simpati akan kesempitan hidup orang lain seperti jiran tetangga amat dicela oleh Islam. Pertautan sesama manusia, terutama dalam kalangan Muslim ibarat sebuah binaan; jika sebahagiannya roboh bahagian lain akan turut menerima padahnya. Ibnu Khaldun, bapa ilmu kemasyarakatan moden pernah menyebut:

“Hidup bermasyarakat adalah satu keperluan. Para hukama sering mengungkapkan dengan ungkapan: “Manusia secara tabiinya perlu bermasyarakat”, iaitu ia perlu berkumpul di sesuatu tempat... Ini kerana Allah telah menjadikan manusia di mana mereka tidak mampu hidup tanpa makanan, lalu Allah menunjukkan kepadanya cara untuk mendapatkannya... Untuk mendapatkannya mereka perlu tolong-menolong”.

Sesuai dengan Islam sebagai sistem hidup yang lengkap, peraturan serta sistem tolong-menolong dan sama membantu sesuai dengan pepatah “berat sama dipikul dan ringan sama dijinjing” yang bermula

dengan keluarga terdekat, saudara mara, jiran tetangga sehingga masyarakat dan ummah sejagat digariskan dengan jelas dalam syarak. Pendek kata, wakaf memainkan peranan penting di dalam memenuhi sebahagian kekurangan di dalam masyarakat di samping memungkin perkembangan ekonomi, keilmuan kemasyarakatan dan keagamaan untuk menjamin kesinambungan syiar Islam.

Memahami *Maqsad Wakaf*

Untuk memahami *Maqsad* atau objektif disyariatkan wakaf kita perlu merujuk kepada definisinya. Di dalam hal ini al-Dahlawi pernah menjelaskan: “Wakaf merupakan antara jenis-jenis *akad tabarr*”. Orang-orang Jahiliah tidak mengenalinya, lalu Rasulullah S.A.W. memperkenalkannya kerana beberapa ciri istimewa yang tidak wujud di dalam akad-akad sedekah yang lain. Ini kerana mungkin seseorang ingin membelanjakan hartanya yang banyak di jalan Allah S.W.T. sehingga habis kesemuanya, sedangkan masih ada yang memerlukan, bahkan masih ada yang tidak mendapat langsung. Oleh sebab itu, tiada yang lebih baik dan lebih bermanfaat demi untuk kebaikan umum selain menyimpan untuk golongan fakir dan anak-anak jalanan (serta untuk sebarang kebajikan) dan membelanjakan untuk manfaat mereka sedangkan modalnya masih kekal di tangan orang yang mewakafkan, berdasarkan kata-kata Rasulullah S.A.W. kepada Sayidina Umar R.A.: “Kalau engkau mahu engkau boleh memegang asalnya (sebagai modal) dan sedekahkanlah hasilnya”.¹⁸

Wakaf sering didefinisikan oleh kebanyakan ulama fiqh sebagai “memegang modal dan memanfaatkan keuntungannya”. Definisi ini menjelaskan kepada kita bahawa wakaf membawa maksud pemberian harta secara sukarela untuk digunakan oleh masyarakat atau orang ramai khususnya yang berkaitan dengan keperluan agama.

Istilah yang paling hampir kepada perkataan wakaf yang digunakan oleh pengamal undang-undang ialah *trust*. Oleh kerana *trust* atau amanah mempunyai berbagai jenis, amanah yang bertujuan untuk kebajikan umum telah dikategorikan sebagai *charitable trust*, istilah yang paling hampir maksudnya dengan istilah wakaf di dalam Islam.

¹⁸ Al-Dahlawi, *Hujjutullah al-Balighah*, jil. 2, hlm. 944.

Wakaf adalah satu ibadat yang disyariatkan sebagai salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T., dengan memberikan hartanya kepada jalan Allah S.W.T. Islam menetapkan sedekah atau jariah kepada beberapa peringkat; ada yang wajib seperti zakat dan ada pula sunat. Wakaf adalah antara sedekah sunat. Wakaf yang dilakukan oleh seseorang membuktikan kecintaannya kepada kebaikan dan kemanusiaan secara umum, khususnya saudara-saudaranya selslam. Islam menggalakkan wakaf, sehingga ganjarannya adalah istimewa, iaitu mendapat ganjaran berterusan walaupun selepas kematian. Orang yang mengerjakannya diberi pahala yang berkekalan, tidak putus-putus hingga hal asset harta wakaf itu habis digunakan atau musnah. Oleh sebab itulah, manfaat yang diwakafkan mestilah manfaat yang berkekalan selama mana 'ain atau subjeknya wujud.

Maqsad atau tujuan disyariatkan wakaf ialah untuk kebaikan Islam. Oleh itu apa jua yang membawa kebaikan kepada manusia, sama ada orang Islam mahupun bukan Islam, bahkan untuk kebaikan haiwan dan alam sekitar juga termasuk di dalam kategori wakaf. Keperluan masyarakat yang akan menentukan ke mana harta wakaf akan disalurkan.

Maqsad Asasi Wakaf

Penjelasan sebelum ini menerangkan bahawa ruang lingkup wakaf adalah luas, selama mana ia membawa kepada *maqsad* yang disebutkan ia akan menjadi wakaf. Wakaf tidak hanya tertumpu kepada sesuatu amal kebajikan tertentu, bahkan ia mencakupi semua amal kebajikan untuk maslahah manusia. Di dalam hal ini Allah S.W.T. menyebut:

“Wahai orang-orang yang beriman, ruku’lah, sujudlah,
sembahlah Tuhan-mu dan **berbuatlah kebajikan**, supaya
kamu mendapat kemenangan”.

(al-Haj: 77)

Ayat ini menjelaskan *maqsad* wakaf yang tergolong di dalam kategori melakukan kebaikan, sebarang kebaikan, di sebarang tempat, dan di sepanjang zaman, sekarang dan akan datang. Oleh itu *maqsad* asasi wakaf ialah melakukan kebaikan, mengaktifkan kebaikan dan menyebarkan kebaikan.

Hukum Asal Wakaf Dari Perspektif Maqasid Syariah

Setelah memahami apa itu maqasid syariah, tautan di antara wakaf dan maqasid mudah untuk dijelaskan. Apa yang pasti wakaf memainkan peranan di dalam menjamin *daruriyat* (atau keperluan asasi) yang lima tetap terpelihara, iaitu memelihara agama, memelihara diri, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta. Begitu juga di dalam memelihara *hajiyah* (atau keperluan kurang asasi) dan mengekang sebarang kesulitan, di samping memelihara *tahsiniyyah* (atau kesempurnaan). Banyak ayat Al-Quran yang menyuruh supaya memelihara diri dan bantu-membantu menyebarkan kebaikan dan membuat kebajikan seperti di dalam firman Allah S.W.T.:

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran”.

(al-Ma''idah: 2)

Memang tidak dinafikan bahawa wakaf secara khususnya hukumnya sunat. Walaupun wakaf yang mungkin boleh dikategorikan sebagai *mukmilat* (penyempurna) kerana hukumnya sunat tetapi ia tetap menyumbang kepada keutuhan *daruriyyah*. Hal ini kerana, walaupun wakaf secara prinsipnya sunat, tetapi secara umumnya boleh menjadi wajib. Ini kerana perkara yang sunat, jika ditinggalkan, di mana tiada seorang pun melakukannya ia tidak kekal sebagai sunat, bahkan menjadi satu kewajipan kepada semua orang, sepertimana yang sering dijelaskan oleh para ulama Usul Fiqh.

Ciri-Ciri Wakaf dan *Maqsad* Di Sebaliknya

Untuk menjamin wakaf yang dilaksanakan adalah wakaf yang sah, beberapa ciri penting perlu diperhatikan:

1. Keistimewaan dan keunikian wakaf terletak kepada konsep pemisahan di antara hak pemilikan dan hak atau faedah penggunaan. Bagi kebanyakan ulama, amalan wakaf akan menyebabkan kuasa pemilikan harta dari tuannya akan terhapus terhadap harta tersebut. Pewakaf tidak boleh lagi memiliki harta yang telah diwakafkannya itu dengan

apa jua cara sekalipun, kecuali sebagai pengurus harta wakaf. Wakaf secara prinsipnya adalah satu kontrak yang berkekalan, di mana secara *majazinya* harta wakaf adalah milik Allah S.W.T. Mengikut konsep ini, wakaf sebagai satu entiti baru walaupun yang mempunyai hak dan tanggungan seperti manusia biasa.

Wakaf merupakan amalan yang mesti dilaksanakan tanpa sebarang syarat atau pilihan (*khiyar*) sama ada meneruskan atau membatalkan. Ini menyebabkan kebanyakan ulama menegaskan bahawa wakaf, selepas diisyiharkan, ianya tidak boleh ditarik balik. Ia perlu dilaksanakan dengan segera tanpa ditangguh-tangguh. Oleh sebab itu juga pemilik asal tidak mempunyai hak untuk bertindak (*tasarruf*) ke atas harta yang diwakafkannya, tidak menjualnya atau memberikannya dan sebagainya. Ibn Umar R.A. pernah menyebut: "Umar R.A. telah mewakafkan hasil tanahnya itu, sesungguhnya tanah itu tidaklah dijual, tidaklah dihibah (diberi) dan diwarisi kepada sesiapa". Kata Ibn Umar lagi: "Umar R.A. telah menyedekahkannya kepada orang-orang fakir, kaum kerabat, hamba yang baru merdeka, pejuang-pejuang di jalan Allah S.W.T., Ibn Sabil dan para tetamu. Tidaklah berdosa sesiapa yang menyelia tanah wakaf itu memakan sebahagian hasilnya sekadar yang patut, boleh juga ia memberi makan kawan-kawannya tetapi tidaklah boleh ia memilikinya."¹⁹

2. Wakaf adalah satu sedekah yang berterusan. Oleh itu, harta yang hendak diwakafkan itu mestilah kekal sifat dan zatnya. Wakaf secara prinsipnya adalah sedekah jariah, di mana sesuatu harta seolah-olah masih kekal milik tuannya, tetapi manfaatnya disedekahkan ke jalan Allah S.W.T. dan untuk maslahah umum. Abu Hurairah pernah menjelaskan bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda yang bermaksud:

"Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya".
(Hadis riwayat Muslim)

¹⁹ Al-Dahlawi, *Hujjutullah al-Balighah*, Jil 2, hlm. 944.

Imam al-Rafi'i menjelaskan perkataan bersedekah jariah dalam hadith tersebut dengan maksud wakaf kerana pahala sedekah jariah wakaf terus menerus mengalir kepada orang yang melakukannya, sedangkan sedekah yang lain pahala tidak berpanjangan mengalir seperti wakaf. Oleh sebab itu, wakaf tidak boleh dihadkan kepada satu tempoh masa tertentu kerana ia bersifat berterusan untuk ganjaran yang berterusan.

3. Penggunaan harta wakaf mestilah digunakan untuk kebaikan dan perkara-perkara yang diharuskan syarak. Ini kerana jika *maqsad* wakaf disyariatkan adalah demi untuk kebaikan manusia, maka wakaf boleh dilakukan jika amalan tersebut adalah amalan yang sah di sisi syarak dan membolehkan tuannya mendapat ganjaran. Ini menjelaskan kepada kita kenapa para ulama fiqh menyatakan, syarat utama sesuatu wakaf itu sah ialah ianya adalah untuk tujuan kebaikan (*al-bir*). Oleh sebab itulah tidak diwajibkan untuk menentukan golongan yang akan mendapat manfaat daripada wakaf. Memadai baginya untuk menyebut: "Saya wakafkan harta ini kerana Allah", walaupun tiada menyebut tujuan wakaf tersebut.

Syeikh Muhammad Abu Zahrah pernah menyatakan amalan wakaf tidak terhad kepada pembinaan masjid, bahkan merangkumi semua bentuk amalan yang berlaku pada sedekah seperti amalan mewakafkan tanah, pembinaan hospital, rumah-rumah anak yatim dan fakir miskin.

Oleh itu, wakaf hanya dibolehkan kepada perkara kepentingan umum umat Islam dan bukan kepada tempat ibadat orang-orang kafir, atau disalurkan ke dalam aktiviti yang haram atau maksiat atau yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Hikmat Disyariatkan Wakaf

Apabila kita melihat hikmat disyariatkan wakaf, kita boleh memperincikannya dari pelbagai dimensi. Artikel ini tidak bermaksud untuk memperincikan kesemua hikmat disyariatkan wakaf. Artikel ini akan hanya melihat hikmat disyariatkan wakaf bertitik tolak dari satu fakta iaitu wakaf adalah satu ibadah *maliyah* atau ibadat yang

berkaitan dengan harta untuk agama. Berdasarkan fakta ini wakaf secara ringkasnya mempunyai tiga dimensi:

1. Dari sudut ibadah, wakaf adalah satu amal jariah yang merupakan jambatan ke arah mempertingkatkan iman dan takwa seseorang. Wakaf merupakan *wasilah* bagi menyucikan harta dan diri orang yang bersedekah jika dibuat dengan rela hati tanpa apa-apa agenda keduniaan selain kerana Allah S.W.T. semata-mata dengan kesedaran sesungguhnya rezeki yang dianugerahi Allah S.W.T. itu sebagiannya adalah juga menjadi hak orang lain. Apabila seseorang itu bersedekah bererti dia menyerahkan sebahagian harta paling berharga untuk dimanfaatkan kepada orang lain tanpa mengharapkan sebarang balasan.
2. Dari sudut kemasyarakatan, wakaf boleh membantu ke arah pembangunan sosio-ekonomi ummah. Pelbagai program pembangunan kemasyarakatan dari pendidikan sehingga bantuan kecemasan dan perubatan mudah dilaksanakan dengan pembiayaan ditanggung dana atau tabung sedekah yang dikumpulkan hasil sumbangan orang ramai. Kemurnian amalan ini akan membawa keselesaan hidup ummah. Ini mendorong mengapa Islam menggalakkan amalan ini kerana, ia dalam masa yang sama juga membantu golongan daif. Apatah lagi realiti sekarang di mana majoriti masyarakat dunia yang memerlukan bantuan adalah masyarakat Islam.
3. Dari sudut keagamaan, wakaf disyariatkan demi untuk memartabatkan Islam dan syiarnya. Institusi wakaf telah lama memainkan peranan penting sepanjang kegemilangan pemerintahan Islam yang bermula dari zaman Rasulullah S.A.W. sehingga kegemilangan Islam di Iraq, Mesir, Sepanyol dan Turki. Sebagai contoh, Masjid Kuba' dan Masjid Nabawi di Madinah telah dibina melalui harta wakaf. Oleh kerana wakaf sesuatu yang amat digalakkan dalam Islam, ia telah berkembang dari satu zaman ke satu zaman sehingga kini. Banyak institusi pengajian tinggi seperti Universiti al-Azhar lalu dibina dari harta wakaf. Sehingga kini pembiayaan Universiti al-Azhar yang dibina semenjak 1,000 tahun

dikendalikan daripada harta wakaf yang memberi khidmat percuma pengajian kepada para pelajar Islam dari seluruh dunia. Begitu juga dengan Universiti al-Qurawiyyin di Maghribi telah dibina dari harta wakaf.

Skop Penggunaan Maqasid Dalam Menentukan Hukum-Hakam Wakaf

Hukum-hakam berkenaan wakaf secara umumnya adalah hukum-hakam yang berasaskan *ijtihad*, kerana wakaf termasuk di dalam ruang lingkup hukum-hakam yang berkaitan muamalat, di mana peluang untuk berijtihad di dalam bab muamalat terbuka luas.

Oleh kerana **hukum-hakam berkenaan wakaf berdasarkan ijtihad**,²⁰ peranan *maqasid* adalah besar di dalam menentukan hala tuju hukum-hakam berkenaan wakaf. Ini disokong oleh fakta sejarah yang menjelaskan hukum-hakam wakaf adalah hukum-hakam yang memerlukan *ijtihad*, dan penentuan hukum-hakam ini didasarkan kebanyakannya kepada *maqasid syariah*. Sebagai contoh:

1. Muncul istilah-istilah baru berkaitan wakaf seperti *umra* dan *ruqba*, di mana kedua-duanya melibatkan wakaf sementara:
 - i. *Umra* merujuk kepada pemberian sesuatu harta kepada seseorang selama mana penerimanya masih hidup. Jika penerima meninggal dunia, harta tersebut akan dikembalikan kepada pemberi atau warisnya. Sebagai contoh pemberi akan berkata: “Saya *imarahkan* rumah ini selama mana engkau masih hidup”.
 - ii. *Ruqba* merujuk kepada pemberian sesuatu harta kepada seseorang, di mana jika penerimanya meninggal dunia terlebih dahulu harta tersebut akan dikembalikan semula kepada pemberi, tetapi jika pemberi meninggal dunia terlebih dahulu, harta tersebut kekal milik penerima.

²⁰ Mustafa al-Zarqa, *Ahkam al-Waqf*, Jil. 1, hlm. 51.

2. Muncul pelbagai kategori baru berkaitan wakaf, sama ada dari segi jenis harta yang diwakafkan ataupun tujuan sesuatu harta diwakafkan. Sejarah wakaf dalam Islam telah membuktikan bahawa berbagai-bagai jenis harta telah diwakafkan oleh umat Islam. Jenis harta yang diwakafkan berbeza-beza mengikut tujuan seseorang pewakaf dan kadangkala jenis harta wakaf itu mengikut keperluan semasa. Ini termasuk Wakaf Umum, Wakaf Khusus atau Wakaf Bercampur:
 - i. **Wakaf Umum** merujuk wakaf yang ditujukan kepada semua golongan masyarakat.
 - ii. **Wakaf Khusus** merujuk kepada wakaf kepada golongan tertentu, di mana biasanya untuk kalangan tertentu yang mempunyai hubungan kekeluargaan atau golongan lain di mana pemberi wakaf mempunyai kepentingan, seperti jiran atau yang seumpama dengannya. Ia juga dikenali sebagai *waqaf ahli* atau *waqaf zurri*.
 - iii. **Wakaf Bercampur** merujuk harta yang diwakafkan sebahagiannya kepada ahli keluarga dan sebahagian yang lain untuk masyarakat umum. Ia juga dikenali sebagai *waqaf mustarak*. Contohnya wakaf tanah pertanian yang sebahagian dari hasilnya ditujukan untuk anak cucu sementara sebahagian lagi untuk tujuan umum.

Maqasid Sebagai Landasan Menentukan Hukum-Hakam Wakaf

Oleh kerana hukum-hakam berkenaan wakaf berasaskan ijтиhad, peranan *maqasid* adalah sangat besar. Dengan memahami ilmu *maqasid syariah* di samping memahami *maqsad* pensyariatan wakaf, para *mujtahid* boleh menyelesaikan persoalan-persoalan berkaitan wakaf, terutama isu-isu baru yang melibatkan hukum. Artikel ini tidak bermaksud untuk membentangkan kesemua isu-isu ini. Cukup sekadar beberapa contoh yang boleh dimanfaatkan bersama:

1. Menentukan Prioriti Dalam Wakaf

Banyak kaedah fiqh yang berkaitan *maqasid syariah* yang telah digariskan oleh para ulama, termasuk yang berkaitan

dengan prioriti atau keutamaan. Di dalam menentukan prioriti di dalam mengurus harta wakaf, kita tidak boleh lari dari hakikat ini. Apa yang penting, seperti yang digariskan oleh Prof. Dr. Wahbah Zuhaily:²¹

“Apa yang penting bagi kita di dalam situasi masyarakat semasa ialah untuk membolehkan wakaf dibelanjakan di dalam sektor umum yang prihatin kepada keperluan masyarakat berdasarkan keperluan... seperti keperluan jihad menentang musuh, penajah dan perampas, membantu mangsa perang, gempa bumi, gunung berapi, taufan, banjir, juga untuk sektor kesihatan, pendidikan dan penyelidikan ilmiah, menyelesaikan masalah belia untuk mendirikan rumahtangga, juga masalah penempatan, menentang gejala sosial, kemiskinan, buta huruf, masalah anak-anak jalanan, dan yang seumpama dengannya yang memerlukan tindakan serta merta dan segera”.

Cara untuk melaburkan harta wakaf adalah suatu yang fleksibel, sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa, selama mana cara-cara ini selari dengan kehendak Syariah.

2. Pengurusan Dan Pengawalseliaan Wakaf

Harta wakaf sebagai sedekah jariah sudah semestinya memerlukan bukan sahaja pengurusan yang berterusan bahkan pengawalseliaan yang berterusan. Inilah yang disebut oleh para ulama sebagai *nazir* yang mengurus dan mengawasi harta wakaf tersebut untuk memastikan harta wakaf tersebut menghasilkan manfaat. Tugas penyelia berkenaan meliputi mendaftar, mentadbir, memelihara, membangun, memaju dan membahagikan harta tersebut kepada orang-orang yang berhak. Bagi memastikan pengurusan dan pengawalseliaan wakaf berjalan lancar dan menepati *maqsad* atau objektif disyariatkan wakaf, para pengurus atau *nazir* mesti

²¹ Dr. Wahbah Zuhaily, *Ihya Nizam al-Waqf wa Fiqhuhu Mahliyan wa Dauliyan*, Kertas kerja di Mukmat al-Shariqah li al-Waqf al-Islami, 26-27 April 2005, Sarjah, UAE.

melaksanakan tugasnya berdasarkan garis panduan yang sesuai. Di dalam hal ini Prof. Dr. Wahbah Zuhaily²² telah mengariskan beberapa garis panduan antaranya:

- i. Pengurusan yang menepati *maqsad wakaf*.
- ii. Sentiasa berhati-hati dan bersikap amanah.
- iii. Sentiasa mendapatkan nasihat dan panduan daripada pakar yang berkenaan.
- iv. Memastikan harta wakaf dilaburkan di dalam pelaburan yang patuh syariah.
- v. Memastikan hasil wakaf disalurkan kepada yang memerlukan berdasarkan keperluan dan prioriti seperti yang digariskan oleh syarak dan berdasarkan prinsip *maqasid syariah*.

Pentadbiran dan pengurusan harta wakaf yang sistematik dan efektif amat diperlukan. Harta wakaf yang sering dilihat sebagai tanah perkuburan, masjid, madrasah dan tanah terbiar harus diberi perhatian. **Masalah harta wakaf yang berpotensi untuk dibangunkan, tetapi masih belum dimajukan, masalah perundangan yang berkaitan dengan tanah, masalah penyusunan semula struktur organisasi pentadbiran wakaf dan mewujudkan rekod maklumat hartanah wakaf berpusat perlu diselesaikan segera.** Adalah menjadi tanggungjawab umat Islam berusaha meletakkan kembali institusi wakaf ke taraf yang sebenar dan menjadikannya institusi yang penting dalam membangunkan masyarakat dan negara, demi memastikan *maqsad* disyariatkan wakaf tercapai.

3. Melaburkan Harta Wakaf

Manfaat daripada harta yang diwakafkan boleh diperolehi secara langsung atau tidak langsung. Harta yang hanya boleh dimanfaatkan secara tidak langsung, boleh dijadikan modal untuk dilaburkan, di mana hasil atau keuntungan pelaburan akhirnya boleh dimanfaatkan.

²² Dr. Wahbah Zuhaily, *Ihya Nizam al-Waqf wa Fiqhuhu Mahliyan wa Dauliyan*, kertas kerja di Mukmat al-Shariqah li al-Waqf al-Islami, 26-27 April 2005, Sarjah, UAE.

Hadith yang menjadi asas pensyariatan wakaf menyebut dengan jelas: "Kalau engkau mahu engkau boleh memegang asalnya (sebagai modal) dan sedekahkan hasilnya".²³ Hadith ini dengan jelas menekankan pentingnya harta wakaf dilaburkan. Ini selari dengan *maqsad* harta di dalam Islam. Islam melarang harta menjadi statik, beku dan tidak bergerak. Oleh sebab itu zakat diwajibkan, kerana harta yang tidak dilaburkan akan menyebabkan kehilangan modal pokok melalui zakat yang dikeluarkan setiap tahun. Dengan melihat nas-nas yang ada ini sudah cukup untuk membuktikan kepentingan harta wakaf dilaburkan, dan ia selari dengan *maqsad* atau kehendak Ilahi yang telah mensyariatkan wakaf, bahkan **wakaf itu sendiri secara prinsipnya adalah pelaburan.**

Cadangan dan pelaksanaan Dana Wakaf, Skim Saham Wakaf dan Pelan Takaful Wakaf dan produk-produk lain berasaskan wakaf yang dibangunkan oleh beberapa pihak amat digalakkan dan menepati *maqsad* wakaf disyariatkan.

4. Penukaran Harta Wakaf

Di dalam hal ini jika kita melihat kepada *maqsad* disyariatkan, tidak dapat dinafikan penukaran harta wakaf dengan cara menjual dalam bentuk *badal* (ganti) untuk membeli harta yang lain yang lebih ekonomik adalah suatu yang selari dengan *maqsad* atau kehendak Ilahi selama mana adanya maslahah atau kebaikan kepada semua pihak. Biarpun ada pelbagai garis panduan yang telah digariskan oleh para ulama pelbagai mazhab tetapi kesemua ini menjurus kepada persoalan sejahtera mana ia mencapai *maslahah* yang dikehendaki daripada pensyariatan wakaf. Sebagai contoh untuk membolehkan wakaf ditukar ganti, mazhab Hanbali hanya mensyaratkan wujudnya hajat atau keperluan penukaran tersebut.²⁴ Sedangkan mazhab Hanafi mensyaratkan enam syarat, antara lain harta asal yang diwakafkan telah tidak dapat dimanfaatkan dan ia hendaklah diganti dengan hartanah bukan wang ringgit.²⁵ Walau apapun, yang jelas,

²³ Al-Dahlawi, *Hujjutullah al-Balighah*, Jil 2, hlm 944.

²⁴ Ibnu Qudamah, *al-Mughni*, Jil. 5, hlm. 575.

²⁵ Kamal al-Humam, *Fath al-Qadir*, Jil. 5, hlm. 58.

ianya adalah masalah berdasarkan *ijtihad*, setiap masalah perlu diteliti, dan hukum sesuatu maslahah mungkin berbeza dengan maslahah yang lain.

5. Wakaf Bukan Islam

Wakaf bukan Islam melibatkan isu pewakaf adalah bukan Islam di samping isu wakaf ditujukan kepada bukan Islam.

Secara umumnya mazhab fiqh yang empat mengharuskan wakaf daripada bukan Islam,²⁶ kerana orang Islam dan bukan Islam perlu melaksana hukum-hakam berkaitan muamalat yang sama di dalam negara Islam, kecuali di dalam masalah tertentu di kalangan sesetengah mazhab seperti hukum meminum arak dan memakan daging khinzir.²⁷

Beginu juga wakaf kepada bukan Islam, mazhab fiqh yang empat mengharuskannya.²⁸ Ini terutamanya berdasarkan dalil-dalil yang mengharuskan wakaf, telah diturunkan secara umum. Berdasarkan kaedah Usul Fiqh, nas yang am harus dikekalkan di dalam keadaannya yang asal, kecuali ada dalil yang mengkhususkannya. Beginu juga bagi kebanyakan ulama masa kini, mereka cenderung untuk mengharuskan wakaf kepada bukan Islam, terutama untuk tujuan dakwah bagi mendekatkan mereka kepada Islam. Ini sebenarnya *maqsad* utama diturunkan Syariah itu sendiri iaitu memelihara agama. Oleh itu wakaf yang bersifat umum seperti hospital, sekolah, rumah orang tua dan yang seumpama denganannya boleh dimanfaatkan bukan sahaja oleh orang Islam tetapi orang bukan Islam, dan ia tidak bertentangan dengan *maqasid syariah*.

²⁶ al-Zailai', *Tabyin al-Haqaiq*, Jil. 3, hlm. 325; al-Dardir, *al-Syarh al-Saqir*, , Jil. 4, hlm. 118; al-Syarbini, *Mugbi al-Muhtaj*, Jil. 3, hlm. 523; al-Mardawi, *al-Insaf*, Jil 7. hlm. 12.

²⁷ al-Jassas, *Ahkam al-Quran*, Jil. 2, hlm. 611.

²⁸ Ibn al-Humam, *Fath al-Qadir*, Jil.6, hlm 601; al-Kharsi, *Syarah Mukhtasar Khalil*, Jil. 7, hlm.. 80; al-Syarbini, *Mugbi al-Muhtaj*, Jil. 3, hlm. 531; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Jil. 5, hlm. 377.

PENUTUP

Wakaf disyariatkan berdasarkan nas-nas As-Sunnah, begitu juga berdasarkan nas-nas Al-Quran yang umumnya menggalakkan kebaikan dan membuat kebajikan.

Wakaf telah memberi sumbangan yang bermakna kepada sosio-ekonomi umat Islam sejak dari kemunculan negara Islam yang pertama lagi. Oleh itu, wakaf harus dikembangkan lagi bagi menjamin keberkesanannya dan supaya *maqsad* atau objektif pensyariatannya tercapai.

Masyarakat perlu komited dalam melaksanakan ibadah wakaf. Jika semua masyarakat Islam komited dengannya banyak masalah sosio-ekonomi serta ummah sosio-politik dapat diatasi.

Isu-isu hukum-hakam dalam wakaf boleh diselesaikan dengan mengamati *maqasid* syariah di dalam pensyariatannya. Ini kerana hukum-hakam berkaitan wakaf, kebanyakannya, jika tidak kesemuanya adalah berdasarkan *ijtihad*.

RUJUKAN

Al-Syatibi, Abu Ishaq, 1996. *al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah*, Jil. 1, Dar-al-Ma'rifah Dr. Muhammad Hasan al Himsi, 1984. Quran Karim: *Tafsir wabayan ma'a Faharis kamilah Lil mawadhi' wal Alfadz*, Dar al Rasyid, Beirut.

Al-Zuhayli, Wahbah, 1997. *Nazariyah al-Dhorurah al-Syari'yyah Muqaranah maa' al-Qanun al-Wadhi'*, Dar al-Fikr, Damsyiq.

Dr. Wahbah Zuhaily, 2005. *Ihya Nizam al-Waqf wa Fiqhuhu Mahliyan wa Dauliyan*, kertas kerja di Mukmat al-Shariqah li al-Waqf al-Islami, Sarjah, UAE.

Elias, ed E.Elias, 1987. Bab *wakf*, Pocket Dictionary.

Fuad Ifram al Bustani, 1986. *Munjid al Tollab*, Dar al Masyriq, Beirut.

Farahdina bt. Abdul Manaf, Nursiah bt. Sulaiman, 2004. *Peranan Harta Wakaf dalam Bidang Pembangunan Dan Pendidikan: Fokus Dalam Bidang Perubatan*, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM, Koleksi Kertas Sisipan Seminar Kebangsaan: Peranan Harta Sedekah Dalam Memartabatkan Pembangunan Dan Pendidikan Ummah.

Hj. Zainal Abidin b. Safarwan, 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu*, Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.

Lihat Khalil, Fawzi, 2003 *al-Maslalah al-'Amah min Manzur Islamiy wa Yalihi Tatbiqat al-Maslalah al-'Amah fi 'Asr al-Khulafa' al-Rasyidin*, Beirut: Muassasah al-Risalah.

Muhammad 'Ali al Sobuni, 2000. *Sofwati al Tafaasir*, cetak 2, Dar Ihya al Turath al 'Arabi, Beirut.

PENGURUSAN HARTA WAKAF DAN POTENSINYA KE ARAH KEMAJUAN PENDIDIKAN UMAT ISLAM DI MALAYSIA¹

Oleh:

Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki b. Hj. Abd Latiff²

Dr. Norzaidi b. Mohd Daud

Che Zuina bt. Ismail

ABSTRAK

Wakaf dalam bidang pendidikan adalah pelaburan penting untuk melahirkan modal insan yang berkualiti. Pelbagai cabaran dihadapi dalam membangun dan memajukan institusi pendidikan wakaf. Pengurusan tenaga pakar, pengurusan pentadbiran, dan pengurusan pemasaran, termasuk halangan kemajuan wakaf merupakan faktor penyumbang kepada pembangunan harta wakaf pendidikan di Malaysia. Bagi memantapkan sistem pengurusan harta wakaf ke atas pembangunan harta wakaf pendidikan, maka empat aspek yang disebutkan di atas perlu dititikberatkan.

Perkataan Teras : Wakaf Pendidikan, Pengurusan Harta Wakaf, Institusi Pendidikan Wakaf

Klasifikasi JEL : A12, I21, R11, Z12

¹ Artikel ini diolah semula berdasarkan kertas kerja asal yang dibentangkan di Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama UiTM Johor, UTM, UM, UIAM, YaPEIM, IKIM dan YADIM, The Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006.

² Dr. Ahmad Zaki b. Hj. Abd Latiff adalah pensyarah kanan *Centre For Islamic Thought and Understanding* (CITU) UiTM, Shah Alam; Dr. Norzaidi b. Mohd Daud adalah pensyarah kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UiTM Shah Alam dan Che Zuina bt. Ismail adalah Pensyarah Kanan, CITU UiTM, Johor.

PENGENALAN

Wakaf dalam bidang pendidikan adalah pelaburan penting untuk melahirkan modal insan yang berkualiti seperti ulamak dan umarak yang berwibawa. Sejarah telah membuktikan bahawa amalan wakaf dalam bidang ini telah melahirkan institusi-institusi pengajian yang berkekalan serta melahirkan ribuan ulama yang terkenal dan tersohor di seluruh dunia. Di antaranya ialah Universiti Cordova di Andalus; al-Azhar di Mesir; Madrasah Nizamiyah di Baghdad; Universiti Islam Indonesia; Pondok Pesantren Darunnajah, Indonesia; Madrasah Al-Junied, Singapura; al-Jamiah al-Islamiah di Madinah dan lain-lainnya. Kecemerlangan tokoh dan institusi pendidikan pada zaman kegemilangan Islam adalah hasil dorongan dan galakan dari hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud “*Apabila mati anak Adam terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat (yang diajarkan) dan anak yang soleh yang mendoakan kepadanya*” (Hadis Riwayat Muslim).

Imam Sayuti meletakkan ilmu yang paling teratas dalam senarai sepuluh perkara wakaf yang berkekalan kebaikan selepas kematian seseorang iaitu ilmu yang disebarkan, doa anak yang dididik, pohon kurma yang ditanam, sedekah jariah, mushaf (Al-Qur`an) yang diwariskan, tempat berlindung yang dibangunkan, perigi yang digali, sungai yang dialirkan, tempat berteduh bagi musafir, dan tempat ibadah (Sayyid Sabiq, 1986). Kebanyakan wakaf pendidikan di Malaysia adalah terdiri daripada Sekolah Agama Rakyat (SAR). Sejak sebelum merdeka lagi, keluaran SAR terbukti telah melahirkan ulama, para ustaz dan intelek. Lepasan SAR bukan sahaja cemerlang dalam pelajaran agama malah ramai di kalangan mereka menjadi tokoh-tokoh penting yang menyumbang khidmat kepada negara. Lulusan SAR menjadi warganegara yang berakhhlak mulia, jauh dari gejala sosial seperti terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan maksiat. Lepasan SAR juga dapat memenuhi pengisian pengajian agama di surau dan masjid yang sangat penting dalam memberi kesedaran kehidupan beragama kepada rakyat umum, satu peranan yang biasanya tidak dapat dimainkan oleh produk sekolah biasa.

AMALAN WAKAF PENDIDIKAN

Rasulullah S.A.W merupakan perintis kepada amalan wakaf berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh ‘Umar bin Syaibah dari ‘Amr bin Sa’ad bin Mu’az yang bermaksud:

Kami bertanya tentang wakaf yang terawal dalam Islam? orang-orang Ansor mengatakan adalah wakaf Rasulullah S.A.W (Asy-Syaukani: 129).

Pandangan termasyhur menyatakan individu pertama yang mengeluarkan harta untuk diwakafkan adalah Saidina Umar dengan mewakafkan 100 bahagian daripada tanah Khaibar kepada umat Islam (al-Zuhri, 1989). Institusi yang terawal diwakafkan oleh Rasulullah S.A.W adalah Masjid Quba’ yang diasaskan sendiri oleh Baginda sewaktu tiba di kota Madinah pada tahun 622M atas dasar ketaqwaan kepada Allah S.W.T bertepatan dengan FirmanNya yang bermaksud:

“Sesungguhnya masjid yang dibina atas dasar taqwa (Masjid Quba’) sejak hari pertama adalah lebih patut kamu bersolat di dalamnya terdapat orang-orang yang ingin membersihkan diri dan Allah S.W.T suka orang-orang yang bersih” (al-Taubah, 108).

Ini diikuti pula dengan wakaf Masjid Nabawi di Madinah enam bulan selepas pembinaan Masjid Quba’. Diriwayatkan bahawa Baginda telah membeli tanah bagi pembinaan masjid tersebut daripada dua saudara yatim piatu iaitu Sahl dan Suhail dengan harga 100 dirham (Syed Ameer Ali, 1992). Baginda berpendapat bahawa masjid adalah pusat pembinaan masyarakat dalam semua sudut pembangunan sama ada rohani, jasmani dan intelek. Masjid adalah tempat ibadat dijadikan sebagai institusi pendidikan yang kedua dalam dunia Islam selepas rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam (Abdullah b. Ishak, 1995).

Institusi pendidikan ketiga dalam Islam iaitu *kuttab* yang muncul setelah Kerajaan Bani Umaiyyah (660M-750M) lama memerintah. *Kuttab* atau kata jamaknya *Katatib* merupakan salah satu pusat

pendidikan permulaan untuk kanak-kanak. Kemudian barulah pelbagai jenis institusi pendidikan diwujudkan seperti madrasah, *bait al-hikmah* dan lain-lain yang diwakafkan oleh para khalifah. Institusi-insitusi pendidikan ini telah diberi bantuan oleh pewakaf seperti tanah dan harta untuk membiayai dan menjaganya. Para khalifah juga telah memerintahkan agar dibahagi-bahagikan rezeki kepada penuntut-penuntut dan guru-guru untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Cara ini dipelihara pada zaman Abasiyah, Fatimiyah, Ayyubiyah, Mamalik dan Uthmaniayah untuk menjamin kehidupan penuntut-penuntut dan guru-guru, agar tenteram dalam berbakti kepada ilmu (Hasan Langgulung, 1991).

Khalifah al-Ma'mun (198-218 H) merupakan individu pertama mengemukakan idea supaya menubuhkan badan-badan wakaf bagi menghasilkan dana atau pendapatan membiayai institusi pendidikan. Institusi wakaf merupakan sumber kewangan bagi membiayai institusi pendidikan Islam ketika itu. Baitul Hikmah adalah antara institusi pendidikan tinggi yang pertama dibiayai oleh badan-badan wakaf yang dipelopori oleh Khalifah al-Ma'mun di Baghdad (Ahmad Shalaby, 1976). Pada zaman Khilafah Abasiyah (754-1258M), Ayyubiah (1171-1249M), Mamalik (1249-1517M) dan 'Uthmaniayah (1299-1924M), wakaf berkembang dengan pesat dan berjaya membangunkan banyak sekolah, perpustakaan dan universiti yang melahirkan ramai sarjana terbilang (<http://www.hsbc.com.my>).

Amalan wakaf dalam pendidikan dalam kalangan umat Islam di Malaysia pula telah dilaksanakan semenjak kedatangan Islam ke alam Melayu dan ia boleh dianggap sebagai satu tradisi positif yang perlu dikembangkan. Amalan wakaf pendidikan terdapat dalam pelbagai bentuk dan sifat harta yang telah diwakafkan oleh pewakaf. Antaranya ialah wakaf asrama pelajar, wakaf biasiswa, wakaf saraan, wakaf bangunan dan wakaf pembelajaran seperti buku, meja dan lain-lain.

Institusi pondok merupakan antara harta wakaf pendidikan yang terawal di Tanah Melayu diwakafkan oleh para ulama yang kebanyakannya tamat pengajian agama di Mekah. Bentuk pengajian pondok ini begitu popular dalam kalangan masyarakat Islam terutamanya di akhir abad ke 19 dan awal abad 20. Lokasi yang terkenal dengan pengajian pondok ini seperti Patani, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perak, Seberang Prai dan lain-lain (Mohd b. Taib, 2000).

Pada awal abad ke-20, pengajian berbentuk madrasah atau sekolah Arab diwujudkan untuk menggantikan institusi pengajian pondok bagi menyesuaikan pendidikan Islam yang wujud di negara-negara Timur Tengah (terutamanya di Mesir). Sistem madrasah yang lebih sistematik dan lebih formal dari sistem pondok lahir setelah idea *islah* dari Timur Tengah mulai meluas di Tanah Melayu. Di antara madrasah yang terawal didirikan atas tanah wakaf ialah Madrasah al-Attas, Pekan atau sekarang dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama al-Attas. Namun ada pendapat menyatakan bahawa Madrasah al-Misriyah, Bukit Mertajam, Seberang Prai yang ditubuhkan pada 1906 merupakan institusi pendidikan wakaf terawal (Rahim b. Osman, 1976). Kemudian diikuti dengan penubuhan Madrasah Al-Iqbal di Singapura pada tahun 1907. Dengan wujudnya pengajian berbentuk madrasah memudahkan lulusannya menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi terutamanya di universiti-universiti Timur Tengah.

Penghakisan pendidikan Islam oleh penjajah, khususnya di Tanah Melayu dibuat secara halus melalui pengenalan pendidikan ‘sekular’. Akibat daripada pelaksanaan pendidikan sekular, maka pandangan yang memisahkan agama dari urusan dunia telah diterapkan dalam pemikiran umat Islam. Sewaktu kemajuan sekolah sekular, kewujudan sekolah agama (madrasah) amat terbiar. Pihak penjajah telah meletakkan madrasah (sekolah agama/Arab) di bawah tanggungjawab Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing. Akibat dari keadaan ini kemudahan belajar adalah terhad. Kurikulum antara satu negeri berbeza, peperiksaan dikendalikan sendiri di tiap-tiap negeri. Pengiktirafan sijil juga berbeza-beza.

Setelah merdeka, dasar pelajaran Kerajaan Malaysia (Penyata Pelajaran Razak 1956 dan Penyata Pelajaran Abdul Rahman Talib 1960) telah memperkenalkan sistem pendidikan kebangsaan yang mengakibatkan institusi pendidikan wakaf lumpuh. Dasar tersebut telah memberi gambaran bahawa masa depan pelajar-pelajar lulusan daripada sekolah-sekolah Kerajaan lebih terjamin. Maka ibubapa lebih tertarik menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Kerajaan. Akibat dari masalah tersebut perkembangan sekolah-sekolah agama atau madrasah wakaf semakin malap kerana kekurangan pelajar dan kewangan. Oleh itu, Kerajaan telah mengambil alih institusi-institusi ini dan mengubah kurikulumnya selari dengan dasar pelajaran Kerajaan Malaysia.

Jenis Institusi Pendidikan Wakaf

Institusi pendidikan wakaf di Malaysia adalah terdiri daripada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN), Madrasah dan Pondok. SAR ialah sekolah yang didirikan oleh rakyat dan pentadbirannya juga dikendalikan oleh rakyat melalui lembaga pentadbiran atau guru. Sebahagian besar dari sekolah-sekolah ini menerima sumber kewangan dari Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Manakala sistem madrasah pula, banyak tertumpu di kawasan pekan-pekan atau pekan kecil dengan mengenakan syarat-syarat tertentu kepada murid-murid yang hendak masuk belajar, seperti had umur (Sobri b. Salamon, 1985). Institusi pendidikan pondok dapat diertikan sebagai tempat pengajian yang terdapat rentetan-rentetan rumah kecil atau pondok-pondok. Pondok juga memberi erti tempat tinggal pelajar-pelajar yang datang membawa barang-barang keperluan mereka. Sekolah pondok lebih banyak menumpukan kegiatannya di kampung-kampung dengan tidak mengenakan sebarang syarat kepada pelajar-pelajar yang hendak mengikuti pelajaran agama di pondok-pondok tersebut (Abdullah b. Ishak, 1995).

Jadual 1: Anggaran Institusi Pendidikan Wakaf Di Malaysia

| Negeri | Sekolah Men Agama Rakyat/ Madrasah/ |
|----------------------------------|--|
| Perlis | 4 |
| Kedah | 29 |
| Pulau Pinang | 18 |
| Perak | 40 |
| Selangor | 19 |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Tiada |
| Negeri Sembilan | 1 |
| Melaka | 1 |
| Johor | 27 |
| Pahang | 18 |
| Kelantan | 13 |
| Terengganu | Tiada |
| Sarawak | 1 |
| Sabah | 3 |
| Jumlah | 175 |

PENGURUSAN WAKAF PENDIDIKAN DI MALAYSIA

Pelbagai cabaran dihadapi dalam membangun dan memajukan institusi pendidikan wakaf. Setiap cabaran saling berkaitan antara satu sama lain. Biarpun telah banyak usaha dan rancangan untuk membangun dan memajukan tanah wakaf dilakukan, namun sehingga kini kejayaannya amat terbatas. Institusi pendidikan wakaf yang berjaya dibangunkan pula menghadapi masalah lain yang berterusan. Jika diperhatikan secara terperinci kedudukan perancangan dan pembangunan harta wakaf di negara kita terutama dalam pendidikan adalah pada tahap yang amat tidak memuaskan.

Sistem pengurusan wakaf khususnya dalam pendidikan adalah tidak seragam di setiap negeri. Keseluruhan sekolah-sekolah agama yang diwakafkan kepada Majlis ditadbir oleh Jabatan Agama Negeri. Misalnya di Johor, pihak Jabatan Agama (Bahagian Sekolah Agama) adalah pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perjalanan institusi pendidikan ini. Menurut Bahagian Wakaf Agama Johor, segala kos pembangunan sekolah agama adalah ditanggung oleh pihak Jabatan Agama. Ini bermaksud jawatankuasa kebajikan setempat memohon mewujudkan sekolah di tempat mereka dan pihak Jabatan Agama bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala urusan pembangunannya (Mohd Jelani b. Ramly, 1998).

Bahagian Hartanah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu bagi negeri Perak mengeluar dan memproses permit kutipan derma untuk tujuan pembinaan SAR. Bahagian Hartanah juga memperuntukkan kewangan sebanyak RM870,400.00 untuk membina baru atau membaik pulih dan bantuan fizikal. Selain itu, Perak mempunyai 117 lot tanah wakaf saraan SAR yang telah disewakan untuk membiayai 97 buah SAR.

Hasil daripada harta wakaf di Selangor pula, akan dikumpulkan dalam Tabung Kumpulan Wang Wakaf yang akan dijadikan kumpulan dana untuk membiayai program pembangunan harta wakaf. Antara aktiviti agihan dana Kumpulan Wang Wakaf adalah untuk membiayai pendidikan agama di Selangor.

Pentadbiran Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang sebagai badan yang bertanggungjawab dalam menguruskan harta-harta wakaf di negeri Pahang telah memperkenalkan satu kaedah

baru untuk berwakaf iaitu Skim Saham Wakaf Pahang (SWP). Skim ini terbuka kepada orang ramai mengikut kaedah penjualan unit-unit Saham Wakaf dengan nilai RM10.00 bagi seunit. Hasil penjualan dari saham Wakaf Pahang telah mewujudkan satu dana wakaf dan dikumpulkan dalam Akaun Tabung Amanah Saham Wakaf Pahang dan seterusnya membiayai projek-projek wakaf yang dirancang oleh pihak pengurusan. Pendidikan merupakan salah satu aktiviti yang dibiayai oleh Akaun Tabung Amanah Saham Wakaf Pahang di mana sumbangan wakaf telah disalurkan kepada Maahad-Maahad Tahfiz di seluruh Negeri Pahang serta kelas-kelas Pengajian Fardhu Ain (KAFA).

Kedudukan mengenai harta-harta wakaf di Kedah terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri iaitu di bawah Majlis Agama Islam, Unit Baitulmal dan wakaf. Peruntukan mengenai wakaf memang terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah, No. 9, Tahun 1962. Enakmen ini telah memperuntukkan dan mengiktiraf dua jenis wakaf iaitu wakaf khas dan wakaf am sahaja. Tetapi peraturan yang khusus mengenainya belum lagi diadakan. Segala permasalahan yang timbul akan dirujuk kepada hukum syarak. Menurut pendaftaran penerimaan wakaf di negeri ini kebanyakannya harta-harta bagi wakaf pendidikan itu wujud dalam bentuk tanah iaitu tapak SAR.

Majlis Agama Islam Melaka telah menubuhkan Lembaga Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Melaka pada 1 Disember 1982 dengan tujuan untuk memaju dan membangunkan harta-harta wakaf terutamanya dalam kategori wakaf am. Tanah-tanah wakaf yang dibangunkan oleh jawatankuasa tersebut antaranya mendirikan asrama anak yatim, rumah pangsa, Maahad Tahfiz dan lain-lain. Dalam aspek pendidikan, wakaf telah membantu dalam penyediaan tanah-tanah untuk pembinaan sekolah-sekolah agama/mahaad tahfiz di Melaka.

Terdapat lima (5) cabaran penting dalam pengurusan institusi pendidikan wakaf iaitu:

1. Pengurusan Pentadbiran

Pada umumnya, institusi pendidikan Islam yang diwakafkan kini ditadbir oleh tiga pihak iaitu:

1. Lembaga pentadbiran terdiri dari rakyat atau guru. Sebahagian besar menerima sumber kewangan dari Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri atau MAIN. Ia dikenali sebagai SAR.
2. Ditadbir oleh Kerajaan Negeri melalui MAIN, kewangan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Ia dikenali sebagai Sekolah Agama Negeri (SAN).
3. Di bawah kelolaan MAIN dan pusat zakat. Biasanya dikenali sebagai Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Bagi kategori pertama, institusi pendidikan wakaf yang ditadbir oleh rakyat dan guru, ia didaftarkan sebagai sekolah persendirian di bawah hakmilik wakaf (sama ada rezab sekolah agama atau wakaf persendirian). Segala kos untuk mendapatkan tanah/tapak dan pembinaan sekolah ditanggung sepenuhnya oleh pemilik. Sebagai sekolah persendirian, ia juga perlu berusaha untuk mendapatkan sumber kewangannya sendiri melalui pelbagai sumber termasuk yuran daripada pelajarnya, sumbangan daripada lembaga pengurus, persatuan ibu bapa, ahli politik, orang perseorangan, badan ataupun pertubuhan. Selain itu, ia juga mendapat sumbangan kewangan tahunan daripada Kerajaan Negeri masing-masing, JAKIM dan Kementerian Pendidikan. Sungguhpun sekolah persendirian bukan ditadbirkan oleh Kementerian Pendidikan dan merupakan sekolah persendirian, namun demikian Seksyen 52, Akta Pendidikan 1996 membolehkan Menteri menghulurkan sumbangan kepada mana-mana institusi agama Islam walaupun persendirian. Sumbangan Kementerian Pendidikan kepada sekolah persendirian berbentuk bantuan per kapita untuk pengurusan pembelajaran dan pengajaran, bantuan modal untuk membaiki/membina bangunan, bantuan kursus untuk guru, bantuan perpustakaan dan bantuan buku teks di bawah skim pinjaman buku teks www.Utusanonline.com.

Bagi kategori kedua dan ketiga, institusi pendidikan wakaf yang didaftarkan sebagai sekolah bantuan Kerajaan Negeri ia dikawal oleh MAIN (pemegang amanah) dan ditadbir sepenuhnya oleh MAIN yang diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Sekolah Agama. Dari segi kos pembangunan pula, tapak sekolah agama yang dimiliki oleh MAIN disenaraikan sebagai rezab di Pejabat Tanah dan Galian Negeri. Ini bererti tiada kos untuk mendapatkan

tapak bagi tujuan tersebut. Manakala pembangunannya adalah diserahkan kepada pihak MAIN untuk menguruskannya. Pihak sekolah tidak menanggung sebarang bentuk kos pembangunan (Mohd Jelani b. Ramly, 1998). Selain itu, sekolah bantuan Kerajaan ditadbirkan oleh pengetua yang dilantik oleh Kerajaan, guru yang berkelayakan disedia, dilantik dan digajikan oleh Kerajaan; bantuan per kapitanya lebih besar dikira bukan sahaja mengikut bilangan pelajar tetapi juga mengikut jenis mata pelajaran yang diajar, sebahagian besar prasarana dan kemudahannya dibiayai oleh Kerajaan termasuk komputer, dan guru-gurunya diberikan latihan berkala supaya pengetahuan dan kemahirannya dalam pengajaran dan pembelajaran sentiasa terkini.

Sekolah-sekolah ini menggunakan pakai kurikulum Maahad Bu'uth al-Azhar, kurikulum kebangsaan atau kurikulum lain yang diselaraskan oleh Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri atau JAKIM. www.Utusanonline.com. Walau bagaimanapun, Model kurikulum Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Kementerian Pendidikan menjadi rujukan utama. Keadaan ini berlaku kerana 'kepentingan' sijil bagi membolehkan pelajar-pelajar melanjutkan ke dalam bidang pengajian luar (tidak terhad dalam bidang pengajian Islam semata-mata).

Biasanya pucuk pimpinan tertinggi dalam pentadbiran institusi pendidikan wakaf, adalah badan yang menguruskan harta wakaf. Ia bertanggungjawab dalam mentadbir dan menguruskan harta wakaf yang dikenali sebagai pemegang Amanah Wakaf. Ia juga bertanggungjawab dalam memelihara, memajukan dan membangunkan semula harta-harta wakaf demi kemaslahatan ummah selaras dengan dasar Wakaf Pewakaf. Contohnya, Madrasah al-Attas al-Arabiah Johor telah menukuhan Majlis Trustee sebagai pemegang Amanah Wakaf al-Marhum Habib Hassan al-Attas seperti wasiat al-Marhum Habib Hassan sendiri pada 20 Mei 1931.

Lembaga pentadbiran sekolah pula bertanggungjawab dalam menentukan dan melicinkan semua perjalanan pentadbiran dan pelajaran yang berkaitan dengan sekolah. Biasanya lembaga ini diketuai oleh pengetua/mudir. Pengetua adalah orang yang memainkan peranan yang amat penting di sekolah. Dia adalah seorang pentadbir, pengurus dan seorang pemimpin di sekolah. Seorang pengetua yang berkesan akan melahirkan guru, sekolah dan pelajar yang berkesan. Di sekolah, pengetua atau mudir dianggap seorang

pemimpin kurikulum, pengurus pejabat, hubungan manusia dan pembuat keputusan yang amat penting bagi menentukan kemajuan dan kecemerlangan anak didik dan organisasi sentiasa kompeten dan relevan dengan situasi dan isu-isu semasa. Oleh itu, pengetua atau guru besar haruslah sentiasa sensitif dengan pengurusan.

Sesetengah pentadbir institusi pendidikan wakaf tidak mahu meningkatkan sistem pengurusan sehingga menyebabkan kurang keyakinan ibu bapa untuk menghantar anak-anak belajar. Seorang pengetua hendaklah mempunyai cita-cita dan sentiasa mencari idea-idea baru untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih bekesan. Sekolah perlu kepada seorang pemimpin yang berjiwa besar, semangat dan cita-cita tinggi kerana kepemimpinan sekolah adalah begitu kompleks.

Bahagian pentadbiran institusi pendidikan wakaf menghadapi masalah kekurangan kakitangan dan tiada kakitangan yang terlatih bagi menguruskan institusi tersebut. Biasanya setiap institusi pendidikan wakaf hanya mempunyai seorang pembantu tadbir untuk mengurus semua hal yang berkaitan dengan pergurusan institusi seperti pengurusan pejabat am dan pengurusan kewangan sekolah. Ini boleh menyebabkan pengurusan kurang sistematik disebabkan kekurangan kakitangan.

Kajian ini mendapati kebanyakan pengurusan institusi pendidikan wakaf tidak mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan dan tidak mempunyai kefahaman yang mendalam tentang bidang wakaf. Akibatnya institusi pendidikan wakaf tidak dapat berkembang pada tahap yang cemerlang. Kajian ini juga menunjukkan bahawa 55% sekolah-sekolah yang dibuat kajian tidak memiliki makmal komputer dan makmal sains, walaupun 95% daripada sekolah-sekolah ini melaksanakan sistem pendidikan agama dan akademik yang bersifat sepadu.

Antara cabaran lain ialah kekurangan tenaga pakar dalam bidang pengajaran dan pengurusan bilik-bilik pengajaran. Tenaga pengajar di institusi pendidikan wakaf tidak mempunyai anjakan paradigma dan latihan guru tidak mencukupi. Sekolah tidak mampu untuk menghantar tenaga pengajar mereka untuk menyambung pelajaran, khususnya dalam latihan pengurusan. Oleh itu, sekolah hanya mengharapkan para tenaga pengajar di sini mengambil inisiatif sendiri

untuk memantapkan diri masing-masing dengan ilmu pengetahuan mengikut peredaran masa. Namun begitu, mereka tidak mempunyai inisiatif sendiri untuk menyambung pelajaran dan mereka juga masih menggunakan kaedah pengajaran lama untuk mengajar (Mat Yaacob b. Mohamed, 2005).

Kebanyakan guru yang mengajar di institusi ini adalah terdiri dari guru sementara. Guru sementara menjadikan sekolah tersebut sebagai tempat untuk mereka menimba pengalaman. Keadaan ini boleh memberi masalah kepada pelajar kerana pelajar terpaksa belajar menerima pelbagai-pelbagai kaedah pengajaran setiap kali pertukaran berlakunya guru. Kebanyakan guru lama yang menyambung pelajaran, tidak mengajar kembali ke sekolah terbabit. Mereka lebih gemar mengajar di sekolah bantuan Kerajaan kerana ia lebih menjamin masa depan mereka. Selain itu, gaji yang ditawarkan lebih lumayan berbanding mengajar di sekolah yang diwakafkan (Suhaimi b. Daud, 2005).

2. Pengurusan Sumber Kewangan

Kebanyakan institusi pendidikan wakaf memperolehi sumber kewangan dari Jabatan/MAIN, bantuan dari Kerajaan Negeri dan Pusat, harta wakaf, derma orang ramai, zakat dan yuran ke atas pelajar. Walaupun punca kewangan untuk membiayai institusi pendidikan ini banyak tetapi masih tidak mencukupi untuk mengadakan kemudahan-kemudahan yang lengkap.

Bagi membangunkan tanah-tanah wakaf khususnya institusi pendidikan memerlukan sumber kewangan yang besar. Sumber dari Jabatan Agama sendiri untuk tujuan ini adalah sangat terhad. Hasil kajian ini mendapati kebanyakan institusi pendidikan wakaf tidak mempunyai dana khas untuk membiayai kos operasi institusi pendidikan mereka. Bagaimanapun terdapat usaha-usaha untuk mendapatkan dana, namun dari penelitian yang dibuat, kebanyakan institusi ini berada dalam keadaan daif dan terpinggir. Ini menyebabkan institusi menghadapi masalah kekurangan guru terlatih dan kehilangan daya saing dalam sistem pendidikan nasional. Walau bagaimanapun kenyataan ini tidak disokong oleh dapatan kuantitatif bahawa faktor pengurusan sumber kewangan bukanlah menjadi salah satu faktor utama cabaran pengurusan. Ini adalah kerana dapatan kajian Norzaidi dan

Intan Salwani (2006) mendapati maklumat kewangan tidak mudah didedahkan kepada umum bagi menjaga nama baik institusi. Kajian ini mendapati, kebanyakannya institusi pendidikan wakaf di Malaysia menghadapi masalah kewangan contohnya:

- Bagi sekolah-sekolah di Pulau Pinang, sumber kewangan hanya diperolehi dari yuran pelajar, bantuan dari MAIN (RM1000 untuk pentadbiran, RM500 elaun guru dan RM600 seorang biasiswa untuk pelajar setiap tahun) dan derma orang ramai. Selain itu, pengetua perlu mencari sumber kewangan sendiri bagi menampung perbelanjaan lain-lain seperti mengadakan seminar.
- Bagi sekolah-sekolah di Kelantan, sumber kewangan diperolehi daripada sumber berikut:
 - i. Sekolah menerima bantuan dari Yayasan Kelantan hanya RM4,000-RM5,000 setahun.
 - ii. Sekolah memperolehi bantuan dari sumbangan orang ramai.
 - iii. Yuran pelajar, namun begitu kebanyakannya pelajar di sini berasal dari keluarga susah menyebabkan sekolah tidak dapat mengutip yuran dari pelajar-pelajar malahan sekolah terpaksa membantu pelajar-pelajar tersebut.

Salah satu sebab utama sumber kewangan institusi pendidikan wakaf di Malaysia tidak mencukupi kerana Kerajaan telah membuat keputusan memberhentikan bantuan khususnya bantuan per kapita mulai 2002, disebabkan dua faktor utama. Pertamanya, kerana Kerajaan amat kecewa kerana prestasi pelajar SAR agak merosot. Sungguhpun tidak dinafikan ada sebilangan kecil SAR yang mempunyai prestasi yang boleh dipuji, namun demikian pada keseluruhannya prestasi SAR adalah yang terkebelakang jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah lain. Keduanya, prasarana dan kemudahan di kebanyakan SAR adalah daif, dibina bersesak-sesak dan tidak akur kepada piawai kesihatan dan keselamatan. Kerana itu, bantuan per kapita SAR telah ditarik balik dengan harapan sekurang-kurangnya dapat menyedarkan SAR tentang tanggungjawabnya terhadap pelajar-

pelajarnya dan tahap pendidikan yang mereka terima (<http://www.UtusanOnline.com>).

3. Pengurusan Tenaga Pakar

Hampir 75% tenaga pengajar institusi pendidikan wakaf tidak mempunyai kelulusan ikhtisas dalam bidang penguruan. Tenaga pengajar di institusi pendidikan ini tidak mempunyai skim perjawatan yang tetap dan elau yang rendah. Institusi ini juga tidak menyediakan kursus kepada tenaga pengajarnya.

Ini merupakan rentetan amalan yang diteladani dari tenaga pengajar terdahulu di mana mereka memberi pelajaran secara sukarela tanpa gaji atau upah daripada mana-mana pihak dan tidak mengharapkan apa-apa bayaran daripada pelajar-pelajar. Biasanya, tuan guru atau penolong-penolongnya bergantung pada harta persendirian atau harta pondok yang diwakafkan seperti tanah, kebun dan bendang juga derma kebaikan daripada masyarakat sekeliling. Kebanyakan mereka tinggal di atas harta-harta wakaf, di samping mendapat berbagai-bagai hadiah daripada anggota masyarakat seperti beras, padi, kelapa dan keperluan harian yang lain (Abdullah b. Ishak, 1995).

Bahagian Wakaf Majlis Agama Islam Negeri-Negeri menghadapi masalah kekurangan tenaga profesional dan teknikal bagi membangunkan tanah-tanah wakaf. Jika tenaga profesional ini dipenuhi, maka Bahagian Wakaf dapat melaksanakan projek-projek pembangunan institusi pendidikan ini dengan lebih mudah. Oleh itu, untuk menangani masalah ini, organisasi pentadbiran harta wakaf perlu mempunyai anggota kerja yang mencukupi dan mahir untuk mengurus dan membangunkan harta tanah wakaf.

4. Pengurusan Maklumat

Sistem pengurusan maklumat berasaskan komputer mempunyai banyak faedah bagi pihak sekolah yang melaksanakannya. Faedah-faedahnya adalah seperti berikut:

1. Capaian cepat
2. Mengatasi masalah penggunaan kertas yang banyak

3. Meningkatkan moral dan komitmen kerja guru
4. Perkongsian maklumat ke arah kemajuan
5. Memudahkan urusan perkeranian

Sistem ini bertanggungjawab dalam menjaga maklumat kakitangan, tenaga pengajar, pelajar institusi seperti merekod pelantikan, perlatakan jawatan dan sebagainya. Namun begitu, sistem pengurusan maklumat di kebanyakan institusi-institusi pendidikan wakaf di Malaysia masih berada di tahap kurang memuaskan. Contohnya, amalan dalam pengurusan kewangan di Madrasah Yahyawiah, Padang Rengas, Perak seperti belanjawan, pengurusan buku tunai, perbelanjaan, pembayaran, imbalan pembayaran, laporan imbalan tahunan dan laporan kepada audit masih menggunakan kaedah konvensional (manual). Guru dan kerani kewangan terbeban dengan tugas-tugas pengisian maklumat dan borang berkaitan pengurusan kewangan sekolah dari semasa ke semasa sedangkan maklumat yang diperlukan adalah sesama. Sistem pengurusan sedia ada masih menggunakan banyak borang, kerap kali dilakukan perkara yang sama dan menimbulkan masalah dalam proses penyimpanan dan dokumentasi.

Dari pemerhatian terhadap pelbagai bidang pengurusan dan pentadbiran di institusi pendidikan wakaf menunjukkan bahawa halangan yang terdapat di dalamnya adalah kesan daripada sistem pengurusan yang berasaskan tindakan secara manual. Contohnya di pejabat am institusi pendidikan wakaf, biasanya pengurusannya merangkumi tindakan menyediakan pelbagai jenis borang yang setiap satunya menggunakan cara manual. Pembantu tadbir akan menyimpan borang-borang tersebut dalam kuantiti yang banyak bagi persediaan pada masa hadapan. Keadaan ini sudah tentu membazirkan kertas dan lama-kelamaan borang-borang tersebut akan dibuang kerana sudah bertukar warna. Pengurusan maklumat ICT di institusi pendidikan wakaf tidak mempunyai sistem yang kemaskini. Kajian ini mendapati bahawa pengurusan maklumat yang tidak sistematik merupakan satu cabaran dalam pengurusan institusi pendidikan wakaf.

5. Pengurusan Pemasaran

Pihak institusi pendidikan perlu menjalankan promosi bagi menghebahkan perkhidmatan yang ditawarkan untuk pengetahuan

pihak umum. Biasanya kaedah yang digunakan oleh pihak institusi pendidikan wakaf ialah melalui poster, iklan (media cetak dan media elektronik), pamphlet. Contohnya SMU (A) Bustanus Saadah, Morak telah mengedarkan pamphlet dan membina kain rentang (*banner*) bagi mengiklankan perkhidmatannya.

Tugas dan tanggungjawab mana-mana MAIN di negara ini dalam menangani pelbagai masalah, membangunkan dan mengangkat martabat umat Islam serta menjaga dan meninggikan syiar Islam amatlah berat dan mencabar, lebih-lebih lagi menjelang abad ke-21. Oleh itu, kerjasama dari semua pihak dalam menguruskan hartanah wakaf khusus institusi pendidikan perlu bagi meringankan tugas MAIN seluruh negara. Penyertaan dan kesedaran dari semua pihak adalah penting untuk mempercepat dan memantapkan lagi pengurusan harta wakaf di Malaysia.

KEKANGAN WAKAF KHAS

1. Penggunaan Khusus

Daripada maklumat yang diperolehi dari Bahagian Wakaf MAIN di seluruh negara, wakaf yang menarik perhatian masyarakat adalah wakaf untuk masjid dan surau. Wakaf untuk institusi pendidikan adalah agak berkurangan dan sesetengahnya mempunyai skop penggunaan harta yang dikhaskan pada aspek yang tertentu. Contohnya bangunan Kolej Tengku Ampuan Mariam yang dikhaskan hanya untuk pelajar perempuan Melayu di Semenanjung. Ini bermakna hanya pelajar perempuan Melayu di Semenanjung sahaja yang boleh belajar di Kolej Tengku Ampuan Mariam tersebut. Contoh yang lain ialah wakaf yang dikhaskan hanya untuk sekolah agama (mengajar fardhu ain sahaja) dan bukan pendidikan Islam yang lain seperti sekolah agama bersepadu (Abd Razak b. Aripin, 2005).

2. Kegunaan Tanah Wakaf Mengikut Lafaz Pewakaf

Kajian juga mendapati bahawa ada tanah-tanah diwakafkan untuk sekolah di sesuatu kawasan sedangkan di kawasan tersebut telah mempunyai sebuah sekolah. Oleh itu, pembangunan untuk institusi pendidikan wakaf ini tidak boleh dilakukan kerana ia akan menyebabkan berlakunya lebih penawaran tempat belajar dari pelajar. Menurut Dato' Nik Mohd Zain b. Haji Nik Yusof (1999), suatu fatwa

perlu dibuat sama ada perubahan kegunaan tanah wakaf berkenaan boleh diubahsuai kepada bangunan perniagaan dan sebahagiannya sahaja diguna untuk tujuan asal wakaf itu dibuat. Contohnya dua tingkat pertama untuk masjid/surau, bahagian-bahagian lain untuk institusi pendidikan. Contoh yang lain, jika tanah diwakafkan untuk kediaman, pemegang harta wakaf tersebut boleh membangunkan kediaman bertingkat dengan menyediakan ruang-ruang perniagaan di tingkat bawah. Perbezaan pendapat mengenai perkara ini masih belum diselesaikan lagi dan satu fatwa di peringkat persekutuan perlu dibuat mengenai perkara ini (Nik Mohd Zain b. Hj Nik Yusof, 1999).

3. Penama (Wakaf Persendirian)

Pada masa ini masih lagi terdapat pemegang-pemegang harta tanah wakaf yang ditadbir oleh pemegang amanah masing-masing (wakaf persendirian) yakni, bukannya ditadbir MAIN. Contohnya, SMU (A) Sullamiah, Bunut Payong, Kelantan yang mana pewakaf tidak menukar atas nama Majlis Agama Islam kerana pewakaf bimbang sekiranya Kerajaan Negeri mengubah status wakaf pendidikan kepada status wakaf lain kerana kawasan sekolah tersebut adalah kawasan bandar dan strategik. Oleh itu, pihak MAIN enggan membina bangunan sekolah kerana mengikut **Sekyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN)**,

'tanah' termasuk:

- i. Muka bumi dan semua benda-benda yang menjadikan mukabumi itu
- ii. Tanah bumi dan semua benda-benda yang terkandung di dalamnya
- iii. Semua tumbuh-tumbuhan dan lain keluaran semualajadi, sama ada memerlukan penggunaan tenaga berkala terhadap pengeluarannya atau tidak dan bawah muka bumi itu
- iv. Semua benda yang melekat pada tanah bumi atau dilekatkan selama-lamanya pada apa-apa benda yang terlekat pada tanah bumi, sama ada di atas atau di bawah muka bumi itu
- v. Tanah yang diliputi air'.

Ini bermakna semua benda seperti bangunan, pokok-pokok di atas tanah tersebut adalah empunya pemilik yang berdaftar di atas namanya. Sekiranya pihak Majlis Agama Islam Kelantan ingin membina bangunan sekolah di atas tanah tersebut, maka bangunan tersebut adalah hak milik waris pewakaf. Waris pewakaf boleh menuntut bangunan sekolah terbabit sebagai hakmilik mereka. Ini menyebabkan pihak Majlis enggan membina bangunan sekolah di atas tapak sekolah Sullamiah, Bunut Payong sebab dikhawatir pihak pewaris menuntut hakmilik mereka kerana sekolah terbabit bukan di atas nama pihak Majlis. Sekiranya tuntutan berlaku dan tuntutan tersebut berjaya, maka pihak Majlis terpaksa menanggung kerugian kerana tuntutan tersebut mungkin lebih berupa kepentingan peribadi bukan untuk ummah keseluruhannya. Oleh itu, Majlis tidak boleh membantu dari segi membina bangunan untuk sekolah ini kerana dikhawatir pewaris harta wakaf ini mengambil alih bangunan tersebut.

SAR SEBAGAI PENJANA KEMAJUAN PENDIDIKAN ISLAM

Universiti al-Azhar sebagai sebuah universiti yang dijana dari harta wakaf mempengaruhi perkembangan pendidikan agama seluruh dunia Islam yang bermazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kebanyakan madrasah atau sekolah agama rakyat yang terkenal di Malaysia berkiblatkan ke sana dari sudut rujukan ilmu dan politik Islam. Di antara sekolah agama yang akan dibincangkan ialah Madrasah al-Attas. Ia didirikan di atas tanah yang diwakafkan oleh al-Habib Hassan al-Attas pada tahun 1860 di Pekan, Pahang kemudian pada tahun 1912 beliau menubuhkan Madrasah al-Attas di Johor apabila beliau berpindah ke sana. Madarasah ini telah memainkan peranan dalam memperkembangkan Bahasa Arab di Johor. Madrasah al-Attas telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh ulamak, ahli politik, pegawai Kerajaan, pensyarah universiti. Antara tokoh ulamak yang dilahirkannya ialah empat orang mufti iaitu Dato' Ahmad b. Awang (Mufti Negeri Johor), Dato' Murtadza b. Hj. Ahmad (Mufti Negeri Sembilan), Pehin Dato' Seri Utama Hj. Ismail Umar b. Abdul Aziz (Mufti Brunei) dan Dato' Hj. Harusani b. Zakaria (Mufti Perak).

Sekolah Agama Arab al-Masriyah telah ditubuhkan pada tahun 1906 yang berteraskan sistem pondok. Ia diasaskan oleh Tn. Guru Hj. Salleh Al-Masri. Usaha beliau telah mendapat sokongan

yang besar daripada bapa mertuanya iaitu Tn. Hj. Abbas yang mewakafkan sekeping bidang tanah untuk dijadikan tapak bangunan sekolah dan beberapa orang hartawan di sekitar Bukit Mertajam telah menghulurkan bantuan kewangan. Sehingga kini tanah wakaf Sekolah al-Masriyah berjumlah 60.21 ekar dan didaftarkan di atas nama MAIN Pulau Pinang oleh pewakaf dalam dan luar negara.

MAIN Pulau Pinang telah mengisyiharkan bahawa Sekolah al-Masriyah merupakan sekolah yang terbaik di Pulau Pinang pada 2005. Selain itu, sekolah ini telah mendapat pengiktirafan Madrasah Thanawiah Malaysia dari Universiti Madinah. Penuntut yang mendapat *Syahadah Thanawiyah* dari Sekolah al-Masriyah diterima di tahun pertama daripada salah satu Fakulti di Universiti Madinah kecuali Fakulti Al-Qur'an. Namun pelajar akan diterima kemasukan ke Fakulti al-Qur'an sekiranya penuntut tersebut dapat menghafal keseluruhan Al-Quran.

Antara tokoh kelahiran al-Masriyah ialah Allahyarham Tn. Syeikh Hassan Al-Yamani (bekas Mufti Terengganu), Allahyarham Tn. Hj. Ahmad Fuad b. Hassan (Ahli Negarawan Kemerdekaan), Y.Bhg. Dato' Hj Ishak b. Baharom (bekas Mufti Selangor), Y.Bhg. Dato' Hj. Hashim b. Yahaya (bekas Mufti Wilayah Persekutuan), Tn. Hj. Adnan b. Hj. Mohd Amin (bekas Kadi Melaka), Tn. Hj Ismail b. Hamzah (bekas Mufti Perak) dan lain-lain.

Selain Madrasah al-Masriyah, Madrasah Khairiah Islamiah merupakan sebuah institusi pendidikan menengah agama rakyat yang terkenal di Pulau Pinang. Ia diasaskan pada tahun 1933M oleh Tn. Hj. Hussin b. Hj. Mohd. Nasir al-Masudi (1863M-1935M). Setelah beliau meninggal dunia, jawatan mudir diambil alih oleh anak beliau Tn. Hj. Ahmad. Sekolah ini didirikan atas tanah wakafnya sendiri seluas satu ekar di Pokok Sena, Kepala Batas, Pulau Pinang. Madrasah ini ditubuhkan untuk mendidik dan menanamkan semangat kasihkan agama, bangsa dan tanahair dalam kalangan anak bangsa serta sebagai pusat pendidikan Islam di tanahair. Kelahiran madrasah ini adalah di atas kesedaran dan semangat rakyat.

Madrasah Masyhor Al-Islamiyyah di Pulau Pinang ditubuhkan pada tahun 1916. Tokoh-tokoh yang lahir dari Madrasah ini antaranya ialah Syed Syeikh Al-Hadi tokoh "Kaum Muda" yang menerbitkan novel

Faridah Hanum 1926 yang membawa perjuangan emansipasi wanita. Syed Syeikh Al-Abbas pula tokoh yang memperjuangkan penubuhan cawangan madrasah wanita. Manakala gerakan pembaharuan yang dilahirkan ialah Persatuan Nahdatul Ikhwan yang dipimpin oleh Syeikh Hj. Ahmad Baladram (Rahim b. Othman, 1976).

Maahad Al-Yahyawiah di Perak berasal dari pondok pengajian yang dibina oleh seorang ulamak yang berasal dari Indonesia yang bernama Syeikh Juned Tola. Syeikh Juned Tola ini, dilahirkan pada tahun 1897 di Tarlola, sebuah kampung kecil termasuk daerah Maga, Kota Nopan, Kabupaten Tapanuli Selatan di wilayah Sumatra Utara, Indonesia. Beliau memulakan sistem pengajian pondok di rumahnya di Kampung Lalang, Padang Rengas pada awal tahun 1927. Secara keseluruhannya lulusan Maahad Al-Yahyawiah telah berjaya mencapai matlamat penubuhan maahad ini iaitu mengembangkan ajaran Islam dan melahirkan pemimpin atau pelapis dalam bidang agama seperti menjadi guru agama. Selain dari itu, kebanyakan pelajar lepasan dari Maahad Al-Yahyawiah telah berjaya melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi di Timur Tengah, India, Pakistan, Indonesia dan di dalam negeri.

Maahad al-Ihya, al-Syarif terletak di Gunung Semanggol diasaskan oleh Syeikh Abu Bakar al-Baqir. Maahad al-Ihya' As-Sharif ditubuhkan pada 15 April 1934 sempena nama yang diberikan oleh Ustaz Abu Bakar b. Muhammad Said yang bererti menghidupkan kemuliaan agama. Antara kejayaan yang telah dicapai oleh Maahad ialah melahirkan ramai cerdik pandai di seluruh Malaysia contohnya Dato' Asri b. Muda (bekas Menteri Besar negeri Kelantan), Mustapa b. Abd Rahman (penulis Kitab Hadis 40), Ustaz Abbas (penerbit Jejak Rasul) dan lain-lain. Sekolah ini juga melahirkan tokoh-tokoh radikal menentang penjajahan British seperti Ibrahim Yakob dan Dr. Burhanuddin Helmi. Dari aktiviti madrasah ini lahirnya gerakan Islam seperti MATA (Majlis Agama Tertinggi Islam), gerakan politik Hizbul Muslimin (HAMIM) yang berganding rapat dengan Parti Kebangsaan Melayu Malaya kemudian dituduh sebagai sayap kiri kepada PKMM (Parti Kesatuan Melayu Malaya). Selain itu, Maahad ini juga telah berjaya mewujudkan aktiviti ekonomi setempat atas dasar bersama dan saling bantu membantu antara satu dengan lain. Maahad ini memiliki 120 ekar tanah ladang yang diwakafkan namun hanya 30 ekar sahaja yang diusahakan.

Maktab Mahmud merupakan salah satu lagi contoh institusi pendidikan dibiayai oleh harta wakaf yang terkenal di Kedah. Ia diasaskan oleh Al-Marhum DYMM Tunku Mahmud Ibnu Al-Marhum Tunku Ahmad Tajuddin Al-Mukarram Shah pada 16 Jun 1936 (1355H). Tujuan utama Baginda mendirikan sekolah agama adalah untuk menjadikan sebagai pusat penyebaran agama Islam, Bahasa Arab serta mengeluarkan tokoh-tokoh agama. Tambahan pula Baginda berpendapat Negeri Kedah memerlukan Kolej Islam setanding dengan sekolah-sekolah Inggeris pada masa itu, sistem pendidikannya menggunakan sistem pendidikan Mesir (Al-Azhar).

Sumbangan Maktab Mahmud melahirkan tokoh-tokoh perjuangan kemerdekaan menentang Malayan Union dengan menubuhkan Persatuan Ulama Kedah pada 09 Februari 1946 yang telah berjaya menyatukan keseluruhan ulama Kedah menentang Malayan Union. Pelajar-pelajar Maktab Mahmud berjaya menubuhkan Persatuan Pelajar Al-Jamiyah Al-Talabah, dan di antara aktiviti "Muhadarah" iaitu majlis latihan musyawarah, berbahas dan majlis karang mengarang. Tokoh-tokoh yang lahir dari aktiviti-aktiviti ini ialah seperti Al-Marhum Ustaz Datuk Fadhil b. Muhammad Nor (bekas President Parti Islam Malaysia), Datuk Dr. Abdul Halim b. Ismail (bekas Pengurus Bank Islam), Dato' Dr. Mashitah bt. Ibrahim (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri), Datuk Paduka Di Raja Syeikh Abdul Majid b. Md Noor (Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan), al-Marhum Syeikh Niamat Yusof (tokoh Maal Hijrah Kedah). Pada tahun 2002, apabila Kerajaan Pusat tidak menyalurkan bantuan per kapita kepada sekolah agama rakyat, pihak lembaga Maktab Mahmud yang dipengerusi oleh exco agama negeri Kedah telah menyalurkan bantuan dan mengambil alih sebelas sekolah agama di seluruh Kedah sebagai cawangan Maktab Mahmud. Maktab Mahmud memiliki 66 ekar tanah sawah yang diwakafkan untuk kepentingan dan manfaatnya.

Sebuah lagi Maahad yang bertaraf kolej ialah Kolej Islam Malaya. Kolej Islam Malaya adalah sebuah kolej yang dibangunkan atas dasar wakaf dan derma. Rencana pengarang Utusan Melayu pada 16 November 1950 menyatakan bahawa Kolej Islam Malaya harus menurut cara University of Cambridge di England, barang sudah tentu faedah yang akan tercapai oleh kolej yang bakal diadakan itu sekiranya pelajaran yang diajarkan kepada penuntutnya bersendikan masalah yang dihadapi di Malaya dari masa ke masa.

Keputusan Sultan Selangor untuk memberikan sumbangan kewangan telah diberikan sanjungan oleh rencana pengarang tersebut betapa Baginda Sultan Selangor dan beberapa orang Islam telah menunjukkan teladan yang baik dengan memberikan derma untuk penubuhan kolej itu. Sultan Hisamuddin Alam Shah telah mencatat sejarah apabila Baginda mengumumkan keputusan untuk mewakafkan Istana Selangor di Kelang untuk dijadikan bangunan Kolej Islam.

Berkat segala usaha yang dijalankan oleh Jawatankuasa Penaja dan sokongan segenap lapisan masyarakat pada masa itu, pada 25 Februari 1955 Kolej Islam Malaya telah dilancarkan dengan menerima 55 orang pelajar kumpulan pertama. Kolej yang dipimpin oleh seorang anak watan yang mempunyai rekod pencapaian akademik cemerlang di Universiti Al-Azhar dan Universiti Kaherah iaitu Ismail Omar b. Abdul Aziz. Selain dari itu, atas daya usaha Tn. Syed Ibrahim Omar Al-Sagoff, Kerajaan Republik Arab Bersatu telah mengutus dua orang sarjana mereka iaitu Dr. Muhammad b. Abdul Rauf (kemudian dikenali sebagai Tan Sri Profesor Dr. Muhammad b. Abdul Rauf) yang kemudiannya menjadi pengetua yang kedua dan Dr. Abul Khayr Zaki Badwi (kemudiannya Profesor Dr. Zaki Badawi).

Kolej Islam Malaya hanya bertahan sehingga tahun 1970 dan lahir pula Kolej Islam Klang sebagai ganti walaupun hanya bertaraf sekolah menengah agama berasrama penuh. Matlamat dan cita-cita penubuhan Kolej Islam Malaya itu terus disalurkan melalui medium lain walaupun ramai yang berduka-cita atas kehilangannya. Harta wakaf Kolej Islam Malaya kini dipegang oleh Lembaga Bersekutu Pemegang Amanah Pengajian Tinggi Malaysia.

Sebagai kesimpulannya, SAR adalah institusi pendidikan bersejarah dan khazanah umat Islam yang berjaya mempertahankan aqidah umat Islam sejak zaman penjajahan. Ia juga merupakan usaha berkesinambungan dari ulama silam untuk mengembangkan pendidikan Islam yang murni di negara ini sebagai alternatif kepada sistem pendidikan kebangsaan. Di samping itu, SAR telah berjasa membina kekuatan umat Islam dengan melahirkan warga Islam yang berwibawa dalam keilmuan dan keperibadian Islam dan terus membekalkan masyarakat dengan tokoh-tokoh agama yang disegani dan dihormati serta diiktiraf sumbangan mereka kepada masyarakat dan negara.

PENGURUSAN HARTA WAKAF PENDIDIKAN

Hasil dapatan penyelidikan kuantitatif yang dijalankan oleh penyelidik IRPA, 2005 (Ahmad Zaki, 2008) menunjukkan bahawa **pengurusan tenaga pakar, pengurusan pentadbiran, dan pengurusan pemasaran, termasuk halangan kemajuan wakaf** merupakan faktor penyumbang kepada pembangunan harta wakaf pendidikan di Malaysia. Oleh yang demikian, bagi memantapkan sistem pengurusan harta wakaf ke atas pembangunan harta wakaf pendidikan, maka empat aspek yang disebutkan di atas perlu dititikberatkan. Ini adalah kerana jika pengurusan tenaga pakar, pengurusan pentadbiran, pengurusan pemasaran dan halangan kemajuan harta wakaf diambil secara tidak serius, maka pembangunan harta wakaf pendidikan akan menemui jalan buntu. Selain daripada itu, MAIN akan membazirkan wang, tenaga dan masa mereka jika masih terdapat kepincangan pengurusan yang dibincangkan tadi.

Bagi memantapkan pengurusan tenaga pakar, pihak yang terlibat perlu berusaha untuk mendapatkan tenaga pakar yang mengetahui selok belok pengurusan harta wakaf serta mempunyai kelayakan akademik di dalam pengurusan harta wakaf. Lawatan kerja serta perjanjian kepakaran perlu dipergiatkan dengan negara-negara yang telah maju di dalam pengurusan harta wakaf. Diharapkan juga, pengurusan pentadbiran dijalankan secara professional dan mendapat latihan seperti kursus-kursus pentadbiran yang dijalankan di INTAN, dan institusi yang berkaitan. Jika sistem pengurusan pentadbiran sistematik dan terancang, maka pembangunan harta wakaf pendidikan akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pengurusan pemasaran perlu dipergiatkan dengan menggalakkan promosi mewakafkan harta ke seluruh individu-individu dan syarikat korporat. Promosi boleh dilakukan dengan mengadakan butiran terkini, dan terperinci dalam laman sesawang, risalah-risalah bercetak di samping penerangan secara terus kepada umum. Halangan-halangan kemajuan seperti enakmen dan lain-lain perlulah dikaji dan diperincikan bagi mengelakkan kesukaran kemajuan harta wakaf di masa hadapan. Akhir sekali sebuah institut latihan pentadbiran dan kepakaran pengurusan harta wakaf perlu diwujudkan bagi menjana kemajuan harta wakaf secara umum dan kemajuan harta wakaf pendidikan secara khasnya.

Huraian berikut adalah berdasarkan penelitian dan pemerhatian di lapangan ketika membuat temubual di sekolah-sekolah agama rakyat yang terpilih, antara aspek yang diberi perhatian ialah:

1. Kemasukan Pelajar

Kajian ini mendapati, penerimaan kemasukan pelajar ke sekolah wakaf semakin berkurangan sejak kebelakangan ini seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2**. Ini menyebabkan sekolah terpaksa membuat publisiti meluas untuk menarik pelajar untuk memasuki sekolah tersebut seperti mengedarkan pamphlet, membuat banner dan lain-lain. Keadaan ini disebabkan bantuan per kapita SAR telah ditarik balik oleh Kerajaan mulai tahun 2002. Sehingga 28 Februari 2003, seramai 14,916 pelajar daripada lebih kurang 74,000 pelajar SAR telah berpindah ke sekolah-sekolah kebangsaan. Selain itu, pelajar ke SAR makin berkurangan kerana Kerajaan telah mempelawa pelajar dan guru SAR memasuki sekolah kebangsaan (SK). Tindakan itu adalah bertujuan untuk meningkatkan prestasi pelajar, guru dan pendidikan di SAR (<http://www.UtusanOnline.com>). Kerajaan berpendapat nasib pelajar-pelajar SAR lebih terbela jika memasuki sekolah kebangsaan, maka pelajar-pelajar SAR dan guru-gurunya dipelawa memasuki sekolah Kerajaan. (<http://www.UtusanOnline.com>).

Jadual 2: Bilangan Pelajar Di Berapa Buah Sekolah Dari Tahun 2002-2004

| Bil | Nama Sekolah | Bilangan Pelajar | | |
|------------|---------------------------------------|-------------------------|-------------|-------------|
| | | 2004 | 2003 | 2002 |
| 1. | SMU (A) Istiqamah, Badang, Kota Bharu | 355 | 393 | 400 |
| 2. | SMA Daerah Syubbaniah | 80 | 85 | 100 |
| 3. | Al-Markas Islamiah | 125 | 350 | 205 |
| 4. | SMA As-Siddiqiah Al-Islamiah | 637 | 617 | 1022 |
| 5. | SMA Daerah Syubbaniah | 80 | 85 | 100 |
| 6. | Maahad Al Mizan | 437 | 456 | 508 |
| 7. | SMA Attahzib | 64 | 105 | 150 |

Sumber : Kajian IRPA, 2005


Kajian juga mendapati, kebanyakan pelajar yang memasuki sekolah agama (wakaf) adalah golongan yang kurang pandai. Ini memberi masalah kepada pihak sekolah kerana terpaksa mengadakan kelas insentif untuk mengajar mereka supaya mereka tidak tercicir ke belakang (Temubual Ustaz Suhaimi b. Daud, 2005). Kebanyakan pelajar di sekolah wakaf adalah berasal dari keluarga miskin menyebabkan sekolah tidak dapat mengutip yuran dari pelajar-pelajar malahan pihak pengurusan sekolah pula terpaksa membantu pelajar-pelajar tersebut (Temubual Ustaz. Mat Yaacob b. Mohamed, 2005).

Cadangan penubuhan jemaah nazir-nazir sekolah agama rakyat mungkin dapat menyelesaikan banyak masalah bersama seperti kemasukan pelajar, penyelarasan kurikulum, pengiktirafan badan luar, pertukaran pakar dan sebagainya.


2. Fasiliti

Kajian juga mendapati, penyelenggaran fasiliti di kebanyakan institusi pendidikan yang diwakaf amat tidak memuaskan menyebabkan fasiliti tersebut berada dalam keadaan buruk dan usang seperti asrama Maahad Al-Imam An-Nawawi dan Madrasah Manabi'ul Ulum.

Rajah 1: Keadaan Kemudahan Institusi Pendidikan Wakaf



Sumber : Kajian IRPA, 2005

Rajah 2: Kemudahan Institusi Pendidikan Wakaf

Sumber : Kajian IRPA, 2005

Kajian juga mendapati kemudahan prasarana juga hanya mencapai tahap memuaskan sahaja kerana 67.5% daripadanya mempunyai bangunan yang baik, 57.5% tidak mempunyai makmal sains, 20% tidak mempunyai perpustakaan dan 55% tidak mempunyai makmal komputer (rujuk **Rajah 2**).

Oleh itu, adalah dicadangkan supaya Kerajaan Pusat dan Negeri hendaklah mengembalikan semua jenis bantuan seperti yang telah disalurkan sebelum ini untuk melicinkan pembangunan prasarana SAR. Pihak Majlis Agama Islam negeri-negeri yang mentadbir semua pendaftaran harta-harta wakaf terutamanya wakaf tanah untuk SAR hendaklah dijamin agar tidak terjejas akibat dari mengambil alih SAR. Segala kekurangan prasarana SAR perlu diperbaiki dengan membuat kajian menyeluruh oleh Majlis Agama Islam negeri-negeri terhadap keperluan fizikal sekolah-sekolah dan memperuntukkan sumber yang wajar bagi membangunkan prasarana setiap sekolah. Pihak Kerajaan hendaklah menggunakan pendekatan memperbaiki segala prasarana yang tidak memenuhi kehendak peraturan-peraturan yang ada di peringkat kerajaan tempatan seperti sijil CF, keselamatan bangunan demi memastikan SAR dibantu untuk menjadi sekolah yang lebih lengkap dan memenuhi piawaian minimal yang diperlukan.

3. Kewangan

Kerajaan Pusat dan Negeri hendaklah mengembalikan semua bantuan seperti yang disalurkan sebelum ini sebagai suatu hak yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Suatu amalan pengurusan kewangan yang telus, berdisiplin dan teratur hendaklah diperkenalkan sebagai suatu sistem kewangan yang selaras untuk semua SAR. Suatu dana untuk kepentingan kecemerlangan pendidikan Islam melalui penubuhan Yayasan Wakaf Pendidikan hendaklah diwujudkan sebagai suatu inisiatif rakyat bagi meneruskan bantuan kewangan secara teratur dan berkesinambungan yang diamanahkan oleh rakyat.

4. Sukatan Pelajaran


Program pendaftaran SAR dan SAN sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) oleh Kementerian Pelajaran. Kementerian menerima 146 permohonan daripada 383 jumlah keseluruhan sekolah berkenaan. Pengambilan alih ini diharapkan tidak melibatkan perubahan sukatan. Sukatan SAR yang sedia ada hendaklah diperkuuhkan dari segi kandungan dan proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat bilik darjah. Penyelarasian sukatan SAR hendaklah digubal bersama melalui kesepakatan semua pihak yang berkaitan iaitu pentadbir sekolah, majlis dan jabatan agama negeri-negeri, LEPAI dan JAPIM. Usaha untuk mendedahkan pelajar-pelajar SAR kepada perkembangan dan cabaran semasa hendaklah dilakukan sebagai suatu keperluan dalam membina kualiti pelajar yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Dalam rangka memperkuuh masa depan SAR, sebuah Universiti Islam yang dibiayai sepenuhnya oleh harta wakaf perlu dirancang sebagai suatu wawasan menampilkkan kelahiran tokoh-tokoh ilmuan Islam yang menyumbang secara mantap kepada kecemerlangan ummah.

5. Latihan Guru SAR

Pihak Kerajaan Pusat dan Negeri digesa meningkatkan keperluan guru sama ada dari segi kuantiti mahupun kualiti supaya SAR dapat menjaminkan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan sempurna. Semua kursus-kursus peningkatan kemahiran guru-guru

seperti yang telah dilaksanakan sebelum ini hendaklah diteruskan dengan bantuan yang diberi oleh Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat. Sebuah wadah yang menggabungkan guru-guru agama dalam suatu kesatuan hendaklah diwujudkan bagi memelihara kebijakan dan juga masa depan mereka demi memastikan kualiti dan profesionalisme mereka dapat dimajukan.

Rajah 3: Cadangan Model Kecemerlangan Wakaf Pendidikan



KECEMERLANGAN PENDIDIKAN UMAT

Memang terbukti dalam sejarah bahawa wakaf mampu melahirkan kecemerlangan dalam pendidikan umat Islam. Sistem wakaf telah diikuti oleh sistem pendidikan Barat seperti Oxford sebagai satu mekanisme untuk kemajuan dalam meningkatkan mutu pendidikan dan penyelidikan. Untuk mencapai kecemerlangan tersebut, adalah dicadangkan supaya pengurusan harta wakaf hendaklah dirancang dan dilaksanakan secara bersepadu (lihat **Rajah 3**). Setiap pihak mempunyai kepentingan yang sama dalam menjayakan projek wakaf dan setiap pihak juga perlu memahami peranan dan tanggung jawab masing-masing. Huraian berikut berdasarkan carta cadangan model kecemerlangan wakaf pendidikan di atas.

Peranan yang paling utama ialah MAIN kerana ia pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf negeri. Kejayaan pihak majlis (biasanya exco agama negeri sebagai pengurus mewakili Sultan/Raja atau Menteri mewakili Yang Di Pertuan Agong di Wilayah Persekutuan) banyak bergantung kepada sejauh mana perencanaan dan pengurusan jabatan/unit wakaf yang mewakili bagi pihak Majlis. Pengurusan harta wakaf perlu dibahagikan kepada dua iaitu pertama; Unit Wakaf yang sedia ada dan kedua ialah Unit Pengkorporatan. Unit Wakaf perlu dipertingkatkan kepada jabatan wakaf yang membolehkan peruntukan jawatan pegawai. Di antara pegawai tetap yang diperlukan ialah pegawai hal ehwal tanah (SO) kerana urusan wakaf banyak melibatkan hal ehwal tanah dan adalah dicadangkan juga supaya pihak Qadi diberi peranan bukan sahaja sebagai wakil/Nazir Majlis agama di daerah tetapi juga sebagai pengurus bagi penggerak masyarakat setempat yang terdiri dari kalangan agamawan, ahli akademik, ahli korporat, ketua masyarakat dan lainnya. Bagi pihak korporat, pengurusan wakaf hendaklah memenuhi piawaian ketelusan yang ditentukan oleh Majlis dan perlu mengambil berat persoalan tenaga pakar, pengurusan pentadbiran, dan pengurusan pemasaran, termasuk halangan kemajuan wakaf itu sendiri.

Selain dari aspek pengurusan, pihak Majlis juga perlu memperluaskan kempen mengajak masyarakat berwakaf melalui mimbar jumaat, akhbar, radio, televisyen, laman sesawang dan mengadakan Hari atau Minggu Wakaf untuk memperkenalkan produk wakaf kepada

masyarakat Islam. Di samping itu, usaha menangani kekangan seperti enakmen, birokrasi dan minda statik boleh dilakukan melalui pendekatan bengkel, seminar, syura, hiwar dengan kalangan yang berkeahlian.

Usaha atau langkah di atas adalah bermatlamat supaya umat Islam yakin dengan kemampuan sistem wakaf. Keyakinan umat terhadap kesungguhan pihak bertanggung jawab mengendalikan harta wakaf amat penting kerana pemerintah dianggap sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf dan kalau sekiranya mereka tidak menguruskan harta wakaf, maka ia akan terbengkalai begitu sahaja. Oleh itu, keyakinan umat harus diberi perhitungan dalam perancangan dan pelaksanaan wakaf kerana harta wakaf adalah milik ummah yang mana kepentingannya akan kembali kepada mereka setelah dibangunkan. Sebenarnya, keyakinan akan melahirkan pengorbanan dan penglibatan dalam menyumbang dana dan menyerahkan aset seperti tanah, bangunan, saham dan sebagainya untuk kepentingan masa depan umat dan pahala yang berterusan.

Pihak Majlis juga perlu mewujudkan satu unit atau institut penyelidikan dan pembangunan harta wakaf. Ia berperanan mengkaji dan menghasilkan produk wakaf seperti Dompet Dhuafa Republik Indonesia membentuk institusi Tabung Wakaf Indonesia. Johor Corporation mewujudkan klinik wakaf, kemudian membina hospital wakaf dan wakaf korporat. Dana wakaf, saham wakaf, wakaf tunai, wakaf buku, wakaf saliran air bersih dan seumpamanya perlu diperkenalkan kepada masyarakat Islam sebagai saluran untuk memberi sumbangan kepada umat Islam (setelah diluluskan oleh pihak fatwa). Penubuhan yayasan wakaf baik di peringkat negeri dan kebangsaan amat penting sekali kerana banyak institusi wakaf yang berjaya dikendalikan oleh yayasan yang ditubuhkan oleh pengasas mereka seperti al-Azhar, Universiti Islam Indonesia, Universiti Islam Sultan Agung, Universiti Muslim Indonesia Makasar dan banyak lagi. Mungkin konsep yayasan itu lebih dekat dengan tujuan konsep wakaf yang mementingkan kekal pokok atau asasnya.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa wakaf sememangnya memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan institusi pendidikan Islam. Komitmen pemegang amanah wakaf dalam merancang dan melaksanakan pembangunan harta wakaf amatlah penting untuk kepentingan umat Islam. Pengurusan yang berkesan mestilah berdasarkan kaedah syarak dan sesuai pula dengan kehendak pengurusan semasa. Sementara itu, kefahaman sempit masyarakat mengenai wakaf merupakan antara cabaran yang terpaksa ditangani bagi membangunkan harta wakaf, khususnya dalam aspek pendidikan. Jika masyarakat Islam terutama bagi warga korporat di negara ini mempunyai kesedaran yang tinggi tentang kepentingan wakaf pendidikan, maka tidak timbul banyak masalah untuk mendapatkan kos operasi bagi menubuhkan dan membiayai institusi pendidikan Islam tersebut. Akibat dari kurangnya keperihatinan masyarakat terhadap wakaf pendidikan telah menyebabkan institusi pendidikan merosot dan terpaksa mengenakan yuran yang tinggi terhadap pelajar yang ingin mendapatkan pendidikan di institusi tersebut. Keadaan ini menyebabkan akhirnya institusi pendidikan wakaf akan menghadapi masalah untuk mendapatkan pelajar seperti yang telah dibuktikan melalui kajian ini.

Singapura, sebuah negara kecil dengan keluasan tanah yang terbatas dan sebuah masyarakat Islam minoriti menjadi teladan kepada urusan pembangunan harta wakaf kepada dunia.

Berbekalkan kejayaan menguruskan tanah wakaf di sini yang memberikan pulangan ekonomi yang berkali ganda dengan meningkatkan lagi nilai harta tanah wakaf yang menjadi milik bersama masyarakat Islamnya, Singapura menerusi Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) bertekad mengeksportkan pengalaman dan kepakaran tersebut.

Sehingga kini, sekitar 200 tanah wakaf yang nilai pasaran masa kininya dianggarkan berjumlah SG\$250juta, telah dibangunkan semula dengan menjana pendapatan sewa tahunan sebanyak SG\$6 hingga SG\$7 juta dolar. Ini juga telah menjadikan Singapura sebagai salah sebuah negara paling maju dalam mengendalikan pembangunan tanah wakaf.

Melalui pencapaian itu, MUIS merancang untuk menjadi pemain antarabangsa dalam bidang mengeksport kepakaran dan khidmat pengurusan wakaf di peringkat global.

Sejauh manakah rancangan itu dapat diperkenalkan melalui persidangan wakaf antarabangsa yang telah diadakan oleh MUIS pada 06 hingga 07 Mac 2008?

Imej meninjau

“Alhamdulillah kita telah mendapat perhatian dari Afrika Selatan dan Kuwait yang terpikat dengan model khidmat dan pengurusan wakaf kita dan mereka sedang berhubung dengan MUIS bagi beberapa pembangunan tanah atau harta wakaf. Mereka juga inginkan latihan bagi kakitangan yang bakal mengurus khidmat dan pengurusan wakaf agar mereka dapat menggunakan model pembangunan tanah wakaf di Singapura misalnya untuk dilaksanakan di tempat-tempat mereka”.

RUJUKAN

Buku

Abdul Azim Islahi, 2003. *A Bibliography*, Jeddah: Scientific Publishing Centre.

Abdul Samad b. Hj Junid, 1999. *Madrasah Al-Junied*, Singapura: AFIA Media International.

Abdullah b. Ishak, 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Shalaby, 1976. *Sejarah Pendidikan Islam*, Singapura: Pustaka Nasional Singapura.

Ahmad Zaki b. Hj Abdul Latiff, et al. 2008. *Wakaf: Pengurusan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia*. Shah Alam: UPENA.

Ahmad Zaki b. Hj. Abdul Latiff, 2005. *Potensi Wakaf Dalam Menjana Kemajuan Umat Islam*. Universiti Teknologi MARA: Prosiding Kolokium Zakat dan Wakaf (KOZAWA), Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).

Fadzlullah b. Hj. Shuib, 1995. *Kecemerlangan Ilmu Dalam Tamadun Islam*, Shah Alam: Pustaka Warisan.

Hailani b. Muji Tahir, 1998. *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Institusi Kewangan*, Kuala Lumpur: DBP.

Haron b. Din, 1990. *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah.

Hasan Langgulung, 1991. *Asas-asas Pendidikan Islam*, DBP: Kuala Lumpur.

Hair, J.F., Anderson, R.E., Tatham, R.L., & Black, W.C. (1992). *Multivariate data analysis with readings*, New York: Macmillan.
Kamarudin b. Ngah, 1992. *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Kamus Dewan, 1989. Kuala Lumpur: DBP.

Mahmood Zuhdi b. Hj. Ab Majid, 1999. *Konsep Dan Pelaksanaan Wakaf Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Perniagaan Ria.

Nunally, J.C., (1978), *Psychometric Theory*, 2nd Edition, McGraw Hill, New York, NY.

Opatha, H.R.N. (2001), *Factor Affecting Labour Management Relationships in Manufacturing Sector in Sri Lanka*. Unpublished Ph.D Thesis, Graduate School, Universiti Utara, Malaysia.

Osman b. Sabran, 2001. *Pengurusan Harta Wakaf*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Rahim b. Osman, 1976. *Kedatangan Dan Perkembangan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Uniten Selangor Press Sdn. Bhd.

Roscoe, J, T (1975). *Fundamental Research Statistics for the Behavioural Sciences*. 2nd Ed, New York; Hotl, Rinehart and Wilson.

Saifullah Kamalie (ed.) 2005. *Darunnajah*. Indonesia: Setting And Percetakan.

Sakaran, U., (2003). *Research Methods for Business*. John Wiley & Son.

Sayyed Sabiq, 1986. *Fikih Sunnah* (Jil 14). Bandung: PT Al-Ma'arif.

Sobri Salamon, 1985. *Masalah Pendidikan Di Malaysia*, Terengganu: Al-Rahmaniah.

Universitas Islam Indonesia, 1994. "Setengah Abad UII" UII Press: Indonesia

Tan Liok E, 1997. *The Polities of Chinese Education in Malaysia (1945-1961)*. Kuala Lumpur: O.U.P.

Latihan Ilmiah

Mohd Jelani b. Ramly, 1998. *Kajian Ke Atas Wakaf Bagi Tujuan Pendidikan Untuk Memenuhi Permintaan Sekolah Agama Bersepadu Di Johor Bharu*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Siti Hanifah bt. Ahmad, 1989. *Syeikh Junid Toha Sumbangannya Dalam Bidang Pendidikan, Ekonomi Dan Politik 1897-1948*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Kertas Kerja

Abdul Hamid b. Mar Iman, 1999. *Mekanisma Istibdal dan Pembiayaan Pembangunan Hartanah Wakaf*. Universiti Teknologi Malaysia: Seminar Institusi Wakaf Menuju Era Baru.

Abdul Monir b. Yaacob, 2004. *Pengurusan Wakaf-Ke Arah Memantapkan Ekonomi Ummah*. Fakulti Ekonomi dan Muamalat Kolej Universiti Islam Malaysia: Konvensyen Sistem Ekonomi Islam.

Ahmad Tajudin b. Abdul Rahman, 2004. *Pengurusan Wakaf-Ke Memantapkan Ekonomi Ummah*, Fakulti Ekonomi dan Muamalat Kolej Universiti Islam Malaysia: Konvensyen Sistem Ekonomi Islam.

Azizian b. Hamid, 1999. *Pentadbiran dan pengurusan harta tanah wakaf di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Seminar Institusi Wakaf Menuju Era Baru.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 1999. *Pengurusan Wakaf Di Wilayah Persekutuan: Amalan Dan Perancangan*, Institut Kefahaman Islam Malaysia: Seminar Konsep Dan Pelaksanaan Wakaf Di Malaysia.

Mohd Daud b. Bakar, 1999. *Kedudukan institusi Wakaf Daripada Perspektif Undang-undang*. Universiti Teknologi Malaysia: Seminar Institusi Wakaf Menuju Era Baru.

Mohd Daud b. Bakar, 1999. *Amalan Institusi Wakaf Di Beberapa Negara Islam: Satu Perbandingan Islam Malaysia*: Seminar Konsep Dan Pelaksanaan Wakaf Di Malaysia.

Mohd Fadzil b. Yusof, 2004. *Pelan Takaful Wakaf*. Fakulti Ekonomi Dan Muamalat Kolej Universiti Islam Malaysia: Konvensyen Sistem Ekonomi Islam.

Mohd Saharudin b. Shakrani ect., 1999. *Tinjauan Awal Isu-isu yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bengkel Ekonomi Islam.

Mohd Yusop b. Yahya, 1999. *Pengurusan Wakaf Di Perak: Amalan Dan Perancangan*. Institut Kefahaman Islam Malaysia: Seminar Konsep Dan Pelaksanaan Wakaf Di Malaysia.

Nik Mohd Zain b. Haji Nik Yusof ect., 1999. *Kedudukan dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia: Satu Penilaian*, Institut Kefahaman Islam Malaysia: Seminar Konsep Dan Pelaksanaan Wakaf Di Malaysia.

Nik Mohd Zain b. Nik Yusof, 1999. *Prosedur Pendaftaran Tanah Wakaf di bawah Kanun Tanah Negara*. Universiti Teknologi Malaysia: Seminar Institusi Wakaf Menuju Era Baru.

Syed Otman Alhabshi, 1999. *Penglibatan Agensi Swasta dan Kerajaan Dalam Pembangunan Harta Wakaf*. Universiti Teknologi Malaysia: Seminar Institusi Wakaf Menuju Era Baru.

Majalah

Abdul Latif b. Hj. Juffri, 2004. *Majalah Buletin Majlis*, Johor Bahru: MAIJ.

Hasnah bt. Hanan, 2004. *Majalah esshams*, Bintang Pelajar: Muar.

Zulkhairi b. Abdul Hamid, 2003. *Majalah Maktab Mahmud*, Kedah Darul Aman: Zapple Print.

Temubual

Pengetua Sekolah Sri ABIM (Ustaz Abd Razak b. Aripin) (12/8/2005)

Pengetua SMU (A) Bustanus Saadah, Morak (Ustaz Hj Nadmuddin b. Ibrahim)

Pengetua Maahad Al-Imam An-Nawawi (Ustaz Hj Zaidi b. Hj Salleh)

Pengetua SMU (A) Sullamiah, Bunut Payong (Ustaz. Mat Yaacob b. Mohamed)

Pengetua SMU (A) Istiqamah, Badang (Hj Mohd Radzi b. Ismail)

Pengetua SMU (A) Tarbiah Islamiah (Ustaz Suhami b. Daud)

Penolong Kanan 1 Maahad Al-Yahyawiah (Azizi b. Mohd Ridzuan)
16/01/06

Pengetua Maahad Al-Yahyawiah (Hj. Mohd Radzi b. Petah)
16/01/06

Pengetua Ma'ahad al-Ihya al-Syarif (Ustaz Mamdoh) 17/01/06

Pengetua Sekolah Agama Masriyah

Keratan Akhbar

Metro Harian, 13 Oktober 2005.

Utusan Malaysia, 19 Julai 2005.

Utusan Malaysia, 31 Mei 2001.

Internet

<http://www.alkis.org.my>

<http://www.darunnajah.com>

<http://www.harakahdaily.net>

<http://www.hmetro.com>

<http://www.hsbc.com.my>

<http://www.islamic-relief.com/Uk/waqf/index.htm>

<http://www.takaful-malaysia.com>

<http://www.uii.ac.id>

<http://www.UtusanOnline.com>

<http://ms.wikipedia.org>

<http://sekolah.mmu.edu.my>

<http://smas.edu.my>

MEKANISME WAKAF: GAGASAN AWAL TERHADAP PEMBANGUNAN DAN PEMBIAYAAN PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN ISLAM BORNEO

Oleh:

Wan Ariffin b. Wan Yon
Mohd Syahiran b. Abdul Latif
Prof. Madya Dr. Hasan b. Bahrom PhD¹

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk mengemukakan pemikiran awal ke arah mewujudkan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Islam Borneo (PPPIB) yang dikelolakan oleh Universiti Teknologi MARA Sarawak. Pusat penyelidikan ini akan berfungsi sebagai sebuah institusi yang menjalankan kegiatan penyelidikan dan kajian yang mencakupi pelbagai bidang keilmuan Islam selain menyediakan prasarana lengkap dan bahan-bahan rujukan ilmiah. Bagi tujuan merealisasikan hasrat ini, wakaf dilihat sebagai salah satu mekanisme unggul yang berupaya menjana pendapatan bagi menampung kos pembiayaan pembangunan dan kelangsungan pusat penyelidikan ini. Maka di dalam pembentangan artikel ini akan dibincang secara ilmiah sejauh mana wakaf berperanan sebagai sebuah mekanisme yang boleh diadaptasikan ke arah merealisasikan penubuhan PPPIB demi kepentingan dan kebaikan umat Islam khususnya di Borneo.

Perkataan Teras : Wakaf, Wakaf Tunai, Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Islam Borneo, Potensi Wakaf Tunai

Klasifikasi JEL : A13, I20, Z12, Z13

¹ Wan Ariffin b. Wan Yon dan Mohd Syahiran b. Abdul Latif ialah Pensyarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM Sarawak. Manakala Prof. Madya Dr. Hasan b. Bahrom adalah Prof .Madya di Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM Shah Alam Selangor.

PENDAHULUAN

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan ingatlah Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya dan Allah Maha Luas (rahmatnya) kurniaannya lagi meliputi ilmu pengetahuan”.. al Baqarah: 261

Institusi wakaf berperanan sebagai jentera penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi umat Islam andai diurus tadbir dan dibangunkan dengan bijaksana. Secara teorinya institusi wakaf dilihat sebagai suatu amalan ibadah yang bertujuan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T selain ianya merupakan ibadah mal yang memberikan kebaikan kepada masyarakat khususnya umat Islam.

Di negara kita, wakaf masih belum meresap dan sebatی dalam tubuh badan serta minda umat Islam. Realiti yang berlaku kini, masyarakat kebanyakannya masih belum memahami secara jelas mengenai konsep wakaf. Rata-rata memandang wakaf adalah tanah-tanah kubur ataupun tapak-tapak masjid sahaja. Sedangkan konsep wakaf mempunyai skop yang amat luas yang meliputi premis-premis ataupun kompleks-kompleks perniagaan, rumah kedai, kediaman dan sebagainya. Wakaf telah digunakan sebagai mekanisma pembangunan dalam sektor pendidikan, mengurangkan kadar kemiskinan, kesihatan, kebajikan, penyelidikan dan sebagainya.

Wakaf juga telah digunakan bukan sahaja sebagai alat untuk pengagihan semulakekayaan tetapi juga untuk memperkuatkukuhkan keupayaan individu dan masyarakat yang memerlukan bantuan asas seperti modal pinjaman, rawatan hospital, makanan berkhasiat, keperluan infrastruktur dan sebagainya. Kehebatan sistem pendidikan, kesihatan, gedung perniagaan, kawasan peristirahatan dan kebajikan masyarakat terserlah melalui institusi wakaf pada zaman keagungan Islam.

Keterbatasan sumber-sumber premier berkaitan wakaf adalah suatu hikmah yang membuka seluas-luasnya ruang ijihad. Oleh kerana ia

bersifat ijtihadi, maka ia bersifat fleksibel, terbuka kepada penafsiran-penafsiran baru, dinamik dan futuristik yang boleh dikembangkan potensinya sesuai dengan keperluan zaman dan meningkatkan ekonomi umat.²

Menyedari potensi yang ada pada wakaf, UiTM Sarawak sedang berusaha untuk melihat potensi tersebut bagi membangunkan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Islam Borneo (PPPIB) yang akan beroperasi tidak lama lagi. Pusat Penyelidikan ini merupakan salah satu pusat kecemerlangan yang ditubuhkan oleh UiTM bagi tujuan memperkembangkan lagi budaya ilmu.

PENGERTIAN WAKAF

Kalimah wakaf merupakan kata terbitan daripada kata dasar *waqafa* (*waqafa – waqifu – waqfan*) yang bermaksud menahan atau menegah sesuatu.³ Demikian juga perkataan *al-habs* memberi konotasi seerti dengan *al-waqf*. Dikatakan “*ahbastu*” atau “*waqaftu*” kedua-duanya memberi maksud menahan atau mengawal, iaitu menahan atau mengawal harta bernilai untuk diambil manfaatnya kerana Allah S.W.T. demi untuk kepentingan umum. Seterusnya istilah wakaf digunakan secara komprehensif di dalam semua permasalahan yang merujuk kepada urusan “penahanan” harta bernilai untuk tujuan kebaikan.

Wakaf merupakan sebahagian daripada bentuk amal jariah yang ganjaran pahalanya akan terus menerus berlaku hingga wakafnya berakhir atau musnah, walaupun pewakaf itu telah meninggal dunia. Hukum mewakafkan harta adalah sunat kerana ia merupakan

² Abdul Halim b. Ramli dan Prof. Madya Kamarulzaman b. Sulaiman, Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-Negara Islam. Kertas Kerja dibentangkan di Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama UiTM Johor, UTM, UM, UIAM, YaPEIM, IKIM, JAKIM dan YADIM, The Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006.

³ al-Marbawi, Muhammad Idris Abdul Rauf, Kamus Idris al-Marbawi, Pustaka Nasional, Singapura, 1995, hlm. 396.

perbuatan yang baik daripada kerja kebaikan yang sangat dituntut. Abu Hurairah telah menjelaskan bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda yang bermaksud:

“Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaat dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya.” (Riwayat Muslim).

Imam al-Rafi’I menjelaskan perkataan bersedekah jariah dalam hadith tersebut dengan maksud wakaf kerana pahala sedekah jariah wakaf terus menerus mengalir kepada orang yang melakukannya, sedangkan sedekah yang lain pahala tidak berpanjangan mengalir seperti wakaf. Antara tujuan wakaf adalah untuk mendekatkan seorang hamba dengan Allah S.W.T. Oleh itu, wakaf hanya dibolehkan kepada perkara kepentingan umum umat Islam dan bukan kepada tempat ibadat orang-orang kafir, atau disalurkan ke dalam aktiviti yang haram atau maksiat atau yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Muhammad Abu Zahrah menyatakan amalan wakaf tidak terhad kepada pembinaan masjid, bahkan merangkumi semua bentuk amalan yang berlaku pada sedekah seperti amalan mewakafkan harta benda, tanah, wang sewaan tanah, pembinaan hospital, rumah-rumah anak yatim dan fakir miskin. Salah satu contoh harta wakaf umat Islam yang kekal sehingga kini ialah pembinaan Universiti al-Azhar semenjak 1,000 tahun lalu. Sehingga kini pembentukan dikendalikan daripada harta wakaf yang memberi khidmat percuma pengajian kepada pelajar Islam dari seluruh dunia.

Al-Zuhaily telah mengutarakan pandangan al-Malikiyah berkenaan maksud wakaf adalah difahami sebagai perbuatan pewakaf (*waqif*) yang menjadikan manfaat hartanya untuk tujuan kebaikan, walaupun manfaat tersebut dalam bentuk sewaan, ataupun menjadikan hasilnya (harta wakaf) sesuatu yang bernilai seperti wang, dengan lafadz wakaf untuk jangkamasa tertentu bersesuaian dengan kehendak pewakaf. Selain itu, harta wakaf tidak akan berpindah milik bahkan akan terus kekal menjadi hak milik pewakaf. Justeru wakaf menurut Imam Malik tidak menghilangkan hak milik pewakaf ke atas harta wakaf, cuma pewakaf tidak boleh menggunakan harta wakaf tersebut selain daripada tujuan yang diwakafkan.⁴

⁴ Al-Zuhaily, Wahbah, al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh, hlm. 156

Timbul persoalan dalam membahaskan sama ada harta dalam bentuk wang tunai boleh diwakafkan atau tidak. Perkara ini menjadi perdebatan pandangan di kalangan ulama. Walau bagaimanapun terdapat dalam kalangan fuqaha al-Malikiyah membenarkannya.⁵ Begitu juga Zufar dan al-Ansari daripada kalangan al-Hanafiah⁶ dan satu riwayat dari Imam Ahmad dan Ibn Taimiyah dari kalangan Mazhab Hanbali.⁷ Ini kerana bagi mereka wakaf boleh dilakukan terhadap apa sahaja harta yang harus dimanfaatkan dalam keadaan zatnya dikekalkan atau digantikan zatnya.

Justeru wang tunai boleh dijadikan harta wakaf kerana manfaat wang dapat digunakan dengan zatnya digantikan. Ini bermakna berdasarkan pandangan ini jika wang dikumpulkan untuk digunakan mendapatkan suatu harta tetap yang bakal menjadi harta wakaf sudah pasti tidak lagi menjadi suatu yang dibahaskan lagi. Ini kerana usaha tersebut telah menggabungkan dua pandangan yang berbeza dalam kalangan fuqaha. Dengan kata lain, jika berlaku penyaluran modal dalam bentuk wang bagi memajukan suatu aset, yang kemudiannya menjadi harta wakaf, sudah pasti ia menjadi suatu yang tidak bercanggah dengan pandangan fuqaha silam.

RUKUN WAKAF

Jumhur fuqaha telah meletakkan rukun wakaf kepada empat iaitu pewakaf (*waqif*), penerima wakaf (*mawquf alaih*), harta yang diwakaf (*mawquf*) dan lafadz wakaf (*sighah*). Berikut dijelaskan secara ringkas maksud setiap daripada rukun tersebut.

1. Pewakaf (*Waqif*)

Pewakaf merupakan seorang yang mempunyai harta dan boleh menguruskannya dengan sendiri. Pewakaf tersebut mestilah berakal dan cukup umur serta melakukan pewakafan berdasarkan kehendak nalurinya dan bukan atas dasar paksaan atau tipu daya.

⁵ Al-Hattab, Mawahib al-Jalil, j.7, hlm.631

⁶ Ibn 'Abidin, Radd al-Muhtar, j. 6, hlm.556

⁷ Ibn Taimiah, Majmu' al-Fatwa, j. 31, hlm.234

2. Penerima Wakaf (*Mawquf alaih*)

Penerima wakaf terdiri daripada dua golongan iaitu:

a. Penerima wakaf yang dikhkususkan

Penerima wakaf yang dikhkususkan terdiri daripada orang perseorangan atau kumpulan tertentu yang dimaksudkan oleh pewakaf. Al-Hanafiah menyatakan lafaz *qabul* daripada pewakaf bukan menjadi rukun yang menentukan sahnya sesuatu wewakafan sama ada penerima wakaf tersebut dikhkususkan atau sebaliknya. Wakaf dikira terlaksana dengan lafaz *ijab* daripada pewakaf tanpa perlu merujuk kepada reaksi penerima wakaf.

Sementara fuqaha Syafi'iyah, Malikiyah dan sebahagian daripada Hanabilah telah menetapkan lafaz *qabul* (penerimaan) dari penerima wakaf akan menjadi rukun apabila wakaf tersebut dikhkususkan kepada individu tertentu seperti mewakafkan kebun kepada Zaid.⁸ Andainya *qabul* (penerimaan) tidak diperolehi dari penerima wakaf tersebut, maka wakaf tersebut akan berpindah kepada orang lain yang ditentukan semula oleh pewakaf.

b. Penerima wakaf yang umum

Iaitu penerima wakaf yang tidak dikhkususkan serta bersifat umum seperti fakir miskin, ulama, pengajian dan seumpamanya. Wakaf seperti ini tidak memerlukan pengakuan penerimaan (*qabul*) daripada penerima wakaf dan ianya dianggap terlaksana apabila hasrat pewakaf telah terlaksana. Fuqaha Hanafiah dan Hanabilah menegaskan bahawa tidak perlu akuan penerimaan daripada penerima wakaf kerana lafaz *ijab* daripada pewakaf telah memadai.

⁸ Sekiranya wakaf tersebut ditujukan untuk kepentingan umum seperti untuk kebajikan fakir miskin, pembinaan masjid dan sebagainya, maka tidak disyaratkan *qabul* (penerimaan).

3. Harta Wakaf (*Mawquf*)

Harta wakaf terbahagi kepada dua jenis:

a. Harta Alih

Harta alih⁹ bermaksud harta yang boleh dialih atau diubah kedudukannya dari satu tempat ke tempat yang lain mengikut keperluannya. Para ulama mensyaratkan bahawa harta alih yang diwakafkan mestilah boleh diambil manfaat menurut syarak seperti haiwan, kenderaan, hamparan dan sebagainya.

b. Harta Tak Alih

Harta tak alih bermaksud harta yang tidak boleh atau tidak mungkin dialih-alihkan dari satu tempat ke suatu tempat yang lain seperti tanah, bangunan dan seumpamanya.

4. Lafaz Wakaf (*Sighah*)

Lafaz wakaf (*sighah*) merupakan rukun terpenting di dalam menentukan pengesahan wakaf. Dengannya dapat dibezakan sama ada pemberian itu satu sedekah ataupun wakaf. Selain itu juga, ianya untuk mengetahui niat dan maksud pewakaf.

JENIS WAKAF

Secara umumnya wakaf dikategorikan kepada dua bahagian utama iaitu wakaf am dan wakaf khas. Walaupun kedua-dua wakaf ini mempunyai tujuan dan maksud yang sama iaitu untuk kebajikan, tetapi

⁹ Harta alih di dalam hukum syarak dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu: *Makilat* iaitu barang-barang yang pada kebiasaannya dijual melalui kiraan sukatan. Sebagai contoh gandum, gula, beras dan sebagainya. *Mauzunat* iaitu barang-barang yang pada kebiasaannya dijual melalui timbangan. Seperti contoh emas, perak, dan minyak. *Adadiyat* iaitu barang-barang yang kebiasaannya dijual melalui bilangan. Seperti contoh buah-buahan dan telur. *Mazru'at* iaitu barang-barang yang dikira melalui ukuran. Sebagai contoh kain dan tali. *'Arud* iaitu seperti perabot dan binatang.

fungsinya berbeza di dalam urusan pentadbiran dan pembangunan harta wakaf tersebut.

1. Wakaf Khas

Wakaf khas bermaksud wakaf yang dikhkususkan tujuannya atau dikhkususkan pengambil manfaat daripada zat harta wakaf tersebut¹⁰ atau dalam erti kata lain, memulakan wakaf dengan diri sendiri, anak-anak dan kemudiannya orang lain untuk tujuan kebajikan. Sebagai contoh mewakafkan manfaat tanah kebun kepada seluruh zuriat dan keturunannya atau hanya kepada golongan tertentu sahaja kemudian diikuti dengan fakir miskin. Wakaf jenis ini juga dikenali sebagai wakaf kerabat (*dhurriy*) iaitu wakaf yang dikhkususkan untuk ahli keluarga terdekat dan golongan tertentu.¹¹

Apabila seseorang melafazkan “*Aku mewakafkan tanah ini untuk anak-anakku*”. Maka ia memberi maksud bahawa dia telah mewakafkan tanahnya untuk anak lelaki dan perempuan termasuk *khunsa*. Jika anak itu masih janin di dalam kandungan ianya hanya dikira setelah dilahirkan. Akan tetapi anak yang disabitkan dengan *li'an* tidak termasuk kerana gugurnya kesahtarafan anak tersebut kepada bapanya.¹²

2. Wakaf Am

Iaitu wakaf yang pada mulanya bertujuan untuk kebajikan semata-mata tanpa dikhkususkan kepada mana-mana penerima wakaf dan kemudiannya mengkhususkan kepada penerima wakaf tertentu. Seperti contoh mewakafkan tanah untuk pusat pengajian kemudian setelah daripada itu untuk dirinya dan anak-anaknya. Wakaf jenis ini amat digalakkan oleh Islam kerana selain daripada tujuan mendapatkan ganjaran pahala daripada Allah S.W.T. ianya akan membantu meningkatkan perkembangan sektor ekonomi negara.

¹⁰ Kamal Muhammad Yusuf, *Fiqh al-Iqtisod al-Suuq, al-Nasyad al-Khas, Dar al-Nasyr Lil-Jama cat al-Misriah*. Maktabah al-Wafa'. 1995. hlm. 319.

¹¹ al-Zuhaily, Wahbah, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, Beirut, 1996, Jld. 8. hlm. 157.

¹² Muhammad Jawwad, *al-Ahwal al-Syakhsiyah*. Dar al-'Ilm Li al-Malayin, Beirut, 1996, hlm. 82.

Wakaf jenis ini andai ditadbir dan dibangunkan dengan sempurna dan bijaksana akan memberikan kebaikan manfaat yang besar kepada masyarakat khususnya umat Islam. Oleh sebab itulah kebanyakan pusat pentadbiran wakaf di seluruh negeri di Malaysia lebih menggalakkan individu-individu yang ingin melakukan ibadah wakaf supaya mewakafkannya di dalam bentuk am supaya lebih senang ditadbir dan dibangunkan demi memberi manfaat untuk semua masyarakat.

PERANAN WAKAF

Sektor kebajikan merupakan intermediari di antara sektor swasta dan Kerajaan. Sementara wakaf merupakan salah satu elemen penting yang membarisi tonggak sektor kebajikan yang berupaya menjana tingkat perkembangan ekonomi negara di samping menjamin kestabilan pentadbiran negara. Pelaksanaan institusi wakaf di peringkat perdana tidak akan terhasil andainya tiada kerjasama dan persefahaman di antara kedua-dua belah pihak. Kerjasama di antara kedua pihak boleh terjalin melalui galakan dan dorongan Kerajaan kepada sektor swasta menjalankan projek di bawah inisiatif wakaf dengan memberi jaminan dan kemudahan tender dan sebagainya kepada sektor terbabit.

Selain itu juga, fungsi wakaf antara lain ialah mengurangkan beban Kerajaan dalam pelaksanaan pembangunan dan memenuhi keperluan masyarakat. Apabila kesedaran timbul di setiap hati masyarakat mengenai kepentingan wakaf, maka usaha Kerajaan untuk mengurangkan inflasi dan menurunkan kadar kemiskinan akan menjadi lebih mudah.

Apabila umat Islam mula menyedari hakikat pelaksanaan wakaf dan mewakafkan harta mereka, secara tidak langsung akan mengurangkan jumlah harta yang terkumpul secara milikan peribadi. Apabila berkurangnya jumlah harta yang dimiliki secara peribadi, sedikit sebanyak akan menurunkan kuasa beli mereka dan seterusnya kebanyakan wang akan kembali semula kepada Kerajaan. Dengan berkurangnya kuasa beli masyarakat permintaan akan menurun ke tahap yang seimbang dengan penawaran barang di pasaran.

Wakaf juga merupakan salah satu daripada keistimewaan agama Islam yang tidak ada pada agama lain. Ianya merupakan satu

anugerah dan rahmat Ilahi untuk hamba-Nya. Islam meletakkan panduan dan syarat supaya amalan berwakaf ini dapat dimanfaatkan secara berterusan bagi mewujudkan keadilan sosial dan membantu golongan terpinggir dalam masyarakat, juga untuk tujuan-tujuan lain seperti dakwah Islamiah yang dituntut kelangsungannya di dalam sesebuah masyarakat.

Manfaat dan kebaikan wakaf meliputi segenap skop kehidupan manusia. Ciri-ciri kebajikan yang ada padanya dapat mengurangi tekanan dan tuntutan hidup yang mencengkam golongan fakir miskin yang diibaratkan seperti "*kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.*" Manakala kedudukan wakaf dalam ajaran Islam amat tinggi nilainya. Bahkan mempunyai tiga dimensi:

1. Memberi pahala yang berganda kepada orang yang berwakaf.
2. Menunaikan tanggungjawab sosial untuk membantu golongan masyarakat yang daif.
3. Menaikkan martabat dan syiar Islam.

Di Malaysia, institusi wakaf juga memainkan peranan penting, Kolej Islam Klang ditubuhkan berasaskan harta wakaf, begitu juga di negeri Kedah dan Kelantan, madrasah dan pondok berkembang kerana adanya wakaf, demikian juga di Singapura, adanya Sekolah al-Junid dan al-Saggof kerana wakaf.¹³

Dalam aspek kerohanian, wakaf mendidik jiwa manusia supaya bersifat ihsan, belas kasihan dan tolong menolong sesama manusia. Di samping itu, ianya mengikis sikap bakhil dan tamak yang menjadi darah daging di dalam diri manusia. Selain itu juga, ianya dapat menghubung dan mengeratkan kembali hubungan silaturrahim sesama masyarakat yang semakin hari semakin direnggangi oleh kesibukan dunia.

Dengan itu jelaslah bahawa keistimewaan dan peranan ibadah wakaf begitu luas meliputi semua aspek dalaman dan luaran selain mengajar manusia erti sebenar kesyukuran terhadap setiap nikmat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada mereka. Yusuf Kamal¹⁴

¹³ Awang b. Othman, Dr. Mahmud b. Saedon, *Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ummah*, dalam *al-Ahkam*, 1998, hlm. 174.

¹⁴ Kamal Muhammad Yusuf, *Fiqh al-Iqtisod al-Suuq, al-Nasyad al-Khas*, Dar al-Nasyr Li al-Jama'at al-Misriah. Maktabah al-Wafa', 1995, hlm. 319.

menyatakan, peranan wakaf mencakupi semua aspek kehidupan termasuklah:

- a. Ibadat, seperti membina masjid-masjid kemudian diwakafkan untuk kegunaan umat Islam.
- b. Kebajikan masyarakat, seperti membina tempat tinggal untuk fakir miskin yang kurang berkemampuan dan membina hospital serta pusat rawatan lain yang boleh dimanfaatkan oleh pesakit selain menjadi pusat latihan perubatan dan sebagainya.
- c. Ekonomi, seperti membangunkan harta dan tanah wakaf untuk tujuan komersial yang mana hasil atau manfaatnya akan digunakan untuk tujuan wakaf.

SUMBANGAN AWAL WAKAF

Kebanyakan harta-harta yang diwakafkan di zaman permulaan Islam semasa hayat Baginda Rasulullah S.A.W ialah harta-harta kekal atau tahan lama, seperti tanah, rumah dan lain-lain. Bermula dengan wakaf yang dilakukan oleh Saidina Umar r.a dengan sebidang tanah miliknya di Khaybar seterusnya Abu Talhah dengan kebun *Bairoha* kesayangannya dan kemudiannya diikuti oleh Saidina Uthman yang mewakafkan *bi'r al-raumah* untuk kegunaan kaum Muslimin.

Harta-harta yang berkekalan itu bukanlah terbatas kepada harta-harta tidak alih sahaja. Tetapi termasuk harta boleh alih, seperti senjata atau alat-alat pertanian. Yang dimaksudkan berkekalan itu ialah yang tahan lama kegunaannya. Ini dinyatakan di dalam hadith riwayat Al-Bukhari, dan Ahmad yang bermaksud: Bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda: "Adapun Khalid, sesungguhnya dia telah mewakafkan perisai-perisai dan kelengkapan perangnya di jalan Allah."¹⁵

Masjid al-Nabawi merupakan bukti awal sumbangan wakaf di zaman permulaan Islam. Masjid yang didirikan di atas sebidang tanah wakaf¹⁶ telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai dalam sejarah

¹⁵ Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Darul Fath li al-Ilam al-Arabi, 1999, hlm. 263

¹⁶ Hadis riwayat Anas R.A katanya: "Ketika mana Rasulullah S.A.W tiba di Madinah, Baginda mengarahkan supaya dibina sebuah masjid. Lalu Baginda bersabda: "Bayarkan untukku kebun-kebun kamu ini" Lalu mereka berkata: "Demi Allah, kami tidak akan meminta harganya kecuali kepada Allah!" Lalu mereka membina masjid di atas tanah kebun itu".

perkembangan Islam di Madinah yang telah berfungsi sebagai pusat penyebaran ilmu, pusat kegiatan ekonomi dan lain-lain.

Demikian juga wakaf berperanan dalam membiayai kelengkapan perperangan seperti persenjataan, perisai dan perubatan. Walaupun tidak banyak periyawatan berkenaan sumbangan wakaf di zaman awal Islam, namun galakan dan kesedaran berwakaf telah mula menjalar di hati para sahabat ketika itu.

SUMBANGAN WAKAF SEMASA

Amalan wakaf di Malaysia mula subur dan berkembang dengan penubuhan pondok-pondok pengajian agama secara tradisional yang mempengaruhi masyarakat setempat untuk mewakafkan harta mereka. Walaupun begitu dalam konteks zaman sekarang, amalan tersebut perlu diperluaskan terutama dalam mendirikan hospital wakaf yang memberi perkhidmatan percuma atau perkhidmatan yang rendah kosnya sebagaimana kita lihat persatuan-persatuan bukan Islam menubuhkan hospital dan pusat-pusat dialisis untuk pesakit buah pinggang.

Di samping itu, pembinaan rumah-rumah anak yatim juga amat diperlukan bagi membiayai dan mendidik mereka dengan teratur. Ia tidak terhad dalam bentuk pembinaan masjid semata-mata. Malahan dalam sejarah Islam terdapat rumah tumpangan yang didirikan secara wakaf di kota-kota besar Islam untuk para musafir seperti di Basrah, Baghdad, Damsyik dan Kaherah.

Di dalam pelaksanaan wakaf kontemporari, keutamaan di dalam pengurusan wakaf diambil kira dari segi keberkesanan, ketelusan, dan tahap profesionalisme pengurusan itu. Jika persoalan wakaf hanya dijuruskan pada suatu sumber yang terhad, maka potensi untuk memaksima dan memperkembangkan manfaat wakaf itu sendiri akan menjadi terhad. Kerana umum mengetahui bahawa untuk melaksanakan ibadah wakaf perlukan modal yang agak besar atau perlu ada sekurang-kurangnya sebidang tanah atau bangunan tertentu.

Sedangkan maksud dan matlamat wakaf menjangkaui kesemua itu. Maka tiada halangan syarak untuk membina konsep baru mengenai wakaf bagi tujuan kemudahan merangka sistem yang boleh dilaksanakan ibadat wakaf secara lebih berkesan asalkan

matlamat dan tujuan wakaf itu dapat dipenuhi sebagaimana asalnya, iaitu mengumpul dana dan sumber kukuh yang berterusan bagi melaksanakan tanggungjawab sosial untuk kebajikan golongan terpinggir di dalam masyarakat atau lain-lain kebajikan yang dibenarkan syarak.

Seperti contoh terhadap apa yang telah dilaksanakan oleh Yayasan al-Bukhari yang telah menjalankan kerja-kerja kebajikan dengan melaksanakan projek pembinaan masjid, pusat pengajian, pusat rawatan secara percuma dan rumah jagaan orang-orang tua melalui konsep bina dan wakaf. Ianya terbukti berkesan dalam usaha mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada dana pemerintah sekaligus membantu menjimatkan wang pemerintah.

Pembangunan, pengembangan dan pelaburan harta wakaf juga boleh menggunakan instrumen kewangan yang diguna pakai dalam sistem kewangan Islam semasa seperti *murabahah*, *ijarah*, *mudharabah* dan sebagainya. Contohnya melalui kontrak dalam bentuk *murabahah* memerlukan nazir wakaf bertindak sebagai pengusaha yang mengurus proses-proses pelaburan, membeli peralatan-peralatan dan kelengkapan yang perlu melalui kontrak *murabahah*, sementara bank Islam menyediakan sumber pembiayaan. Pengurus wakaf menjadi peminjam/pemutang kepada institusi bank dan hutang ini akan dibayar melalui pembangunan harta wakaf.¹⁷

WAKAF TUNAI¹⁸

Secara praktikalnya, wakaf tunai dilihat berpotensi untuk diperdanakan amalannya dalam kalangan umat Islam. Selain itu, wang tunai lebih mudah diuruskan berbanding harta tetap seperti tanah dan sebagainya. Bentuk fizikalnya yang mudah alih memungkinkan fungsinya dipelbagaikan. Selain boleh digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan, ia juga boleh dikembangkan lagi melalui instrumen-instrumen pelaburan yang diharuskan syarak.

¹⁷ Abdul Halim b. Ramli dan Prof. Madya Kamarulzaman b. Sulaiman, Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-Negara Islam. Kertas Kerja dibentangkan di Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama UiTM Johor, UTM, UM, UIAM, (JAWHAR) YaPEIM, IKIM, JAKIM dan YADIM, The Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006.

¹⁸ Juga disebut dana wakaf.

Pulangan daripada pelaburan tadi kemudiannya boleh digunakan untuk projek-projek berkepentingan umum.

Seperti mana yang telah dilaksanakan dengan jayanya di Bangladesh oleh Prof. M.A. Manan yang telah mengasaskan Social Investment Bank Ltd. (SIBL) di mana matlamat utamanya adalah untuk membantu golongan miskin dengan menggunakan pendekatan kemanusiaan terhadap kredit, tanpa riba dan pembahagian keuntungan dan kerugian berdasarkan kemanusiaan. SIBL juga telah memperkenalkan produk Sijil Wakaf Tunai yang pertama kali diperkenalkan dalam sejarah perbankan dengan mengumpulkan dana dari golongan kaya dan hasil keuntungannya akan disalurkan kepada rakyat yang miskin.¹⁹

Rangka kerja wakaf tunai ialah di mana seseorang menyumbangkan sebahagian dari wangnya dengan membeli sijil wakaf tunai melalui nazir wakaf. Sijil tersebut boleh dibeli di atas nama keluarganya atau seseorang walaupun telah meninggal dunia dengan tujuan tertentu seperti program bantuan kepada fakir miskin, kebajikan, pendidikan dan lain-lain. Nazir wakaf yang mengelola wakaf tunai tersebut kemudian melaburkannya ke dalam berbagai portfolio seperti bank syariah dalam atau luar negeri, perniagaan tertentu dan lain-lain aktiviti yang diperakui oleh syariah dan membawa keuntungan yang tinggi.

Menurut Dr. Murat Cizakca di dalam tulisannya yang bertajuk “*A History of Philanthropic Foundations: The Islamic World From The Seventh Century to The Present*” menyatakan bahawa semasa zaman pemerintahan Ottmaniah di Turki dahulu, amalan wakaf tunai telah berjaya meringankan perbelanjaan Kerajaan dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan pendidikan, kesihatan, perbandaran dan sebagainya kepada masyarakat. Pada masa tersebut, sumbangan sukarela yang diterima daripada mereka yang bermurah hati disalurkan untuk membiayai pelbagai bentuk perancangan yang memberi manfaat kepada masyarakat umum.²⁰

¹⁹ Dian Masyita, Muhammad Tasrif, Abdi Suryadinata Telaga. 2005. *A Dynamic Model for Cash Waqf Management as One of The Alternative Instruments for The Poverty Alleviation in Indonesia. The 23th International Conference of The System Dynamics Society Massachussets Institute of Technology (MIT), Boston, July 17-21, 2005.*

²⁰ Laman web IKIM, 2007, Wakaf Tunai: Pendekatan Terbaik Untuk Mewakafkan Harta Masa Kini, Muhammad Hisyam b. Mohamad. <http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?>

Saranan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi yang mengesyorkan supaya sebuah tabung wakaf dikenali sebagai Dana Musyarakah Universal (DMU) ditubuhkan bagi membantu negara-negara Islam menangani isu-isu kemiskinan dan pembangunan ekonomi umat Islam sedunia telah memperlihatkan kepentingan dana wakaf sebagai mekanisme unggul dalam memacu kestabilan ekonomi umat Islam. Ini kerana melalui DMU semua bank-bank pusat anggota OIC boleh menyumbang kepada DMU untuk digunakan oleh negara Islam, manakala sumber yang digembleng dalam DMU boleh dimanfaatkan untuk dilaburkan dalam instrumen pasaran kewangan Islam.

Potensi Wakaf Tunai

Dalam usaha memperkasa dan memperkembangkan institusi wakaf, para nazir tidak lagi boleh mengharap dan menunggu kepada pewakafan dalam bentuk tanah-tanah ladang, kebun buah-buahan dan sebagainya. Tetapi perlu merangka strategi baru sebagai alternatif yang boleh memberi ruang dan peluang kepada umat Islam melaksanakan ibadah berwakaf.

Wakaf tunai, dalam bentuknya dipandang sebagai salah satu alternatif yang dapat menjadikan wakaf menjadi lebih produktif. Kerana wang tunai di sini tidak lagi dijadikan sebagai alat tukar menukar sahaja, lebih dari itu, ia merupakan alat untuk menjana dan memperkembangkan manfaat wakaf ke tahap yang maksimum seterusnya membuka lebih luas ruang untuk umat Islam melaksanakan ibadah mal ini. Ini kerana tidak semua masyarakat mampu melaksanakan ibadah ini kerana melibatkan jumlah harta yang besar. Tetapi dengan wujudnya konsep ini, semua umat Islam mampu melakukannya. Pelaksanaannya membuka peluang yang luas kepada masyarakat Islam mengamalkan wakaf mengikut keupayaan masing-masing.

Dengan berbagai kemudahan yang ditawarkan dalam wakaf jenis ini, maka umat Islam akan lebih mudah memberikan sumbangan mereka untuk berwakaf tanpa perlu menunggu modal dalam jumlah yang besar. Mereka tidak perlu menunggu menjadi ‘tuan tanah’ untuk menjadi pewakaf. Selain itu, sikap dan semangat dermawan umat Islam yang sangat tinggi memungkinkan konsep wakaf tunai dapat direalisasikan pelaksanaannya.

Menurut sejarah, wakaf wang atau tunai telah diamalkan sejak abad ke-2 hijrah. Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari bahawa Imam al-Zuhri (wafat 124 hijrah) menganjurkan wakaf dinar atau dirham untuk pembangunan dakwah sosial dan pendidikan umat dengan cara menjadikan wang tersebut sebagai modal usaha dan menyalurkan keuntungan sebagai wakaf.²¹

Fatwa yang dikeluarkan pada bulan Mei 2002 oleh Majlis Ulama Indonesia telah mengharuskan pelaksanaan wakaf tunai dengan syarat nilai pokok wakaf harus dijamin kelangsungannya.²² Seterusnya dana wakaf yang terkumpul dapat dilaburkan oleh nazir ke dalam pebagai sektor pembangunan yang produktif dan sah di sisi syarak. Misalnya membangun sebuah kawasan perdagangan yang mana sumbernya diperolehi daripada dana wakaf. Matlamat projek ini disasarkan kepada golongan miskin yang mempunyai potensi dalam bidang perniagaan dengan diberi peluang-peluang perniagaan di kawasan yang strategik dengan kadar sewa premis yang munasabah dan murah. Sehingga keuntungannya dapat dimanfaatkan untuk pembangunan umat dan bangsa secara keseluruhan.

Telah terbukti bahawa banyak organisasi dan pertubuhan yang mampu bertahan dengan memanfaatkan sumber dari dana wakaf tunai. Sebagai contoh, Universiti al-Azhar Mesir, Pondok Pesantren Modern Gontor, Islamic Relief²³ dan lain-lain.

Islamic Relief mampu mengumpulkan wakaf tunai setiap tahun tidak kurang dari 30 juta poundsterling dengan menerbitkan sijil wakaf tunai senilai 890 poundsterling setiap sijil. Dana wakaf tunai tersebut kemudian dikelola secara amanah dan profesional, yang kemudiannya disalurkan kepada lebih dari 5 juta orang yang berada di 25 negara. Bahkan di Bosnia, wakaf tunai yang disalurkan Islamic Relief mampu menyediakan peluang pekerjaan bagi lebih dari 7,000 orang melalui program *Income Generation Waqf*.

²¹ Ahmad Zaki b. Hj. Abdul Latif dan Norhayati bt. Hassan (Dr), Potensi Wakaf Dalam Menjana Kemajuan Umat Islam, dalam Islam Hadhari: Pengukuran Institusi Baitulmal dan Wakaf di Malaysia, Penerbitan UPENA, Shah Alam, 2005, hlm. 101.

²² Laman web. 2007. Menggali Sumber Dana Umat Melalui Wakaf Uang, HM Cholil Nafis
<http://pmiikomfaksyahum.wordpress.com/2007/05/27/menggali-sumber-dana-umat-melalui-wakaf-uang/>

²³ Sebuah organisasi pengelola dan pentadbir dana wakaf tunai yang berpusat di England.

Di Shah Alam Selangor, sebuah pertubuhan yang dikenali dengan nama PERSIDAM²⁴ telah membeli sebuah bangunan komersial tiga tingkat yang terletak di Seksyen 13 Shah Alam, Selangor yang bernilai RM1.2 juta menggunakan sumber wakaf tunai dengan menggunakan konsep *member get member*, di mana setiap seorang ahli akan mencari 10 orang pewakaf. Bangunan tersebut dijadikan pusat pengajian ilmu agama secara percuma untuk semua lapisan masyarakat. Manakala sebahagian daripadanya dijadikan premis sewa, di mana hasil sewaannya digunakan bagi menampung kos-kos penyelenggaraan dan bayaran saguhati untuk tenaga pengajar.

Pendekatan wakaf tunai juga sudah mula diamalkan oleh beberapa buah Majlis Agama Islam Negeri dan juga syarikat swasta. Apa yang dilaksanakan oleh beberapa buah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ialah satu bentuk wakaf tunai yang dikenali sebagai skim saham wakaf.

Melalui konsep skim saham wakaf ini, MAIN akan bertindak sebagai pemegang amanah dan peserta perlu membeli saham-saham wakaf tadi dan kemudian mewakafkannya. Wang sumbangan jualan saham tadi akan dikumpulkan di bawah satu dana khas dan akan disalurkan kepada program-program berbentuk ekonomi, pendidikan, sosial dan am bergantung kepada pilihan yang dibuat oleh peserta tadi.

YADIM juga melalui konsep saham wakafnya telah menawarkan 14 juta saham wakaf iaitu harga keseluruhan Pusat Latihan YADIM di Semungkis, Hulu Langat. Saham Wakaf ini akan ditawarkan kepada orang ramai dengan harga RM1 sesaham. Pusat tersebut akan dijadikan pusat latihan pendakwah dan lain-lain kegunaan bagi tujuan dakwah Islamiah.²⁵

Seterusnya YADIM juga merancang untuk membeli bangunan di pusat-pusat perniagaan strategik, menerusi skim saham wakaf. Dengan cara ini, masyarakat Islam akan memiliki bangunan perniagaan yang boleh disewa kepada peniaga-peniaga Islam dengan kadar sewaan yang rendah. Dengan itu, mereka boleh bersaing dengan

²⁴ Persatuan Sinar Damsyik Malaysia (PERSIDAM) merupakan sebuah pertubuhan bukan komersial yang menghimpunkan bekas-bekas pelajar Malaysia di Damsyik Syria.

²⁵ Nakhaie Ahmad (Datuk), 2004, Sistem Wakaf Kontemporari. Kolokium Pengurusan Aset dan Penyelesaian Harta Pusaka Muslim Mengikut Perundungan Malaysia, 24-25 Mei 2004, di Hotel Marriot, Putrajaya.

peniaga-peniaga lain, bagi mengukuhkan penglibatan umat Islam dalam perniagaan.²⁶

Walaupun secara amnya, skim saham wakaf ini juga merupakan satu bentuk wakaf tunai, tetapi ia dibataskan kepada projek-projek tertentu sahaja dan wang tadi tidak dikembangkan secara terus melalui instrumen-instrumen pelaburan moden sedia ada. Ini mungkin disebabkan kekurangan kepakaran mahupun kekurangan dari segi sumber dana yang terkumpul.

Bagaimanapun bagi syarikat-syarikat besar masalah dana untuk diwakafkan tentu tidak menjadi satu halangan. Cumanya ia memerlukan kepada kesanggupan pemiliknya untuk menyumbang ke arah kebaikan sejagat. Salah satu institusi korporat yang telah menunjukkan kesanggupannya ialah Johor Corporation Berhad (JCorp). JCorp telah mewakafkan saham-saham miliknya di dalam tiga buah anak syarikatnya yang tersenarai iaitu Kulim (Malaysia) Bhd., KPJ Healthcare Bhd. dan Johor Land Bhd dengan nilai aset bersih berjumlah RM200 juta di bawah kelolaan Kumpulan Waqaf Annur Bhd. Perolehan dividen daripada saham-saham ini akan diagih-agihkan untuk dilaburkan semula, diberikan kepada Majlis Agama Islam dan juga untuk kerja-kerja amal dan kebajikan umat Islam negara ini.²⁷

PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN ISLAM BORNEO (PPPIB)

Borneo adalah sebuah pulau yang mempunyai keluasan 744,077 km persegi dengan bilangan penduduk kira-kira 18.5 juta. Borneo memiliki keunikan tersendiri kerana ia didiami oleh pelbagai etnik dan budaya. Sejarah menunjukkan umat Islam memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ketamadunan di Kepulauan Borneo. Telah wujud Kerajaan-kerajaan Islam yang berpengaruh di Kepulauan Borneo seperti Kerajaan Brunei, Kerajaan Sambas, Kalaka, Banjarmasin dan Balikpapan. Kewujudan suatu pusat yang memberi tumpuan terhadap perkembangan Islam adalah

²⁶ Ibid

²⁷ Laman web IKIM. 2007. Wakaf Tunai: Pendekatan Terbaik Untuk Mewakafkan Harta Masa Kini, Muhammad Hisyam b. Mohamad. <http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?>

suatu yang amat penting. Ia berperanan sebagai tempat mengkaji, mengumpul serta menyampaikan maklumat-maklumat dan ilmu untuk kepentingan masyarakat. Sehingga kini belum wujud suatu pusat yang mengkaji perkembangan Islam di mana-mana institusi pengajian tinggi di Sarawak.

Penubuhan PPPIB ini diilhamkan sendiri oleh YAB Ketua Menteri Sarawak semasa majlis peletakan batu asas masjid UiTM Sarawak pada 11 Februari 2006. YAB Pehin Sri mengharapkan agar masjid tersebut menjadi sebuah pusat kajian yang akan meningkatkan syiar Islam.

Objektif Penubuhan

1. Mewujudkan pusat yang menjadi rujukan bagi perkembangan Islam di Borneo
2. Menjalankan penyelidikan dan penerbitan tentang Islam dan umat Islam di Borneo dalam pelbagai disiplin ilmu. Penyelidikan dan penerbitan tersebut diharap dapat:
 - Membangkitkan isu dan masalah umat Islam baik kontemporari mahupun historikal, yang dihadapi oleh provinsi, negeri dan negara di Borneo.
 - Menumbuhkan analisis tentang kecenderungan transformasi-transformasi sosial, ekonomi dan politik di pulau ini dan kesannya terhadap umat Islam.
 - Memeriksa perkembangan pengajian Islam dan umat Islam di Borneo lalu mengusulkan cara memajukannya dengan merenung kecenderungannya pada waktu lampau dan kemungkinannya pada waktu mendatang.
3. Mewujudkan jaringan/*network* di antara provinsi di Kalimantan dengan Sarawak, Sabah dan Brunei yang mana ia akan:
 - Mendorong, membangunkan dan menggabungkan kesarjanaan tentang Borneo khususnya, serta membina pengetahuan ilmu Islam dan sosial tentang isu-isu yang berbagai dimensi.

- Menyediakan forum dan daerah pertemuan para ahli akademik dan sarjana dari Pulau Borneo yang prihatin akan masalah dan isu transformasi sosial di pulau ini.

Untuk peringkat awal, PPPIB ini telah dan sedang merancang penganjuran beberapa seminar bagi mengumpul bahan dan mewujudkan jaringan kesarjanaan berkaitan Islam di Borneo khususnya. Antaranya ialah Seminar Serantau Perkembangan Islam Borneo Siri 1 di Sarawak pada Februari 2008 dan Seminar Perkembangan Islam Borneo Siri 2 di Sabah pada Mac 2009 bagi menghimpunkan peserta dan pembentang dari Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak, Brunei dan Indonesia. Pusat Penyelidikan ini juga merancang untuk menganjurkan seminar sebegini secara bergilir-gilir ke wilayah lain selepas ini seperti Kalimantan dan juga Brunei bagi memberi peluang para peserta melihat sendiri perkembangan Islam di sekitar Borneo.

Memandangkan kepentingan Pusat ini kepada generasi yang akan datang, maka usaha perlu dimulakan dengan aktiviti pengumpulan bahan melalui seminar, penyelidikan dan penerbitan. Bagi memulakan dan seterusnya memperkembang dan memperkasakan PPPIB ini, maka dilihat sistem wakaf boleh dimanfaatkan sebagai salah satu sumber membangun dan membiayai pusat tersebut.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Keanjalan sistem wakaf membuka peluang dalam aspek pembangunan dan pembiayaan untuk PPPIB. Dengan jumlah umat Islam yang ramai di seluruh dunia terutamanya di kepulauan Borneo merupakan aset terbaik untuk penghimpunan dan pengembangan wakaf tunai. Jika wakaf tunai dapat diimplementasikan, maka ia akan mewujudkan potensi besar yang dapat dimanfaatkan oleh PPPIB. Selain itu, wakaf jenis ini lebih praktikal dan efisyen dari segi pelaksanaan dan lebih mudah menguruskannya.

Bayangkan jika setiap orang daripada 1 juta umat Islam mewakafkan wang berjumlah RM1.00 sebulan, maka dana wakaf yang terkumpul setiap tahun berjumlah RM12 juta. Jika jumlah tersebut

dilaburkan dengan pulangan dividen 10 peratus setahun, maka akan menghasilkan penambahan dana wakaf berjumlah RM1.2 juta setahun. Jumlah yang besar ini mampu menampung kos pembinaan dan pembiayaan PPPIB untuk jangka masa yang berterusan dan ianya akan membantu menjimatkan perbelanjaan pemerintah.

Pewakafan untuk PPPIB bukan hanya terhad dan terfokus pada wakaf tunai sahaja, bahkan mencakupi jenis wakaf harta alih, seumpama berwakaf untuk keperluan perpustakaan seperti mewakafkan al-Quran, alatan penyelidikan dan buku-buku rujukan. Kesemua pewakafan seperti ini akan membantu melengkapkan prasarana di PPPIB ini kelak.

Bagi merealisasikan tujuan murni ini, strategi dan perancangan rapi perlulah diatur agar matlamat yang disasarkan lebih jelas. Selain itu, pentadbiran dan pengurusan wakaf perlulah amanah, berilmu dan profesional dalam mewujudkan ruang-ruang baru bagi tujuan pengumpulan dan pengembangan harta wakaf. Kaedah pengumpulan dana wakaf menggunakan konsep *member get member* seperti yang dilaksanakan oleh PERSIDAM dilihat suatu alternatif terbaik dalam usaha memperkembangkan dana wakaf.

Berikut adalah digariskan beberapa cadangan bagi merealisasikan ibadah wakaf sebagai mekanisme unggul yang berupaya menjana pendapatan bagi membiayai PPPIB di UiTM Sarawak:

1. Menubuhkan unit pengumpulan dana wakaf yang bertanggungjawab membuat promosi dan penerangan mengenai kelebihan dan kebaikan berwakaf terutamanya dalam bentuk tunai
2. Kempen dan promosi di peringkat dalaman dan luaran. Kempen di peringkat dalaman seperti galakan membeli sijil wakaf melalui potongan gaji bulanan sukarela oleh staf-staf UiTM seluruh Malaysia. Sementara di peringkat luaran pula, adalah dengan mengadakan kerjasama dengan organisasi dan pertubuhan Islam seluruh negara terutamanya di kepulauan Borneo dalam usaha mempromosi dan mengumpul dana wakaf.

3. Menubuhkan jawatankuasa yang bertanggungjawab menjalankan tugas penaziran dan pentadbiran terhadap dana wakaf yang terkumpul. Para nazir yang dilantik mestilah terdiri daripada golongan profesional dan ahli dalam bidang yang dilantik. Ini bagi memastikan setiap sen yang diwakafkan mencapai matlamat dan maksudnya.

Maka sokongan berterusan dan pentadbiran yang mantap serta cekap diperlukan bagi merealisasikan usaha murni ini. Semoga segala usaha dan sumbangan yang diberikan mendapat keredhaan Allah Taala seterusnya menjadi wadah dalam usaha memperjuangkan dakwah Islamiyah seterusnya memartabatkan agama Islam yang syumul di muka bumi ini.

RUJUKAN

Abdul Halim Ramli dan Prof. Madya dan Kamarulzaman Sulaiman, *Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-Negara Islam*. Kertas Kerja dibentangkan di Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama UiTM Johor, UTM, UM, UIAM, YPEIM, IKIM, JAKIM dan YADIM, The Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006.

Ahmad Zaki Hj. Abdul Latif dan Norhayati Hassan (Dr), 2005. *Potensi Wakaf Dalam Menjana Kemajuan Umat Islam, dalam Islam Hadhari: Pengukuhan Institusi Baitumal dan Wakaf di Malaysia*, Penerbitan UPENA, Shah Alam.

Al-Marbawi, Muhammad Idris Abdul Rauf, 1995. Kamus Idris al-Marbawi, Pustaka Nasional, Singapura.

Al-Zuhaily, Wahbah, 1996. *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Dar Al Fikr, Beirut.

Awang Othman, Dr. Mahmud Saedon, 1998. *Peranan Wakaf di Dalam Pembangunan Ummah, al-Ahkam*.

Dian Masyita, Muhammad Tasrif, Abdi Suryadinata Telaga. 2005. *A Dynamic Model for Cash Waqf Management as One of The Alternative Instruments for The Poverty Alleviation in Indonesia*. The 23th International Conference of The System Dynamics Society Massachussets Institute of Technology (MIT), Boston, July 17-21, 2005.

Kamal Muhammad Yusuf, 1995. *Fiqh al-Iqtisod al-Suuq*, al-Nasyad al-Khas, Dar al-Nasir Lil-Jama cat al-Misriah. Maktabah al-Wafa'.

Muhammad Jawwad, 1996. *al-Ahwal al-Syakhsiyah*, Dar al-cllm Li al-Malayin, Beirut.

Nakhaie Ahmad (Datuk), 2004. Sistem Wakaf Kontempori. Kolokium Pengurusan Aset dan Penyelesaian Harta Pusaka Muslim Mengikut

Perundangan Malaysia, 24-25 Mei 2004, di Hotel Marriot, Putrajaya.
Sayyid Sabiq, 1999. *Fiqh al-Sunnah*, Darul Fath li al-Ilam al-Arabi.

Kertas kerja Penubuhan Pusat Penyelidikan & Perkembangan Borneo
UiTM Sarawak.

Laman web IKIM, 2007. *Wakaf Tunai : Pendekatan Terbaik Untuk Mewakafkan Harta Masa Kini*, Muhammad Hisyam Mohamad. <http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?>

Laman web, 2007. *Menggali Sumber Dana Umat Melalui Wakaf Uang*, HM Cholil Nafis
<http://pmiikomfaksyahum.wordpress.com/2007/05/27/menggali-sumber-dana-umat-melalui-wakaf-uang>

PELAKSANAAN SKIM WAKAF TUNAI OLEH YAYASAN WAQAF MALAYSIA¹

Oleh:
Azri b. Ahmad²

ABSTRAK

Artikel ini disediakan adalah untuk memaklumkan mengenai latar belakang serta objektif penubuhan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan peranannya sebagai entiti wakaf kebangsaan. Di samping itu, artikel ini juga memaklumkan mengenai pelaksanaan Skim Wakaf Tunai yang dijenamakan sebagai Wakaf Tunai Malaysia oleh YWM, iaitu sebagai salah satu kaedah mengumpul dana wakaf melalui wang tunai.

Perkataan Teras : Yayasan Waqaf Malaysia, Wakaf Tunai,
Dana Wakaf

Klasifikasi JEL : K10, Z12, Z13, Z19

¹ Artikel ini disediakan untuk JAWHAR *Intellectual Discourse* Bil.1/2009 pada 24 Februari 2009 bertempat di Auditorium EA, Parcel E, Putrajaya.

Yayasan Waqaf Malaysia beroperasi di No. 13, Jalan Diplomatik 2/2, Presint 15, 62050 Putrajaya.

Tel : 03-88901000 dan Faks : 03-88901010

² Encik Azri b. Ahmad merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Waqaf Malaysia

PENGENALAN

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan (JPBK) yang telah diadakan di Kuala Terengganu pada 25 Mac 2006 telah bersetuju agar satu entiti kebangsaan bagi menguruskan hal ehwal wakaf diwujudkan.

Pada 16 Julai 2007, Kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi telah bersetuju agar satu entiti wakaf di peringkat kebangsaan diwujudkan dengan segera bagi menyelesaikan masalah pembangunan harta wakaf di negara ini.

Bagi menzahirkan hasrat tersebut, sebuah yayasan yang diberi nama Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah dilancarkan di *Putrajaya International Convention Centre (PICC)* pada 14 Februari 2008 oleh mantan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. YWM telah ditubuhkan secara rasmi pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258].

Penubuhan YWM adalah untuk membentuk satu badan nasional bagi menyatu dan menggembungkan sumber-sumber wakaf agar dapat dijadikan sumber modal ekonomi berpotensi tinggi bagi dimanfaatkan oleh umat Islam secara optimum sejajar dengan pensyariatan wakaf. Bagi tujuan ini, penglibatan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan fokus utama pada peringkat penubuhan selaku pemegang amanah tunggal wakaf di peringkat negeri dan sebagai *stakeholder* utama dalam pembangunan dan kemajuan harta wakaf.

Satu Lembaga Pemegang Amanah (LPA) telah diwujudkan dan dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam. Justeru itu, seramai 18 orang tokoh terkemuka daripada pelbagai latar belakang telah menganggotai LPA YWM dengan dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri sementara Y.Bhg. Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) berperanan sebagai Timbalan Pengerusi. Selebihnya iaitu seramai 16 orang ahli yang lain terdiri daripada wakil setiap MAIN, wakil agensi Kerajaan dan tokoh korporat.

OBJEKTIF PENUBUHAN YWM

Gagasan objektif utama penubuhan YWM adalah seperti berikut:

- Mengumpul dan menyatukan dana serta menggembangkan sumber-sumber wakaf yang berpotensi tinggi dalam dan luar negara agar dapat dimanfaatkan oleh umat Islam;
- Membangun dan memajukan harta wakaf di seluruh negara melalui jalinan kerjasama dengan MAIN selaku pemegang amanah tunggal wakaf;
- Menjana modal melalui kaedah-kaedah kontemporari dan semasa serta inovatif bagi memaksimumkan manfaat wakaf;
- Membangun dan memajukan harta wakaf dan harta umat Islam bagi tujuan khairat dan amal jariah melalui pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial dan kebajikan umat Islam.
- Menangani masalah ketidaksamaan sosio-ekonomi di kalangan umat Islam secara progresif dan produktif, khususnya bagi mengurangkan jurang kemiskinan; dan
- Menyempurnakan amanah pewakaf.

MATLAMAT TERAS YWM

Lima (5) matlamat teras YWM adalah seperti berikut:

1. Mengumpul Dana Wakaf

Melaksanakan program-program bagi mendapatkan dana untuk mengisi Tabung Kumpulan Wang Amanah Yayasan dan dijadikan modal ekonomi umat Islam.

2. Membangun dan Memajukan Harta Wakaf

Bekerjasama dengan pihak yang terlibat seperti MAIN, IPTA dan IPTS untuk memaju dan membangunkan harta wakaf serta membuat kajian dan penyelidikan produk baru wakaf.

3. Program Pelaburan

Membuat pelaburan ke atas wang kepunyaan YWM dalam sebarang pelaburan yang dibenarkan syarak.

4. Program Kebajikan dan Sosial

Merangka aktiviti yang berfaedah kepada umat Islam demi kebaikan hidup di dunia dan akhirat seperti memberi biasiswa, bantuan kepada fakir miskin dan melaksanakan amanah pewakaf sebaik mungkin.

5. Promosi dan Penerbitan

- Mempromosi dan menganjurkan pelbagai persidangan, seminar dan sebagainya.
- Menerbit pelbagai risalah bagi mengembang dan memajukan matlamat YWM.

DALIL PENSYARIATAN WAKAF

1. Surah Al-Baqarah: Ayat 261

“Bandingan orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah (perbelanjaan derma) ialah seperti sebiji benih yang tumbuh dan menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya lagi Maha Mengetahui”.

2. Surah Al-Imran: Ayat 92

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui”.

3. Surah Al-Hadid: Ayat 11

“Siapakah orangnya yang mahu memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas) supaya Allah melipat-gandakan balasannya? Dan (selain itu) dia akan beroleh pahala besar!”

4. Sabda Rasulullah S.A.W

“Apabila mati anak Adam, akan terhentilah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah (harta yang diwakafkan), ilmu yang dimanfaatkannya dan anak yang soleh yang mendoakannya”.

WAKAF TUNAI SEBAGAI INSTRUMEN UTAMA MENGUMPUL DANA WAKAF

Wakaf tunai ialah berwakaf dengan memberi wang tunai kepada nazir atau entiti pengurusan yang sah untuk dikumpul dan dijadikan modal bagi menukar dana kepada harta kekal atau membiayai aktiviti-aktiviti berkaitan dengan wakaf.

PERANAN WAKAF TUNAI DALAM KOMUNITI ISLAM

1. Dr. Murat Cizakca, seorang cendekiawan Islam moden yang terkenal, di dalam bukunya yang bertajuk '*A History of Philanthropic Foundations: The Islamic World From The Seventh Century to the Present*', menyatakan bahawa wakaf tunai telah dipraktikkan sejak awal abad kedua Hijriyah di mana Imam Az-Zuhri (wafat 124H), salah seorang ulama terkemuka dan peletak dasar Tadwin Al-Hadith, memfatwakan bahawa wakaf dinar dan dirham dibolehkan untuk pembangunan prasarana dakwah, sosial dan pendidikan umat Islam.
2. Menurut Dr. Cizakca lagi, mulai penghujung abad ke-15 hingga abad ke-18, wakaf tunai berkembang dengan pesat di Turki semasa zaman pemerintahan Uthmaniyyah di mana amalan wakaf tunai telah berjaya meringankan perbelanjaan Kerajaan dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan pendidikan, kesihatan, perbandaran dan sebagainya kepada masyarakat. Penerimaan dan penglibatan masyarakat dalam wakaf tunai membantu empayar Uthmaniyyah berkembang kerana dana wakaf tunai telah digunakan sebagai pelengkap (*complementary*) kepada usaha-usaha pembangunan oleh Kerajaan.

3. Kajian Dr. Cizakca mendapati bahawa wujud sejumlah 1,161 wakaf tunai di Istanbul dalam tempoh 1456 hingga 1551, sementara di Bursa, bandar yang lebih kecil daripada Istanbul, wujud 761 wakaf tunai dalam abad ke-18.
4. Di Singapura, Majlis Ugama Islam Singapura telah melaksanakan wakaf tunai yang telah mengumpul sebanyak SG\$6 juta setahun melalui potongan gaji bulanan warga-warga Islam (minima SG\$2 hingga SG\$11) dan berjaya membiayai pembangunan serta penyelenggaraan tempat-tempat beribadah Islam di Singapura.

WAKAF TUNAI MALAYSIA

Pengenalan

Di Malaysia, berwakaf secara tunai masih di peringkat awalan di mana hanya beberapa MAIN sahaja telah melaksanakannya seperti **Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu**. Kesedaran masyarakat mengenai amalan berwakaf, lebih-lebih lagi berwakaf menggunakan harta yang bukan kekal, amat rendah.

Kaedah berwakaf secara tunai adalah praktikal kerana pemilikan mutlak harta bersifat kekal seperti hartanah dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia adalah rendah dan mengekang keupayaan dan kemampuan berwakaf.

Pengalaman YWM semasa Festival Pembangunan Ekonomi Islam 2009 (i-Fest'09) di Mid Valley Exhibition Centre, Kuala Lumpur pada 22-26 Januari 2009 mendapati bahawa masyarakat Islam di Malaysia masih kurang kesedaran mengenai wakaf dan potensi peranan wakaf sebagai instrumen yang berupaya meningkatkan tahap sosio-ekonomi ummah. Di samping itu, tahap kesedaran mengenai ganjaran pahala daripada berwakaf juga rendah.

Maksud Wakaf Tunai dalam konteks kontemporari, oleh Dr Monzer Khaf, cendikiawan Islam yang mahir dalam bidang wakaf:

Menahan harta, baik *muabbad* (untuk selamanya) atau *muaqqat* (sementara), untuk dimanfaatkan harta tersebut atau hasilnya, secara berulang-ulang bagi tujuan kebajikan amal jariah.

Wakaf tunai ialah berwakaf menggunakan wang tunai yang dikumpul di dalam satu tabung amanah di bawah pengurusan nazir yang diamanahkan untuk mengurus wakaf ini (iaitu YWM) bagi tujuan membiayai aktiviti-aktiviti dan kebajikan amal jariah.

OBJEKTIF PELAKSANAAN WAKAF TUNAI MALAYSIA

- Menggalakkan amalan sedekah jariah dalam kalangan umat Islam.
- Sebagai alternatif untuk melaksanakan ibadah wakaf.
- Menzahirkan pembangunan institusi wakaf dengan lebih produktif dan berwibawa.
- Penggerak pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam.
- Meningkatkan pegangan aset umat Islam yang akan digunakan untuk kepentingan agama dan pembangunan ummah.
- Menyumbang kepada pembangunan harta wakaf dengan skop yang lebih luas, dinamik dan bersepada.

METODOLOGI PELAKSANAAN WAKAF TUNAI MALAYSIA

Metadologi yang digunakan dalam mengumpul dana Wakaf Tunai Malaysia adalah melalui dua (2) kaedah iaitu:

i. Kutipan secara Manual

Kaedah ini adalah kutipan dana secara tradisional iaitu mendekati pewakaf secara peribadi dan memberi penjelasan secara individu atau taklimat berkumpulan dalam membuat kutipan.

ii. Kutipan melalui Potongan Secara Langsung daripada Sumber Pendapatan atau Simpanan Tunai

Pendekatan ini merujuk kepada memperolehi persetujuan daripada pewakaf untuk menyalurkan wang tunai secara berterusan dan berkala (setiap bulan) melalui potongan gaji atau pembayaran keluar daripada akaun simpanan tunai.

Pada 05 Januari 2009, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah meluluskan kod khas potongan gaji bermombor 4474 bagi kakitangan awam Persekutuan.

Kaedah ini memberi kemudahan kepada pewakaf kerana boleh berwakaf secara berterusan dengan hanya satu kelulusan transaksi untuk jumlah yang ditentukan sendiri. Permohonan kepada pihak berkuasa berkenaan untuk kelulusan potongan gaji bagi sektor swasta akan dilakukan jika perlu.

Wang kutipan penyertaan Wakaf Tunai Malaysia akan ditukar kepada harta kekal yang dipanggil BADAL atau gantian wang. Penukaran ini dibuat dalam bentuk:-

- Pembelian / Pembangunan hartanah;
- Pembangunan tanah wakaf yang sedia ada;
- Pembinaan bangunan / pejabat / kedai / sekolah; dan
- Pembangunan perladangan, ternakan dan perkilangan.

YWM mencadangkan satu kadar minima iaitu **RM10** bagi memudahkan pelaksanaan dalam mencapai sasaran kutipan dana wakaf.

PROGRAM AGIHAN HASIL WAKAF TUNAI MALAYSIA

Agihan hasil Wakaf Tunai Malaysia digunakan untuk tujuan:-

- **Pembiayaan pembinaan institusi agama** seperti masjid, surau, sekolah agama, kemudahan umum masyarakat Islam, penyelenggaraan bangunan institusi-institusi agama dan sebagainya.

- **Pembentukan bantuan sosial untuk umat Islam** seperti bantuan anak yatim, bantuan bencana, bantuan pendidikan, program pembangunan insan, bantuan kesihatan, pemulihan akhlak dan sebagainya.
- **Pembentukan pembangunan ekonomi ummah** seperti pembinaan, tempat perniagaan baru atau pembelian premis perniagaan sedia ada di lokasi-lokasi strategik supaya masyarakat Islam berpeluang untuk berniaga di tempat-tempat seperti ini.

Pada peringkat permulaan, beberapa projek pembangunan berbentuk *people-centric* telah dikenalpasti di mana projek ini dilihat mampu memberi impak yang besar terhadap pembangunan sosio-ekonomi ummah. Projek-projek ini masih dalam penelitian oleh YWM dan MAIN terlibat, seperti berikut:

- a) Cadangan pembangunan Sekolah Menengah Agama Wilayah Persekutuan (IMTIAZ).
 - merupakan sekolah berkonsepkan dwi-aliran iaitu penyeimbangan antara aliran akademik dan agama;
 - keperluan yang mendesak untuk pembangunan kualiti ummah serta wujud permintaan yang sangat tinggi daripada ibubapa; dan
 - memberi impak yang besar kepada masyarakat Islam di Malaysia di dalam tempoh 10 ke 15 tahun akan datang.
- b) Cadangan pembangunan kompleks saudara baru di Mukim Batu, Kuala Lumpur.

Memandangkan projek-projek ini perlu dilaksanakan segera, YWM telah memperkenalkan **Wakaf Tunai Malaysia** sebagai kaedah mengumpul dana wakaf.

KERJASAMA STRATEGIK YWM UNTUK MEMBANTU PENCAPAIAN 'QUICK WIN'

Bagi melestarikan cadangan tersebut dengan kadar lebih segera, YWM telah mengenal pasti entiti Islam berikut yang berupaya memberi sinergi ke arah usaha mengumpul dana wakaf secara lebih bersepada dan menyeluruh:-

1. Lembaga Tabung Haji (LTH)

YWM akan mewujudkan kaunter promosi YWM di cawangan LTH bagi memberi penerangan dan membantu pelanggan untuk melengkapkan borang. Pendeposit juga akan diberi opsyen untuk membuat potongan secara terus daripada akaun simpanan LTH.

2. Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP)

YWM telah mengemukakan permohonan kepada PPZ MAIWP untuk mempromosi dan membuat kutipan Wakaf Tunai Malaysia di semua kaunter PPZ.

3. Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

YWM akan bekerjasama dengan BIMB untuk menambah menu Wakaf Tunai Malaysia dalam *Automated Teller Machine* (ATM). Kaedah ini membolehkan para pendeposit berwakaf secara terus melalui ATM.

4. MAIN

YWM bercadang untuk membuat kerjasama dengan semua MAIN di Malaysia untuk membuat kutipan wakaf tunai di peringkat negeri. Kerjasama dengan MAIN akan diwujudkan untuk meluaskan rangkaian kutipan kepada negeri-negeri dan kutipan oleh MAIN ini akan diagih semula kepada MAIN berkenaan.

KESIMPULAN

Satu transformasi paradigma dan perspektif mengenai amalan wakaf perlu dilaksanakan bagi mengimbangi permasalahan ketidakseimbangan ekonomi masyarakat Islam. Sebagai sebuah negara yang pesat membangun, Malaysia tidak terkecuali dari mengalami fenomena perbezaan tersebut dan kemajuan sosio-ekonomi masyarakat Islam wajar sekurang-kurangnya seiring dan setaraf dengan kadar pembangunan negara, jika tidak mengatasinya. Dahulu, wakaf hanya dikaitkan dengan kawasan perkuburan, masjid dan rumah anak-anak yatim, tetapi kini, umat Islam perlu menjadi proaktif dan lebih terlibat dalam pembangunan harta wakaf melalui kaedah wakaf tunai, iaitu satu bentuk wakaf berkelompok, bagi menggembungkan sumber untuk membantu masyarakat Islam mencapai kemajuan dalam semua aspek sosio-ekonomi (taraf dan kualiti kehidupan serta sumber pendapatan) secara umumnya, dan untuk mendapat ganjaran pahala yang berkekalan secara khusus, bagi diri individu.

RUJUKAN

Dr. Kamaluddin Iman, *Al-Wasoya Wal-Awqaf*.

Kamarudin Ngah, *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*, Kuala Lumpur.

M. A History of Philanthropic Foundations: *The Islamic World From the Seventh Century to the Present*, 2000. Bogazici University Press: Istanbul.

Siti Mashitoh Mahamood, *Wakaf Kajian Amalan di Malaysia dan Peranannya Dalam Pembangunan Masyarakat*, Kuala Lumpur.

MEMPERKASA BAITULMAL MENERUSI UNDANG-UNDANG SYARIAH¹

Oleh:
Juraish b. Kamaruddin

ABSTRAK

Artikel ini akan membincangkan perkara-perkara berkaitan Baitulmal dalam usaha meningkatkan entitinya menjadi badan yang mempunyai kuasa perundangan yang lebih kukuh. Artikel ini mengetengahkan cadangan untuk memperluas hasil Baitulmal kepada beberapa sumber baru dan kaedah pengagihannya kepada sasaran yang lebih luas. Semua cadangan ini dibuat untuk menunjukkan betapa Islam adalah agama yang adil, sempurna dan mengutamakan kemaslahatan semua pihak tanpa mengira fahaman. Dalam artikel ini, cadangan akan dikemukakan secara ringkas tanpa menyatakan penghujahan dan perbandingan mazhab. Pada akhirnya, artikel ini akan mengesyorkan perkara-perkara berkaitan pentadbiran Baitulmal yang perlu dikodifikasikan dalam peruntukan undang-undang Syariah.

Perkataan Teras : Baitulmal, Perlembagaan Persekutuan, Pemeriksaan Baitulmal, Jenis Hasil Baitulmal, Jenis Agihan Baitulmal, *Lugatah*

Klasifikasi JEL : K10, K14, Z12

¹. Artikel ini disediakan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan Ke-6 (Bil.1/2008). Tidak ada mana-mana bahagian dalam artikel dasar ini boleh dipetik tanpa kebenaran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), melainkan dengan cara yang sewajarnya. Walau bagaimanapun artikel ini tidaklah menggambarkan pendirian sebenar MAIS dan berkemungkinan ia mengandungi pendapat-pendapat peribadi daripada penulis.

PENDAHULUAN

Baitulmal haruslah dilihat sebagai institusi perpendaharaan dan kewangan yang tertinggi dalam negara yang mengamalkan ajaran Islam. Peranannya dalam menjana kekuatan dan keseimbangan ekonomi perlulah diperhebat supayakekayaan sebenar umat Islam dapat dimanfaatkan secara bersama dan seoptimum mungkin. Kita tidak seharusnya hanya melihat semata-mata kepada sumber zakat atau wakaf untuk menjana kemajuan ekonomi dan sosial. Ini kerana hasil kutipan zakat telah dikhususkan penerimanya hanya kepada lapan golongan asnaf. Manakala hasil wakaf pula adakalanya telah dikhususkan oleh pewakaf untuk manfaat khas dan aset pokoknya tidak boleh diurusniagakan sesuka hati. Jika kita hanya bergantung kepada kedua-dua sumber tersebut, maka sampai bila-bila pun agihan kekayaan tidak mungkin menjadi seimbang. Justeru, di sinilah perlunya Baitulmal melebarkan sayapnya untuk melindungi kepentingan pihak-pihak yang ‘terhijab’ daripada mendapat manfaat zakat dan wakaf. Ke arah itu, perlulah juga *locus standi* Baitulmal ditingkatkan supaya tangannya mampu mencapai harta-harta yang selama ini tidak mampu disentuh oleh instrumen wakaf, zakat dan seumpamanya.

KONSEP DAN KEDUDUKAN BAITULMAL DI MALAYSIA

Bahagian ini akan memperlihatkan kedudukan Baitulmal dalam situasi semasa di Malaysia berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa. Konsep Baitulmal ketika zaman awal Islam tidak dihuraikan di sini.

1. Baitulmal Menurut Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan melalui Jadual Kesembilan memperuntukkan bidangkuasa kewangan adalah di bawah Senarai Persekutuan yang antara lain termasuk:

“...matawang; simpanan negara dan bank simpanan; pinjaman kepada atau peminjaman oleh Negeri dan lain-lain pihak berkuasa awam; acara kewangan dan perakaunan termasuk acara bagi memungut, menjaga dan membayar wang awam Persekutuan dan wang awam Negeri; cukai; bayaran mengenai mana-mana daripada perkara dalam senarai Persekutuan; pajak gadai; kawalan kredit dan lain-lain.”

Seterusnya Perkara 97(1) Perlembagaan Persekutuan mengkehendaki supaya semua hasil yang diterima oleh Persekutuan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Persekutuan Disatukan. Manakala Perkara 97(2) pula mengkehendaki supaya semua hasil yang diterima oleh Negeri hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bagi negeri itu.

Apa yang menarik, Perkara 97(3) pula memperuntukkan apa-apa hasil agama Islam termasuk Baitulmal, zakat, fitrah dan seumpamanya hendaklah dimasukkan dalam kumpulan wang berasingan dan hanya boleh dikeluarkan mengikut kuasa undang-undang yang berkenaan (undang-undang syarak). Peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

"Jika mengikut undang-undang Negeri...apa-apa zakat, fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam, yang seumpamanya adalah didapatkan, maka hasil itu hendaklah dibayar masuk ke dalam suatu kumpulan wang yang berasingan dan tidak boleh dikeluarkan kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri..."

Kumpulan wang yang berasingan yang dimaksudkan dalam Perkara 97(3) itulah yang menggambarkan ruang lingkup Baitulmal atau hasil agama Islam yang kini lazimnya dinamakan sebagai Kumpulan Wang Baitulmal. Dalam menjalankan fungsinya, hasil Baitulmal itu akan meliputi semua perkara yang diperuntukkan berkaitan hukum syarak di dalam Senarai Negeri seperti berikut:

"1. ...hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; wakaf Islam dan ta'arif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; zakat, fitrah dan Baitulmal atau hasil ugama Islam yang seumpamanya;..."

Dapatlah dirumuskan bahawa institusi Baitulmal yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan telahpun mempunyai kekuatan dan kedudukan yang tersendiri. Hal ini turut diakui dalam Kanun Tanah Negara (KTN) di mana Seksyen 4(2)(e) KTN telah mengecualikan pemakaian KTN terhadap peruntukan mana-mana undang-undang buat masa itu berkuatkuasa berhubungan dengan wakaf atau Baitulmal.

Jika setiap perkataan dalam senarai Negeri itu diperbahaskan, maka kita akan mendapati banyak lagi hasil daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri (atau Kumpulan Wang Persekutuan Disatukan bagi kes di Kuala-Lumpur, Putrajaya dan Labuan) akan boleh beralih menjadi hasil Baitulmal. Begitu juga jika KTN itu diperbahaskan dengan sewajarnya, maka kita akan dapati acara pentadbiran bagi hasil atau harta Baitulmal akan menjadi lebih dominan jika ia bertentangan dengan acara yang diperuntukkan dalam KTN kerana perkara itu adalah berhubung dengan hukum syarak dan dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan.

2. Baitulmal Menurut Undang-Undang Tubuh Negeri

Berdasarkan prinsip Perlembagaan Persekutuan, setiap negeri di Malaysia (termasuk Wilayah Persekutuan) mempunyai dua (2) sistem dan acara kewangan. Sistem kewangan pertama ialah yang melibatkan hasil negeri yang berpunca daripada Senarai Negeri berkaitan hukum syarak² dinamakan sebagai Kumpulan Wang Baitulmal. Sistem kewangan kedua ialah yang melibatkan hasil negeri yang berpunca daripada Senarai Negeri berkaitan selain daripada hukum syarak yang dinamakan sebagai Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri. Misalnya hasil tanah, pertanian, perhutanan, air dan lain-lain; serta yang berpunca daripada Senarai Bersama seperti ternakan, perancangan bandar, penjaja, kebersihan, peparitan, pengairan, kebudayaan, sukan, perumahan dan lain-lain.

² Penulis tidak dapat memastikan kedudukan hasil berkaitan adat istiadat Melayu. Namun penulis lebih cenderung meletakkan hasil tersebut di bawah Baitulmal kerana ia disebut dalam perenggan yang sama dengan hukum syarak. Ini juga selari dengan tafsiran Perlembagaan Persekutuan bagi perkataan Melayu yang antara lain disifatkan sebagai orang beragama Islam.

Berdasarkan prinsip Perlembagaan Persekutuan seperti di atas, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 meletakkan asas yang perlu dipakai bagi Negeri itu dalam membuat undang-undang berkaitan cukai dan kadar. Perkara 84 memperuntukkan:

“Tiada cukai atau kadar boleh dilevikan oleh atau bagi maksud maksud Negeri kecuali melalui atau di bawah kuasa undang-undang”

Cukai yang dimaksudkan perlu difahami secara meluas termasuk kewajipan kewangan atau kehartaan yang diwujudkan di bawah hukum syarak. Jika demikian maka sebarang pemungutan hasil cukai, zakat, Baitulmal dan seumpamanya perlulah dibuat melalui undang-undang Negeri. Dengan erti kata lain, tiada sebarang hasil hukum syarak boleh dikutip oleh Baitulmal melainkan melalui undang-undang Negeri yang diluluskan di bawah kuasa DYMM Sultan.

Prinsip pengasingan hasil agama Islam dan acara kewangannya daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri turut dimuatkan dalam Perkara 86 yang memperuntukkan:

- (1) *Tertakluk kepada Fasal (3) Duli Yang Maha Mulia hendaklah berkenaan dengan tiap-tiap tahun kewangan menyebabkan supaya dibentangkan dalam Dewan Negeri suatu penyata anggaran wang masuk dan perbelanjaan bagi Negeri bagi tahun itu...”*
- (3) *“Anggaran wang masuk yang hendaklah ditunjukkan dalam penyata tersebut tidaklah termasuk apa-apa jumlah wang yang diterima melalui zakat, fitrah dan Baitulmal atau hasil yang seumpamanya di sisi agama Islam...”*

Seiring dengan maksud Perlembagaan Persekutuan, peruntukan di atas juga mengakui bahawa **hasil agama Islam bukan merupakan sebahagian daripada hasil Kumpulan Wang Disatukan Negeri**. Justeru, bolehlah dikatakan Kerajaan Negeri juga telah memberikan pengiktirafan khas kepada Baitulmal yang tidak boleh disentuh oleh kuasa-kuasa dan acara-acara kewangan bagi maksud Kumpulan Wang Disatukan Negeri atau Persekutuan. Atas dasar itu, maka acara bagi Kumpulan Wang Baitulmal ini dinyatakan secara berasingan dalam satu undang-undang khas berkaitan agama Islam yang digubal oleh Negeri.

3. Baitulmal Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri

Negeri Selangor adalah antara negeri terawal memulakan penubuhan Baitulmal secara rasmi di bawah undang-undang syarak selepas Kelantan, Johor dan Terengganu. Seksyen 94, Bahagian 4, Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 1952 telah memperuntukkan penubuhan Kumpulan Wang Baitulmal sepermulaan berikut:

- (1) “*Satu Kumpulan Wang yang dinamakan Baitulmal hendaklah diadakan. Kumpulan wang itu hendaklah mengandungi wang tunai dan harta yang boleh dianjak atau tidak iaitu mengikut Undang-Undang Islam atau mengikut Undang-Undang ini atau peraturan-peraturan yang dibuat mengikut undang-undang ini menambah ataupun didermakan oleh siapa-siapa kepada Kumpulan Wang itu”.*
- (2) “*Semuanya wang dan harta di dalam Kumpulan Wang itu hendaklah terserah kepada Majlis yang akan mentadbirkan wang-wang itu dan harta mengikut peraturan yang dibuat di bawah undang-undang ini. Tetapi wang-wang simpanan harta-harta dan wang-wang yang terpulang kepada milik Majlis bolehlah dijual, didapati atau dipindah yang dibenarkan mana-mana undang-undang yang berjalan kuatkuasanya pada masa itu ataupun harta-harta yang tiada boleh dianjak dalam Negeri Selangor”.*
- (3) “*Tertakluk kepada apa-apa yang terkandung di dalam undang-undang ini Majlis dengan kebenaran DYMM Sultan bolehlah membuat peraturan bagi mengumpul, mentadbir dan memberikan segala harta kumpulan wang itu”.*

Peruntukan di atas terus berkuatkuasa dan tidak dipinda dalam Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor 1989. Hanya dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 peruntukan berkaitan Baitulmal dipinda dan diletakkan dalam Bahagian 4 (Kewangan). Dalam Bahagian itu dipecahkan pula kepada beberapa bab iaitu:

1. Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis (Sek. 81-84)
2. Zakat dan Fitrah (Sek. 86-88)
3. Wakaf, Nazr dan Amanah (Sek. 89-95)

Antara peruntukan penting yang disebutkan ialah:

1. Penubuhan Kumpulan Wang Baitulmal yang terdiri daripada semua wang dan harta menurut hukum syarak, di bawah Enakmen, atau peraturan atau kaedah di bawahnya.
2. Baitulmal terletak hak kepada Majlis Agama Islam Selangor yang berhak mentadbir semua harta mengikut peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.
3. Aset Baitulmal boleh dijual, dihasilkan, dilupuskan dan dilaburkan oleh Majlis mengikut undang-undang bagi pelaburan wang amanah dan hukum syarak.
4. Majlis boleh membuat peraturan tentang pemungutan, pentadbiran dan pembahagian harta Baitulmal dengan kelulusan DYMM Sultan (dan hendaklah diwartakan).
5. Majlis hendaklah menyediakan dan menyembahkan kepada DYMM Sultan anggaran belanjawan tahunan Majlis sebelum 31 Oktober bagi tahun kewangan berikutnya.
6. DYMM selepas berunding dengan MMKN boleh meluluskan anggaran belanjawan Majlis dengan atau tanpa pindaan.
7. Anggaran belanjawan Majlis yang diluluskan hendaklah disiarkan di dalam warta.
8. Majlis boleh menyembahkan kepada DYMM Sultan belanjawan tambahan sebelum 31 Mac tahun kewangan semasa untuk mendapatkan kelulusan dan hendaklah juga diwartakan.
9. Semua perbelanjaan Majlis hendaklah mengikut anggaran belanjawan yang dibuat di bawah Seksyen ini.
10. Semua kos pentadbiran harta yang terletakhak pada Majlis, seperti penyelenggaraan, gaji, elaun, hendaklah dibayar daripada aset atau harta Baitulmal.
11. Majlis boleh membuka akaun bank dengan institusi perbankan yang sesuai (perbankan Islam).

12. Pembayaran oleh Majlis yang melebihi amaun RM500.00 hendaklah menggunakan cek.
13. Semua wang yang diterima oleh atau untuk Majlis hendaklah dibayar ke dalam akaun bank Majlis berdasarkan Tatacara Kewangan Majlis.
14. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah terpakai bagi Majlis dan bagi mana-mana perbadanan di bawah Enakmen ini.

4. Permasalahan dalam Konsep dan Kedudukan Baitulmal Semasa

Berdasarkan peruntukan-peruntukan di atas, maka jelaslah bahawa konsep Baitulmal pada waktu sekarang agak berbeza daripada konsep yang diamalkan pada zaman awal Islam. Secara kesimpulannya, institusi Baitulmal semasa menurut kaca mata undang-undang adalah seperti berikut:

A. Pengeciran Fungsi Baitulmal

- i. **Perbendaharaan Negeri berbanding Perbendaharaan Negara:** Baitulmal merupakan suatu perkara berkaitan kewangan atau perbendaharaan negeri sahaja dan bukan berkaitan dengan keseluruhan Persekutuan. Untuk mengubah konsep ini maka Bahagian Tujuh (Peruntukan-Peruntukan Kewangan) dan Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda.
- ii. **Hasil Agama Islam (Muslimin) berbanding Hasil Negeri (Awam):** Baitulmal hanyalah satu kumpulan wang yang mengandungi hasil agama Islam di bawah undang-undang syarak sahaja dan tidak termasuk hasil-hasil lain walaupun di bawah kuasa Senarai Negeri. Untuk mengubah konsep ini maka Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri perlu dipinda.
- iii. **Hasil Baitulmal berbanding Zakat & Wakaf:** Ruang lingkup kumpulan Wang Baitulmal itu sendiri menjadi lebih kecil daripada konsep asalnya, setelah wang wakaf dan

zakat tidak lagi dianggap sebagai hasil Baitulmal dan mempunyai kumpulan wang atau akaun yang tersendiri. Untuk mengubah konsep ini (jika perlu), maka Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri, Enakmen Wakaf, atau fatwa berkaitan perlu dipinda.

B. Kekaburan Hasil/Pentadbiran Baitulmal

- i. **Hasil Baitulmal berbanding Hasil Negeri / Persekutuan:** Senarai keseluruhan hasil Baitulmal secara konklusif yang membezakannya daripada hasil Negeri atau Persekutuan masih kabur dan tidak diperuntukkan secara nyata melalui undang-undang Negeri, mahupun undang-undang Persekutuan. Terutamanya apabila melibatkan soal perbankan Islam, amanah Islam dan sebagainya. Untuk mengubah kedudukan ini, maka enakmen Baitulmal atau kaedah pemungutan, pentadbiran dan pengagihan hasil Baitulmal perlu digubal. Penyelarasannya dengan agensi tertentu (seperti bank, Amanah Raya Bhd. (ARB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dll.) juga diperlukan di samping rujukan kepada Mahkamah Persekutuan sekiranya melibatkan isu Perlembagaan Persekutuan.
- ii. **Hasil Baitulmal berbanding Hasil Kerajaan Negeri:** Baitulmal kini diletakkan di bawah pentadbiran perbadanan yang dikenali sebagai Majlis Agama Islam yang berbeza daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Namun masih terdapat kecaburan dalam pengurusan Baitulmal antara Majlis dan MMKN (misalnya kelulusan MMKN diperlukan untuk anggaran belanjawan tahunan Majlis dan apa-apa pinjaman oleh Majlis). Ini menunjukkan Majlis masih belum mempunyai kuasa mutlak dalam pentadbiran Baitulmal. Sebagai contoh lain, beberapa hasil Baitulmal seperti fi Mahkamah Syariah masih menjadi hasil Kerajaan Negeri.
- iii. **Hasil Baitulmal berbanding Hasil Majlis Agama Islam Negeri:** Kedudukan hasil Baitulmal dan hasil Majlis Agama Islam Negeri sendiri masih kabur dan tidak diasangkan. Adalah perlu supaya hasil Baitulmal yang merupakan wang amanah milik umat Islam diasangkan daripada pendapatan atau aset Majlis yang merupakan

sebuah perbadanan yang boleh memiliki aset sendiri (bukan wang amanah). Pendapatan Baitulmal termasuklah zakat dan wakaf tidak boleh dikenakan cukai. Hanya pendapatan Majlis sahaja yang boleh dikenakan cukai. Pengasingan ini perlu bagi membezakan harta yang boleh diurusniaga secara mutlak oleh Majlis dan harta yang tertakluk kepada amanah seperti wakaf, nazr, amanah, zakat dll.

C. Kekaburan Entiti Baitulmal

- i. **Kumpulan Wang Baitulmal berbanding Perbadanan Baitulmal:** Baitulmal bukanlah satu institusi yang mempunyai entiti perbadanan dan *locus standi* yang tersendiri tetapi ia hanyalah salah satu kumpulan wang (akaun) yang ditadbir oleh sebuah perbadanan induk. Baitulmal tidak seperti KWSP yang juga merupakan satu kumpulan wang yang mempunyai badan dan undang-undang tersendiri. Untuk memperkasakan Baitulmal menjadi suatu perbadanan, maka kedudukan semasa ini perlu diubah melalui undang-undang Negeri, tanpa perlu melibatkan pindaan Perlembagaan Persekutuan.

CADANGAN KE ARAH PEMERKASAAN BAITULMAL

Perjalanan untuk menubuhkan institusi Baitulmal kebangsaan yang berprestij mungkin masih jauh.³ Itu belum lagi mengambil kira fasa seterusnya untuk menubuhkan Pusat Baitulmal Sedunia yang sepatutnya menjadi sasaran umat Islam dan pemimpin negara-negara Islam. Namun tidak mustahil jarak itu dapat dipendekkan dengan lebuhraya ilmu pengetahuan dan keazaman pihak berkuasa agama dan eksekutif. Segalanya bermula dengan pemerkasaan Baitulmal yang sedia ada.

Maksud Pemerksaan Baitulmal

Pemerksaan Baitulmal yang dimaksudkan dalam artikel ini bukanlah untuk menjadikan Baitulmal ini sebagai Kumpulan Wang Disatukan

³ Untuk melihat cadangan-cadangan yang pernah dikemukakan dalam hal ini, sila rujuk buku *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*, Kuala Lumpur: IKIM, 2003.

bagi Negeri atau Persekutuan. Apa yang dikehendaki di sebalik pemerkasaan Baitulmal di peringkat awal ini ialah untuk mengukuhkan entiti Baitulmal menjadi sebuah badan tersendiri di bawah kawalan Majlis Agama Islam Negeri dan mempunyai undang-undang tersendiri untuk ia menjalankan segala fungsinya dalam memungut, mengurus dan mengagihkan hasil agama Islam.

Menaiktaraf Entiti Baitulmal Kepada Sebuah Badan Berkanun Negeri

Untuk meningkatkan institusi Baitulmal, maka perlulah ia dijadikan satu entiti perbadanan yang ditubuhkan di bawah undang-undang negeri seperti mana penubuhan Majlis Agama Islam Negeri dan Mahkamah Syariah Negeri. Nama badan yang menjalankan operasi Baitulmal ini bolehlah dimulai dengan nama Lembaga, Yayasan, Perbadanan, Amanah, Kumpulan Wang dan sebagainya. Langkah penubuhan institusi Baitulmal melalui undang-undang negeri ini perlulah diambil melalui salah satu cara berikut:

1. Pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam sedia ada dengan memasukkan peruntukan penubuhan perbadanan Baitulmal serta menggubal peraturan/kaedah pemungutan, pentadbiran dan pengagihan hasil Baitulmal berserta senarai/jadual hasil-hasil Baitulmal. Ini telah diperuntukkan dalam Seksyen 8 (1) - Kuasa Majlis untuk menubuhkan perbadanan, antara lain:

“Majlis boleh dengan kelulusan DYMM Sultan dari semasa ke semasa dengan perintah yang disiarkan di dalam warta menubuhkan perbadanan dengan apa-apa nama yang pada pendapat Majlis sesuai untuk menjalankan dan dipertanggungjawabkan dengan, bertindak dan menguruskan apa-apa projek, skim atau pengusahaan yang telah dirancangkan atau dijalankan oleh Majlis dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan atau kuasa-kuasanya di bawah Seksyen 7”.

2. Menggubal undang-undang induk yang baru dengan nama Enakmen Baitulmal dan seumpamanya dengan memperuntukkan segala perkara yang perlu berhubung penubuhan perbadanan Baitulmal, pemungutan, pentadbiran dan pengagihan hasil Baitulmal.

Akta Amanah (Kompetensi Badan Perundangan Negeri) 1949 (pindaan 1977) telah memperuntuk dan mengiktirafkan bidang kuasa badan perundangan negeri untuk meluluskan undang-undang bagi menubuhkan badan amanah berkaitan agama Islam. Majlis Agama Islam Negeri yang ditubuhkan oleh undang-undang Negeri adalah salah satu contoh badan amanah yang pernah ditubuhkan selari dengan peruntukan ini. Seksyen 3 (1) Akta itu menyebutkan:

“Adalah kompeten bagi Badan Perundangan Negeri untuk meluluskan undang-undang yang memperuntukkan berkenaan apa-apa perkara yang dinyatakan dalam Jadual, untuk menubuhkan apa-apa badan amanah tertentu dan melantik pemegang amanah yang berkaitan, dan melakukan apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya sebagaimana yang difikirkan perlu oleh badan perundangan itu, dan dari semasa ke semasa meminda atau memansuhkan undang-undang tersebut”.

JADUAL (Seksyen 3)

Amanah-Amanah Agama Islam...

Sekiranya tiada undang-undang negeri digubal bagi tujuan ini, maka pilihan terakhir yang ada ialah dengan mendaftarkan penubuhannya di bawah undang-undang Persekutuan iaitu di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 sepertimana yang pernah dilakukan oleh Lembaga Zakat Selangor.

Walau apapun pilihan yang diambil dalam menubuhkan perbadanan Baitulmal, **aspek percukaian** perlulah diambil kira. Ini kerana penubuhan perbadanan yang berentiti korporat akan dikenakan cukai pendapatan. Lembaga atau perbadanan Baitulmal yang akan ditubuhkan tidak seharusnya mempunyai identiti korporat sebaliknya ia hendaklah kekal sebagai institusi agama, amanah dan kebajikan. Ini bagi memudahkannya memohon atau mendapat pelepasan cukai.

Kesan Penaikan Taraf Baitulmal Kepada Perbadanan

Antara kesan positif yang mungkin berlaku setelah institusi Baitulmal diperbadankan adalah seperti berikut:

1. Amanah yang terpikul di atas bahu Majlis Agama Islam Negeri akan berkurangan. Operasi pemungutan hasil Baitulmal akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada Perbadanan Baitulmal. Majlis boleh menumpukan kepada tugas lain dalam pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam serta membangunkan anak syarikat (korporat) yang ditubuhkan olehnya.
2. Terdapat saluran undang-undang yang tepat dalam mengendalikan segala permasalahan berbangkit mengenai pengurusan Baitulmal. Keengganan mana-mana orang Islam membayar hasil Baitulmal boleh dituntut sendiri oleh Perbadanan Baitulmal di Mahkamah Syariah. Penyelewengan oleh penjawat Baitulmal boleh didakwa di Mahkamah Awam atau Syariah.
3. Hasil pungutan dan agihan Baitulmal mampu dipertingkatkan dari semasa ke semasa berbanding sebelum pemerbadanan Baitulmal. Malah melalui mekanisma undang-undang yang tertentu, hasil keseluruhan Baitulmal mampu menyaingi hasil kutipan zakat. Ini kerana hasil Baitulmal terdiri daripada pelbagai sumber dan tidak terhad kepada zakat yang merupakan hasil berkala.
4. Hasil Baitulmal dapat diklasifikasi dengan lebih tepat dan dapat mengelakkan pertindihan dengan hasil Kerajaan Negeri atau Persekutuan. Hasil-hasil Baitulmal yang selama ini dimiliki oleh Kerajaan Negeri atau Persekutuan dapat diserahkan semula kepada Baitulmal. Namun begitu Kerajaan Negeri (atau Persekutuan) masih berhak menerima sejumlah peruntukan daripada Baitulmal atas kapasitinya mentadbir hal-ehwal awam (selain hukum syarak) yang melibatkan umat Islam.

5. Hasil Baitulmal (milik umat Islam) dapat diasingkan daripada hasil mutlak milik Majlis Agama Islam Negeri yang diperolehi daripada aktiviti ekonomi dan perniagaan anak syarikatnya. Majlis akan mentadbir terus urusan kewangannya sendiri, manakala kewangan Baitulmal ditadbir oleh Perbadanan Baitulmal. Namun begitu majlis masih berhak menerima sejumlah peruntukan daripada Baitulmal atas kapasitinya sebagai pemegang amanah utama kepada Baitulmal.

Terdapat juga beberapa kesan negatif sekiranya Perbadanan Baitulmal diwujudkan, antara lainnya:

1. Kos pengurusan Baitulmal akan meningkat kerana ia perlu mengambil pekerja dan penjawat untuk melaksanakan fungsinya. Namun ini dapat diatasi kerana walaupun perbelanjaannya meningkat, namun pada masa yang sama hasil kutipan Baitulmal juga turut meningkat. Selain itu penjawat Majlis yang sedia ada boleh diserap menjadi kakitangan Perbadanan Baitulmal dan emolumen mereka dibayar daripada hasil Baitulmal sama sepetimana yang berlaku sekarang.
2. Tahap kawalan terhadap Baitulmal oleh Majlis Agama Islam akan berkurangan kerana Baitulmal mempunyai kapasiti untuk bertindak sendiri. Namun ini dapat diselesaikan dengan cara Majlis menamakan beberapa anggotanya sebagai anggota pengurusan tertinggi Baitulmal atau ahli lembaga pemegang amanah Baitulmal. Majlis juga boleh melalui undang-undang, mengenakan sekatan tertentu terhadap Baitulmal dalam beberapa perkara berkaitan kelulusan belanjawan, pgauditian Baitulmal dan sebagainya. Perkara ini juga telah sedia termaktub dalam Seksyen 8 dan Jadual Kedua, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003.

Meningkatkan Hasil Baitulmal Tanpa Menaiktaraf Entitinya

Sekiranya Majlis Agama Islam Negeri yang selama ini bertanggungjawab sepenuhnya kepada operasi Baitulmal masih belum bersedia untuk menaiktaraf Baitulmal kepada satu perbadanan amanah, maka perlulah satu peraturan atau kaedah tentang pemungutan, pentadbiran dan pengagihan hasil Baitulmal diwujudkan. Ini kerana peraturan seperti ini, yang menekankan aspek pungutan dan kutipan, masih belum

diwujudkan dalam pengurusan Baitulmal negeri. Ciri-ciri peraturan tersebut hendaklah mengandungi perkara berikut:

a. Peraturan Diluluskan Oleh DYMM Sultan & Diwartakan

Peraturan tersebut hendaklah dibuat dengan mendapat kelulusan DYMM Sultan dan diwartakan sepetimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 81(5) dan 122 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003. Ini penting supaya peraturan tersebut dapat dikuatkuasakan melalui pendekatan undang-undang.

Peraturan dalaman bagi pentadbiran Baitulmal (sekiranya ada) yang dinamakan sebagai manual pengurusan, prosedur pengurusan, tatacara kewangan, garis panduan pengurusan dan sebagainya yang dibuat oleh Majlis tanpa kelulusan DYMM Sultan dan tidak diwartakan hanyalah satu peraturan pentadbiran dalaman, dan bukanlah suatu peraturan yang mempunyai kuat kuasa yang kukuh di sisi undang-undang.

b. Aspek Pungutan Hasil

Peraturan ini hendaklah menumpukan kepada proses pungutan hasil Baitulmal. Ini adalah proses yang sangat penting untuk memastikan peningkatan hasil Baitulmal. Apa yang perlu diperuntukkan antara lainnya ialah jenis hasil Baitulmal, kadar hasil yang perlu dijelaskan, masa atau syarat yang dikenakan terhadap harta sebelum hasil dipungut, amil yang berkuasa memungut, orang atau badan yang boleh dipungut hasil daripada mereka, tempat-tempat pungutan boleh dibuat, tindakan undang-undang yang boleh diambil jika amil tidak memungut hasil atau pembayar tidak membayar hasil dan sebagainya.

c. Aspek Pentadbiran Dan Pengurusan Hasil

Ia juga hendaklah memperincikan semua perkara berkaitan proses pengurusan hasil Baitulmal yang berjaya dipungut. Ini juga amat penting untuk memastikan hasil yang dipungut dapat disimpan dengan baik dan tidak berlaku kebocoran. Antara perkara yang perlu diperuntukkan termasuklah prosedur

kewangan, perakaunan, pendaftaran terimaan hasil, kod hasil, akaun bank, penyimpanan dan pergudangan, inventori hasil, bayaran, pembelian, pengauditan dan sebagainya.

d. Aspek Pengagihan Hasil

Peraturan ini juga hendaklah menyatakan semua perkara berkaitan proses pengagihan, penggunaan, perbelanjaan atau pelupusan hasil Baitulmal. Ia juga sangat penting untuk memastikan agihan hasil Baitulmal dapat dibuat dengan seimbang, adil dan saksama. Peruntukan yang penting termasuklah jenis perbelanjaan yang dibenarkan, asnaf yang berhak menerima agihan, kadar agihan yang boleh diterima, prosedur membuat permohonan mendapatkan agihan, prosedur rayuan mendapatkan agihan, tindakan mahkamah yang boleh diambil terhadap amil Baitulmal yang tidak mengagihkan hasil kepada orang yang berhak menerima, tindakan yang boleh dikenakan terhadap penerima agihan yang memberikan keterangan palsu dan sebagainya.

KODIFIKASI UNDANG-UNDANG BAITULMAL

Dalam bahagian ini, beberapa perkara dikemukakan berkaitan Baitulmal yang perlu dikodifikasi melalui penggubalan undang-undang, sama ada berbentuk Enakmen, Kaedah atau Peraturan. Perincian sebenar peruntukan tersebut adalah tertakluk kepada perubahan, pengubahsuaian dan pandangan pihak-pihak berwajib yang berkaitan.

Tajuk-Tajuk Seksyen dan Kandungannya

Berikut adalah beberapa tajuk seksyen yang perlu diperuntukkan dalam undang-undang Baitulmal:

1. Tajuk Ringkas dan mula berkuat kuasa

Seksyen ini memperuntukkan nama undang-undang Baitulmal misalnya **Enakmen Amanah Baitulmal Agama Islam (Negeri Selangor) 2008** jika dalam bentuk undang-undang induk. Perkataan ‘Agama Islam’ boleh diletakkan dalam nama Enakmen Baitulmal untuk memberikan kefahaman yang jelas

bahawa undang-undang ini adalah berkaitan hukum syarak. Begitu juga perkataan ‘amanah’ boleh dimasukkan untuk menunjukkan fungsi utamanya sebagai suatu pemegangan amanah dan bukanlah bermotifkan korporat. Ini penting bagi mengelak daripada dikenakan cukai. Atau jika dalam bentuk undang-undang subsidiari, ia boleh dinamakan sebagai Peraturan-Peraturan Pemungutan, Pentadbiran dan Pengagihan Harta Baitulmal (Negeri Selangor) 2008.

2. Tafsiran

Seksyen ini perlu memberikan definisi kepada perkataan-perkataan penting seperti “Baitulmal”, “Lembaga / Perbadanan Baitulmal”, “Hasil Baitulmal” dan sebagainya. Sebagai contoh “hasil Baitulmal” perlulah ditafsirkan sebagai - termasuklah zakat, wakaf dan semua hasil agama Islam yang tersenarai dalam *Jadual Pertama*. Walaupun hasil zakat dan wakaf dikumpulkan dalam akaun berasingan, namun ia tetap merupakan hasil Baitulmal yang perlu ditadbir olehnya. Jadual tersebut boleh dibuat untuk memudahkan penyenaraian hasil-hasil Baitulmal.

3. Penubuhan Lembaga/Perbadanan Baitulmal

Sebagai contoh:

- a. Maka hendaklah ada satu badan amanah bernama “Lembaga/Perbadanan Baitulmal Negeri Selangor” untuk membantu Majlis Agama Islam Selangor dalam perkara berhubung pemungutan, pentadbiran dan pengagihan hasil Baitulmal.
- b. Apabila Seksyen ini mula berkuat kuasa, Kumpulan Wang Baitulmal yang wujud menurut kuasa Enakmen terdahulu hendaklah disifatkan sebagai Lembaga/Perbadanan yang disebut dalam subseksyen (1).

4. Identiti Lembaga Di Sisi Undang-Undang

Sebagai contoh:

- a. Lembaga hendaklah menjadi suatu badan amanah yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

- b. Lembaga hendaklah tertakluk kepada dasar-dasar yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Selangor.
- c. Lembaga boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya di mana-mana Mahkamah yang berbidang kuasa.
- d. Lembaga boleh dengan persetujuan Majlis, membuat kontrak dengan mana-mana pihak atas terma yang difikirkan patut oleh Majlis menurut hukum syarak.
- e. Lembaga boleh menyimpan atau memegang, bagi pihak Majlis, apa-apa harta boleh alih dan tak alih.
- f. Lembaga tidak boleh menubuhkan anak syarikat.

5. Fungsi Lembaga / Perbadanan

Sebagai contoh:

- a. Lembaga hendaklah menjadi pelaksana kepada dasar-dasar yang ditetapkan oleh Majlis dalam semua perkara berkaitan pemungutan, pentadbiran dan pengagihan hasil Baitulmal atau apa-apa hasil agama Islam yang ditetapkan oleh undang-undang, kecuali berkenaan dengan hal ehwal pemungutan dan pengagihan zakat dan fitrah.
- b. Walau apapun subseksyen (1), Lembaga hendaklah berhak menyimpan dan mentadbir segala kutipan zakat dan fitrah dalam akaunnya sepertimana yang ditetapkan oleh Majlis.

6. Kewajipan Lembaga

Sebagai contoh:

- a. Lembaga hendaklah menjalankan semua operasi memungut hasil agama Islam yang ditetapkan oleh Majlis dalam Jadual Pertama.

- b. Lembaga hendaklah menyimpan segala hasil Baitulmal ke dalam:
 - i. Bagi harta alih seperti wang tunai, ke dalam akaun semasa perbankan Islam yang ditetapkan oleh Majlis.
 - ii. Bagi harta alih yang bukan wang tunai, ke dalam peti simpanan, gudang, kandang, atau pusat yang ditetapkan oleh Majlis.
 - iii. Bagi harta tak alih, ke dalam daftar aset tak alih yang ditetapkan oleh Majlis.
- c. Lembaga hendaklah mengagihkan atau memulangkan semula hasil Baitulmal kepada individu, asnaf, badan atau kumpulan orang yang berhak sepertimana ditetapkan oleh Majlis dalam Jadual Kedua dalam tempoh satu tahun daripada tarikh hasil itu mula disimpan.
- d. Harta yang tidak dapat diagihkan dalam sesuatu tahun, hendaklah:
 - i. Jika ia adalah harta boleh alih seperti wang tunai, dipindahkan ke dalam akaun tetap Lembaga dalam institusi perbankan Islam yang ditetapkan oleh Majlis.
 - ii. Jika ia adalah harta boleh alih selain wang tunai atau harta tak alih, hendaklah dicairkan atau ditukar menjadi wang tunai, sekiranya boleh dan tidak menyusutkan nilainya, dan dipindahkan ke dalam akaun tetap Lembaga.

7. Pelantikan Ahli Lembaga Baitulmal

Antara lainnya perlu menyebutkan siapa yang berkuasa melantik, sama ada Majlis atau perlu kepada kelulusan DYMM Sultan. Begitu juga jumlah keahlian, kelayakan ahli atas kapasiti politik, jawatan, pengetahuan, pengalaman dan sebagainya serta syarat pelantikan, perletakan jawatan dan pemecatannya.

8. Akaun Semasa Lembaga

Sebagai contoh:

- a. Lembaga hendaklah membuka satu akaun semasa yang khas bagi setiap jenis hasil Baitulmal mengikut kod yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.
- b. Semua hasil wang masuk hendaklah dikreditkan ke dalam akaun yang ditetapkan sekurang-kurangnya sekali dalam satu minggu.
- c. Mana-mana transaksi masuk yang dibuat pada 1 hingga 7 haribulan hendaklah disifatkan mula disimpan pada minggu pertama bulan itu, begitulah seterusnya hingga bagi minggu keempat daripada 22 hingga 31 haribulan.
- d. Tempoh simpanan selama 48 minggu hendaklah dianggap sebagai tempoh satu tahun yang dimaksudkan dalam subseksyen 6(3).

9. Rizab Tunai Berkanun dan Akaun Tetap Baitulmal

Sebagai contoh:

- a. Simpanan wang tunai di dalam akaun tetap Lembaga hendaklah membentuk satu rizab tunai berkanun yang pada satu-satu masa mestilah tidak kurang daripada RM100 juta dan tidak lebih daripada RM200 juta.
- b. Jika Lembaga menjangkakan simpanan tetap Baitulmal akan melebihi RM200 juta, maka Lembaga hendaklah memberitahu kepada Majlis dan mencadangkan bentuk agihan yang sesuai menurut hukum syarak.
- c. Jika Baitulmal menjangkakan simpanan tetapnya akan kurang daripada RM100 juta, maka Lembaga hendaklah memberitahu Majlis dan mendapatkan kebenarannya untuk menggunakan apa-apa jumlah yang perlu untuk diagihkan dan cadangan bagaimana simpanan tetap tersebut dapat digantikan semula.

10. Emolumen Penjawat Perbadanan Baitulmal

Seksyen ini perlu memperuntukkan sumber bagi membiayai penjawat Perbadanan Baitulmal dan sumber alternatif (seperti sumber pendapatan Majlis atau pinjaman yang dibuat oleh Majlis) jika kewangan Baitulmal tidak mencukupi.

11. Agihan Tetap Kepada Majlis

Seksyen ini perlu memperuntukkan sejumlah agihan tetap hasil Baitulmal kepada Majlis atas kapasitinya menjadi pemegang amanah utama Baitulmal. Jumlah agihan tetap inilah yang akan digunakan oleh Majlis untuk membayar emolumen tetap penjawat majlis dan kos-kos pengurusan yang lain.

12. Agihan Tetap Kepada DYMM Sultan

Seksyen ini perlu juga diwujudkan bagi menghargai peranan dan kedudukan institusi raja yang merupakan punca kuasa undang-undang syarak. Ia adalah tambahan daripada peruntukan diraja yang diterima oleh Baginda daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

13. Agihan Tetap/Berkala Kepada Kumpulan Wang Disatukan Negeri

Oleh kerana beberapa hasil Kerajaan Negeri berkaitan undang-undang syariah akan menjadi hasil Baitulmal, maka adalah wajar satu agihan tetap kepada Kerajaan Negeri diperuntukkan bagi mengimbangi belanjawan Negeri. Ini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa hasil agama Islam juga boleh dinikmati oleh orang bukan Islam. Ini juga penting supaya Kerajaan Negeri mudah untuk melepaskan beberapa hasil negeri kepada Baitulmal.

14. Agihan Tetap/Berkala Kepada Badan Berkanun

Seksyen ini diwujudkan untuk menghargai kesediaan beberapa badan berkanun seperti pihak bank, ARB, KWSP, Kumpulan Wang Tak Dituntut dalam menyerahkan sebahagian wang amanah yang dikendalikan oleh mereka kepada Baitulmal. Agihan semula hasil Baitulmal kepada badan berkanun ini akan menjadi sebahagian daripada pendapatan mereka dan tidak lagi menjadi wang amanah.

15. Tuntutan Hasil oleh Baitulmal

Seksyen ini perlu menerangkan kuasa dan hak yang ada pada Baitulmal untuk membuat tuntutan kepada mana-mana pihak atau individu bagi menjelaskan hasil Baitulmal. Begitu juga tindakan Mahkamah yang boleh diambil bagi menguatkuasakan hak Baitulmal.

16. Tuntutan Agihan Terhadap Baitulmal

Seksyen ini perlu menerangkan bagaimana suatu tuntutan agihan boleh dibuat terhadap Baitulmal seperti permohonan kepada nazir masjid, qadhi daerah, ibu pejabat Baitulmal, Majlis dan sebagainya. Begitu juga perlu dinyatakan bagaimana tuntutan boleh dikemukakan kepada Mahkamah Syariah sekiranya ada pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan agihan di peringkat bawahan.

17. Cawangan Baitulmal Daerah dan Qariah

Seksyen ini perlu menjelaskan peranan institusi masjid yang diketuai oleh nazirnya dalam menjalankan tugas-tugas pemungutan hasil Baitulmal. Ia seakan sama dengan konsep amil bagi zakat. Begitu juga peranan pegawai agama daerah (qadhi) dalam menyelenggara hasil Baitulmal di peringkat daerah. Elaun khas daripada hasil Baitulmal mungkin perlu diperuntukkan kepada mereka, sekiranya emolumen mereka tidak dibayar oleh Baitulmal.

18. Kuasa Melantik Amil Baitulmal

Sebagai contoh:

Lembaga boleh, dengan kebenaran Majlis, melantik mana-mana orang atau badan untuk menjadi amil bagi memungut mana-mana hasil Baitulmal.

Nota: Hasil Baitulmal yang boleh dikutip termasuklah derma khairat, *luqatah*, zakat, saham wakaf am dan sebagainya.

19. Tugas Amil Baitulmal

Seksyen ini perlu menyatakan takat kuasa amil Baitulmal sama ada kuasanya boleh meliputi kuasa memungut zakat atau fitrah atau terhad kepada kuasa memungut kutipan

khairat (dengan resit), derma tabung masjid (tanpa resit), *luqatah* dan sebagainya.

20. Kuasa Majlis Meminjam daripada Baitulmal

Perlu diperuntukkan supaya Majlis boleh, dengan kelulusan DYMM Sultan, meminjam sejumlah wang daripada Baitulmal untuk apa-apa tujuan yang tidak menyalahi hukum syarak. Justeru, Majlis perlu menggantikan semula wang tersebut, melainkan jika perbelanjaan itu sememangnya diperuntukkan menjadi salah satu bentuk agihan Baitulmal kepada Majlis.

21. Pembentangan Belanjawan Tahunan Baitulmal

Seksyen ini perlu menyatakan keperluan belanjawan tahunan Baitulmal (hasil masuk dan perbelanjaan keluar) dibentangkan dalam mesyuarat khas Majlis untuk pengetahuan umum. (Sebaik-baiknya disiarkan dalam media elektronik) Amalan selama ini, anggaran belanjawan hanya disedia dan dipersembahkan kepada DYMM Sultan, tanpa dibentangkan. Ini sangat penting dibuat untuk menjamin **ketalusan dalam kutipan dan agihan** hasil Baitulmal.

Jadual-Jadual

Terdapat beberapa perkara berkaitan Baitulmal yang perlu disenaraikan di dalam jadual bagi memudahkan rujukan dan penguatkuasaan. Antaranya ialah jenis-jenis hasil Baitulmal, kod hasil dan kadarnya, asnaf-asnaf penerima agihan Baitulmal serta kadarnya dan lain-lain. Alternatif kedua adalah dengan meletakkan setiap jenis hasil dalam satu bab berasingan.

Jadual 1 : Senarai Hasil Baitulmal

| Bil. | Jenis Hasil | Keterangan | Kod Hasil | Kadar |
|------|-------------|---|-----------|---|
| 1. | Zakat | Bayaran wajib mengikut nisab dan haul setiap tahun. | | 2.5%; atau 5 % tanaman; 1 ekor ternakan mengikut jenis. |

| Bil. | Jenis Hasil | Keterangan | Kod Hasil | Kadar |
|------|------------------------|--|-----------|---|
| 2. | Fitrah | Bayaran wajib pada setiap Ramadhan dan Syawal. | | 2.6 kg Beras atau nilainya dalam RM |
| 3. | Wakaf khas Wakaf am | Sumbangan kebajikan yang diwujudkan secara sukarela. | | Terbuka |
| 4. | Nazar khas Nazar am | Sumbangan kebajikan yang diwujudkan secara sukarela, bersumpah dan bersyarat. | | Terbuka |
| 5. | Kifarah <i>kubra</i> | Bayaran denda wajib kerana melakukan kesalahan zihar dan persetubuhan siang di bulan Ramadhan dsb. | | 650 gram beras x 60 orang miskin |
| | Kifarah <i>sughra</i> | Bayaran denda wajib kerana melakukan kesalahan <i>ila'</i> dan melanggar sumpah <i>yamin</i> . | | 650 gram beras x 10 orang miskin; atau 10 pasang pakaian |
| 6. | Fidayah ¹ | Bayaran wajib kerana meninggalkan puasa Ramadhan tanpa keuzuran / <i>rukhsah</i> atau lewat mengqada' puasa hingga tiba Ramadhan berikutnya. | | 650g x hari x tahun |
| 7. | <i>Luqatah</i> | Hasil daripada harta jumpa yang tidak diketahui pemiliknya. | | Keseluruhan atau sebahagian setelah ditolak caj pengurusan |

| Bil. | Jenis Hasil | Keterangan | Kod Hasil | Kadar |
|------|---|--|-----------|--|
| 8. | Wasiat am Wasiat khas | Sumbangan kebajikan yang disyaratkan oleh seseorang berkuat kuasa selepas kematiannya. | | Terbuka maksima 1/3 harta kecuali dengan persetujuan semua waris |
| 9. | Pusaka tak berwaris | Hasil terimaan yang ditetapkan oleh hukum syarak. | | <i>Asabah</i> |
| | Pusaka tak diasabah | Hasil terimaan yang ditetapkan oleh hukum syarak. | | <i>Takmil al-baqi</i> |
| 10. | Hadiah | Sumbangan sukarela yang dibuat dengan tujuan tertentu tanpa <i>ijab</i> dan <i>qabul</i> . | | Terbuka |
| 11. | Hibah / anugerah | Sumbangan sukarela yang dibuat dengan tujuan tertentu dan dengan <i>ijab</i> dan <i>qabul</i> . | | Terbuka |
| 12. | Sedekah, <i>tabarru'</i> dan Derma umum | Sumbangan sukarela yang dibuat tanpa tujuan khas (seperti tabung masjid) dan tanpa resit. | | Terbuka |
| 13. | Kutipan Khairat | Sumbangan sukarela yang dibuat dengan tujuan khas dan mengemukakan resit bagi setiap hasil terimaan. | | Terbuka |

| Bil. | Jenis Hasil | Keterangan | Kod Hasil | Kadar |
|------|--------------------------------------|--|-----------|---|
| 14. | Amanah (Berkanun) -Wasi atas wasi | Hasil terimaan dari badan berkanun yang tidak dapat dilaksanakan tujuan amanah melebihi tempoh tertentu, (seperti harta pusaka bermasalah yang diurus oleh ARB dan pentadbir pusaka yang lain) | | Tertakluk kepada perundingan dengan ARB dll. dan undang-undang berkaitan |
| | Amanah (wasi khas) | Hasil terimaan bagi pihak individu (bawah umur, <i>majur alaih</i> , gila dll.) atas dasar wasi. | | Terbuka atau tertakluk kepada perintah mahkamah |
| 15. | Wang beku / tidak dituntut | Hasil terimaan daripada badan berkanun seperti wang simpanan yang dibekukan kerana tidak dituntut/akaun domain (bukan kerana kesalahan jenayah), seperti wang kumpulan wang tidak dituntut, wang KWSP yang tidak dituntut kerana kematian pekerja dan ketiadaan waris. | | Tertakluk kepada perundingan dengan KWSP dll. dan undang-undang berkaitan |

| Bil. | Jenis Hasil | Keterangan | Kod Hasil | Kadar |
|------|---|---|-----------|--|
| 16. | Harta orang ghaib (bukan <i>mafqud</i>) | Hasil terimaan pelbagai termasuklah wang tebus talaq yang diterima oleh Mahkamah Syariah bagi pihak suami yang ghaib dan harta pusaka yang dibekukan bagi pihak orang ghaib. | | Keseluruhan |
| 17. | Hasil Bukan Pusaka tanpa benefisiari | Hasil terimaan daripada badan berkanun seperti pampasan atau saguhati yang diberi oleh syarikat takaful atau insuran kepada orang Islam selepas kematianya yang tidak terdapat benefisiari. | | Keseluruhan, tertakluk kepada undang-undang berkaitan |
| 18. | Hasil wang haram | Hasil terimaan dari sumber tidak <i>syarie</i> seperti hasil judi, riba, <i>gharar</i> dan wang hasil penalty lewat bayar yang dikenakan oleh perbankan Islam terhadap pelanggan. | | Tertakluk kepada perundingan dengan pihak bank dan undang-undang berkaitan |
| 19. | Denda <i>Ta'zir</i> kesalahan jenayah syariah | Hasil terimaan denda yang dijatuahkan oleh mahkamah syariah dalam bidangkuasa jenayahnya. | | Tertakluk kepada perundingan dengan Kerajaan Negeri |

| Bil. | Jenis Hasil | Keterangan | Kod Hasil | Kadar |
|------|--|---|-----------|--|
| 20. | Harta lucut hak akibat kesalahan jenayah syariah | Hasil terimaan barang yang digunakan untuk melakukan kesalahan jenayah syariah dan hasil yang diterima daripada kesalahan tersebut seperti wang hasil judi, mesin judi dll. | | Tertakluk kepada undang-undang berkaitan |
| 21. | Harta lucut hak kerana murtad | Hasil terimaan daripada pesalah murtad yang dilucut hak menurut hukum syarak. | | Tertakluk kepada tafsiran Perlembagaan Persekutuan |
| 22. | Hasil Fi Mahkamah Syariah | Hasil terimaan pelbagai seperti fi pendaftaran kes, fi sijil faraid, sijil peguam <i>syarie</i> . | | Tertakluk kepada perundingan dengan Kerajaan Negeri |
| 23. | Hasil Fi Jabatan Agama | Hasil terimaan pelbagai seperti fi kebenaran berkahwin, surat nikah, cerai, rujuk, sijil halal dll. | | Tertakluk kepada perundingan dengan Kerajaan Negeri dll. |
| 24. | Keuntungan <i>mudharabah</i> / pelaburan | Hasil terimaan atas pelaburan dsb. | | Keseluruhan |
| 25. | Bayaran sewa premis Baitulmal | Hasil terimaan atas manfaat sewa dll. | | Keseluruhan |
| 26. | Pampasan kerana merosakkan harta Baitulmal | Hasil terimaan kerana merosakkan harta Baitulmal. | | keseluruhan |

Jadual Kedua: Senarai Asnaf Penerima Agihan Hasil Baitulmal

| Bil. | Jenis Agihan | Keterangan | Kod Agihan | Kadar |
|------|---------------------------------|--|------------|--|
| 1. | Agihan zakat | Agihan kepada 8 asnaf zakat | | Had al-kifayah |
| 2. | Serahan Manfaat Wakaf khas/ am | Agihan kepada <i>mawquf alaih</i> | | Mengikut ketetapan wakif atau Majlis |
| 3. | Penunaian Kifarah | Penunaian kifarah kepada orang miskin yang berhak menerimanya | | Mengikut jenis kifarah |
| 4. | Penunaian Fidyah | Penunaian kifarah kepada orang miskin yang berhak menerimanya | | Mengikut bilangan hari/tahun |
| 5. | Penyerahan <i>Luqatah</i> | Serahan semula <i>luqatah</i> kepada pemiliknya, setelah ditolak caj pengurusan atau diserahkan keseluruhannya kepada Baitulmal. | | Mengikut caj yang ditetapkan oleh Majlis |
| 6. | Penunaian amanah | Menyerahkan semula amanah kepada orang yang berhak setelah cukup syarat. | | Keseluruhan atau setelah ditolak caj |
| 7. | Agihan tetap kepada DYMM Sultan | Agihan kepada ketua agama Islam yang diharuskan oleh hukum syarak. | | Tertakluk kepada rundingan |
| 8. | Agihan kepada Kerajaan Negeri | Agihan untuk manfaat awam daripada orang Islam dan bukan Islam. | | Tertakluk kepada rundingan |

| Bil. | Jenis Agihan | Keterangan | Kod Agihan | Kadar |
|------|---|--|------------|---|
| 9. | Agihan Tetap kepada Majlis | Agihan kepada <i>ulul amri</i> atau wakil pemerintah yang diharuskan oleh hukum syarak. | | Tertakluk kepada rundingan |
| 10. | Agihan Berkala Kepada Badan Berkanun Tertentu | Agihan semula kepada ARB, bank, KWSP, Kumpulan Wang Tak Dituntut daripada wang amanah yang tidak dapat ditunaikan setelah menjadi milik Baitulmal menurut hukum syarak. | | Tertakluk kepada fatwa, rundingan dan undang-undang berkaitan |
| 11. | Serahan hak pusaka waris ghaib | Serahan yang dibuat kepada waris ghaib yang muncul semula sebelum diisyithar <i>mafqud</i> . | | Mengikut hukum syarak |
| 12. | Penjelasan hutang si mati | Menjelaskan hutang bagi orang mati yang tidak berwaris dan tidak berharta dan tidak mendapat agihan <i>asnaf al-gharimin</i> , termasuklah hutang wang, kifarah, fidyah, nazar, dll. | | Tertakluk kepada Majlis |
| 13. | Agihan untuk anak yatim | Sumbangan kepada anak yatim dan pengurusan rumah anak yatim (yang tidak mendapat agihan zakat) | | Tertakluk kepada budi bicara Majlis |

| Bil. | Jenis Agihan | Keterangan | Kod Agihan | Kadar |
|------|---|--|------------|-------------------------------------|
| 14. | Agihan wasiat wajibah khas | Agihan kepada cucu kepada anak perempuan yang tidak mendapat wasiat wajibah menurut undang-undang wasiat semasa. | | Tertakluk kepada budi bicara Majlis |
| 15. | Agihan kepada <i>zawil arham</i> | Agihan kepada kaum kerabat yang tidak mendapat pusaka kerana dihijab oleh Baitulmal. | | Tertakluk kepada budibicara Majlis |
| 16. | Sarahidup anak tak sah taraf | Agihan sementara selagi ia belum boleh berdikari atau berkahwin. Harta anak ini akan <i>diasabah</i> oleh Baitulmal kerana nasab sebelah bapanya terputus. | | Tertakluk kepada budibicara Majlis |
| 17. | Sarahidup anak <i>laqit</i> (anak pungut) | Agihan kepada anak pungut (<i>laqit</i>) yang dijumpai tanpa ibubapa dalam negeri orang Islam. Harta anak ini juga akan <i>diasabah</i> oleh Baitulmal. | | Tertakluk kepada budibicara Majlis |
| 18. | Biasiswa atau pinjaman pelajaran | Seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 7(2)9e Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 | | Tertakluk kepada budibicara Majlis |
| 19. | Lain-lain | | | |

BEBERAPA PERMASALAHAN

a. Harta *Luqatah*

Pengurusan *Luqatah*

Setakat ini tiada peruntukan khusus menetapkan bidangkuasa kepada Baitulmal untuk membuat pungutan/tuntutan terhadap harta *luqatah*. Selama ini kebanyakan daripada harta *luqatah* diurus oleh pihak individu yang menjumpainya atau oleh pihak Masjid dan organisasi lain seperti pihak polis dan sebagainya. Tidak ada apa-apa kesalahan diperuntukkan jika harta *luqatah* dipegang atau digunakan oleh mana-mana orang yang menjumpainya.

Di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, prosedur pengurusan harta *luqatah* telah diwujudkan oleh Majlis Agama Islam berkenaan. Di Selangor ia dinamakan sebagai Prosedur Pengurusan, Penerimaan, Penyimpanan dan Lelongan Harta *Luqatah* Majlis Agama Islam Selangor. Prosedur tersebut adalah antara yang terawal diwujudkan dan masih perlu kepada penambahbaikan dari beberapa sudut seperti:

- i. Kewajipan orang yang menemui *luqatah* untuk mengambil, melapor dan menyerahkan *luqatah* kepada Baitulmal/ MAIN.
- ii. Hak atau bahagian yang akan diterima oleh orang yang menjumpai *luqatah* jika *luqatah* itu tidak dituntut. Ini penting untuk menggalakkan orang yang menjumpai *luqatah* itu bersikap amanah.
- iii. Upah yang berhak dikenakan oleh Baitulmal terhadap pemilik *luqatah*, jika pemiliknya datang menuntut luqatah tersebut. Kadar ini perlu diselaraskan supaya tidak menzalimi pemilik *luqatah*.
- iv. Kesalahan-kesalahan berkaitan penyorokan, penyimpanan dan penyalahgunaan *luqatah* tanpa hak.
- v. Kaedah pelupusan *luqatah* setelah ia tidak dituntut oleh pemiliknya.

Perluasan Maksud *Luqatah*

Untuk memperluaskan konsep dan definisi *luqatah*, perlu juga harta *luqatah* ini dikaji pemakaianya terhadap harta-harta berikut:

- i. Wang simpanan tidak aktif (dormant) dalam akaun bank umat Islam (sistem perbankan Islam) yang selama ini diserah ke dalam Kumpulan Wang Tidak Dituntut.

Persoalannya adakah dari segi hukum syarak ia menepati definisi *luqatah*. Jika dilihat secara kasar terdapat unsur *luqatah* pada wang tersebut kerana pemiliknya seolah-olah mengabai dan meninggalkan hartanya. Cuma dari sudut lain, nama pemiliknya masih dapat dikenal pasti. Persoalannya adakah boleh wang itu diklasifikasi sebagai *luqatah* dan diserah kepada Baitulmal sebagai pemegang amanah? Perkara ini memerlukan kajian dan pandangan daripada pakar-pakar dalam hukum syarak dan undang-undang kewangan konvensional.

- ii. Barang-barang dagangan/perniagaan yang tidak dituntut oleh pembeli atau pemiliknya daripada pekedai atau penjual.

Sebagai contoh barang elektrik, perabot atau pakaian yang dibeli/ diempah daripada kedai milik orang Islam tetapi tidak dituntut atau diambil oleh pembelinya; atau barang tersebut dihantar untuk pembaikan oleh pemiliknya tetapi tidak dituntut selepas masa tertentu. Lazimnya pemilik kedai akan menjadikan barang tersebut sebagai miliknya selepas tamat tempoh tertentu. Perkara ini perlu dikaji dari segi hukum syarak sama ada ia layak diklasifikasi sebagai *luqatah* dan diserah kepada Baitulmal sebagai pemegang amanah.

- iii. Barang berharga yang dijumpai di pusat pelupusan sampah.

Sebagai contoh wang, barang kemas dan lain-lain barang yang lazimnya tidak dibuang atau bukan bertujuan untuk dikitar semula tetapi dijumpai di pusat pembuangan sampah. Lazimnya barang sedemikian akan menjadi milik pemungut barang terpakai atau besi buruk atas alasan ia telah dibuang. Namun rasionalnya, tidak ada seorang yang berakal akan

membuang wang dan barang berharga jika ia mengetahuinya. Mungkin pembuangan itu berlaku secara tidak sengaja dan di luar pengetahuan pemiliknya. Oleh sebab itu adalah perlu harta tersebut diklasifikasikan sebagai *luqatah* dan diserahkan kepada Baitulmal sebagai pemegang amanah.

b. Anak Pungut (*Laqit*)

Anak pungut ditakrifkan sebagai anak yang dijumpai tanpa diketahui ibu bapanya. Setakat ini, anak pungut ini diuruskan antara lain oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat tanpa mengira agama kanak-kanak tersebut. Masalah mungkin timbul jika kanak-kanak tersebut beragama Islam. Kebajikan agamanya mungkin tidak dapat dijaga dengan kaedah terbaik. Ini sudah tentu memerlukan perhatian khusus daripada pihak berkuasa agama.

Dari sudut kehartaan, seseorang anak itu wajar juga dilihat dari aspek ekonominya, kerana ia bakal menjadi sumber kekayaan umat Islam. Ini kerana manusia adalah sumber modal insan yang tidak ternilai jika ia dapat digilap sejak dari kecil. Oleh itu adalah perlu supaya anak *laqit* orang Islam ini dituntut dan dijaga oleh MAIN sebagai wasi dan disara daripada sumber Baitulmal atau zakat.

Anak *laqit* mungkin boleh wujud daripada gejala sosial membuang anak dan di sebalik aplikasi Enakmen Jenayah Syariah⁴ yang menetapkan bahawa menyerahkan anak kepada orang bukan Islam adalah satu kesalahan Syariah. Mungkin juga terdapat anak orang Islam diserahkan kepada orang bukan Islam, tetapi identiti sebenar ibubapa kanak-kanak itu tidak diketahui dan tidak dapat didakwa di bawah Enakmen Jenayah Syariah tersebut. Walau apapun, kanak-kanak Islam itu perlulah dijaga kebajikan agamanya dan tidak boleh anak tersebut terus dijaga oleh orang bukan Islam. Persoalannya adakah anak yang diserahkan kepada orang bukan

⁴ Seksyen 35 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995: *Mananya orang yang menjual memberikan atau menyerahkan anaknya atau kanak-kanak di bawah peliharannya kepada seseorang yang tidak beragama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut berkenaan dengan anak atau kanak-kanak itu.*

Islam itu boleh diklasifikasikan sebagai anak *laqit?* Dicadangkan supaya suatu peraturan berkaitan anak pungut ini digubal. Hal ini tidaklah bertentangan dengan undang-undang Negara kerana perkara berkaitan kebijakan dan perlindungan kanak-kanak telah termaktub di dalam Senarai Bersama.

c. Hasil Wang Haram (Judi, Riba' dll.)

Hasil wang haram atau tidak *syarie*, secara mudahnya bolehlah ditakrifkan sebagai apa-apa harta yang diperolehi oleh seseorang Islam dengan jalan yang tidak sah mengikut hukum syarak. Sebagai contoh, wang hasil perjudian, muamalat riba', penipuan (*gharar*), *ihtikar* dll. Hasil pendapatan haram ini tidak boleh digunakan oleh orang yang memilikinya kerana ia diperolehi atas dasar maksiat, penindasan dan kezaliman. Cara terbaik bermuamalah dengan wang haram ini ialah dengan menyerahkannya kepada Baitulmal untuk diaghikhan semula kepada umat Islam dengan cara yang halal dan sesuai.

Harta tidak *syarie* ini mungkin boleh wujud di sebalik aplikasi Enakmen Jenayah Syariah yang memperuntukkan perbuatan berjudi sebagai satu kesalahan.⁶ Dicadangkan supaya hasil daripada perjudian ini diisyihar sebagai harta tidak *syarie* dan diserahmilik atau terletak hak kepada Baitulmal. Untuk tujuan itu, undang-undang jenayah syariah berkaitan kesalahan berjudi perlulah diperbaiki untuk membolehkan Mahkamah mengisyiharkan harta tersebut sebagai harta tidak *syarie*. Ini wajar dilakukan untuk mencegah perbuatan judi berleluasa.

Contohnya si A memenangi suatu skim perjudian dengan ganjaran RM10,000. Dia telah didakwa dan dikenakan denda maksimum RM3,000.00. Maka baki RM7,000.00 hasil perjudian sepatutnya diserahterahkan kepada Baitulmal melalui perintah Mahkamah.

Konsep bahawa Baitulmal adalah tabung untuk membersihkan harta (*tazkiyah al-amwal*) yang diperolehi oleh umat Islam secara tidak

⁶ Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003, Seksyen 17

halal supaya menjadi halal semula, perlulah diketengahkan. Jika tidak maka harta yang diperolehi secara haram akan terus menjadi mudarat kepada individu umat Islam yang terlibat. Manakala umat Islam yang lain pula terus tidak terdorong untuk meninggalkan pekerjaan haram.

Selain daripada judi, melakukan riba' atau gharar dalam muamalat juga perlulah ditetapkan sebagai suatu kesalahan jenayah syariah. Ini penting supaya hasil daripada kesalahan itu boleh diisythihar sebagai harta tidak syarie dan boleh diserah milik kepada Baitulmal. Tanpa penguatkuasaan undang-undang, harta tidak syarie ini hanya dapat diserah kepada Baitulmal secara sukarela sahaja.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-3 bertarikh 21 Januari 1971

Keputusan tersebut dengan jelas menyatakan: "Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan seseorang Muslim dalam mana-mana bank harus diterima olehnya atas alasan kerana kecemasan itu juga, tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam Baitulmal atau untuk kegunaan maslahat umum".

d. Harta Pusaka Tak Berwaris Atau Tak Di'asabah

Setakat ini tidak terdapat peruntukan yang nyata untuk Baitulmal membuat tuntuan terhadap harta pusaka orang Islam. Walau bagaimanapun secara amalinya, perkara ini telahpun diamalkan. Ini berikutan adanya bidangkuasa Mahkamah Syariah bagi menentukan bahagian harta pusaka yang berhak diterima oleh seseorang ahli waris. Atas faktor itu, lazimnya Baitulmal akan diberi hak menuntut lebihan faraid dengan dijadikan sebagai Responden dalam permohonan pembahagian harta pusaka.

Namun begitu adalah perlu perkara ini diperuntukkan melalui undang-undang supaya tidak timbul kecaburan dalam menentukan hak Baitulmal terutama dalam kes wujudnya baki pusaka yang tidak teragih. Jika menurut hukum syarak, terdapat *khilaf* dalam menentukan ke manakah lebihan harta pusaka boleh dibahagikan

sama ada kepada ahli fardu, *zawil arham* atau Baitulmal. Justeru dengan adanya peruntukan atau peraturan yang dicadangkan ini, Baitulmal lebih mampu bertindak proaktif untuk memulakan tuntutan dan menjadi pihak Pemohon dalam sesuatu kes pembahagian harta pusaka.

e. Harta Yang Dilucut Hak Daripada Pesalah Murtad

Menurut hukum syarak, seseorang yang telah murtad dan enggan bertaubat akan berhak dilucutkan hartanya. Setelah kematiannya, harta tersebut tidak boleh dipusakai oleh warisnya yang beragama Islam mahupun bukan Islam. Sebaliknya ia terletak hak kepada Baitulmal.

Perkara ini perlulah dijadikan suatu undang-undang supaya setidak-tidaknya bakal-bakal pesalah murtad akan berfikir 2 kali sebelum mereka meneruskan niatnya untuk murtad. Rasional di sebalik hukuman ini juga perlulah diperjelaskan supaya ia dapat diterima oleh masyarakat yang masih jahil tentang Islam.

Dalam hal ini, Perkara 13 (Hak Terhadap Harta) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan seperti berikut:

- (1) *Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang.*
- (2) *Tiada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi.*

Kajian perlu dibuat untuk membolehkan harta orang yang disabitkan kesalahan murtad dilucutkahkan sepertimana Akta Dadah Berbahaya boleh memperuntukkan kuasa untuk merampas harta terhadap orang yang melakukan kesalahan mengedar dadah.

Jika ia berkaitan dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah), maka Akta itu perlulah dipinda dan ditingkatkan sepertimana yang dibentangkan dalam Mesyuarat Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak/Sivil Kali ke 18 pada April 2008 di Seremban.

f. Hasil Denda *Ta'zir* bagi Kesalahan Jenayah Syariah

Selama ini, hasil denda daripada kesalahan jenayah syariah adalah menjadi hasil Kerajaan Negeri. Mungkin Baitulmal patut memikirkan cara bagaimana hasil tersebut boleh dijadikan salah satu hasil Baitulmal. Ini kerana kesalahan-kesalahan yang mewujudkan denda itu adalah kesalahan berkaitan agama Islam. Sebagai contoh denda bagi kesalahan berjudi, menceroboh tanah wakaf, tidak membayar zakat dan sebagainya.

g. Harta Rampasan / Lucut Hak Berkaitan Jenayah Syariah

Sebahagian kesalahan jenayah syariah adalah berkaitan dengan harta. Sebagai contoh hasil yang diperolehi daripada sesuatu kesalahan jenayah syariah seperti hasil riba' dan judi serta peralatan yang digunakan untuk melakukan kesalahan jenayah. Baitulmal patut juga memikirkan jalan bagaimanakah harta-harta tersebut dapat dilucutah daripada pemiliknya dan dijadikan hak Baitulmal. Langkah ini amat berkesan dalam mencegah kesalahan berjudi yang berleluasa dalam kalangan orang Islam.

h. Agihan Daripada Hasil Wakaf, Zakat & Amanah dll.

Dicadangkan supaya sebahagian daripada manfaat wakaf am dan khas, agihan amil zakat, serta akaun wang amanah boleh diagihkan kepada Baitulmal atas dasar usaha dan tugasnya dalam mengurus dan mentadbir akaun harta tersebut. Tanpa harta tersebut ditadbir dengan baik sudah tentu manfaat harta tersebut tidak akan dapat dikecapi. Justeru adalah perlu Baitulmal diberi penghargaan atas usahanya memelihara harta tersebut dari segi perakaunan, pentadbiran, pengauditan, undang-undang dan lain-lain yang dilakukan oleh bahagian-bahagian di Majlis Agama Islam negeri. Ini memerlukan kajian lanjut dan mungkin juga kepada pandangan fatwa bagi menentukan barapakah bahagian yang layak diterima oleh Baitulmal daripada manfaat harta tersebut.

i. Penyelesaian Hutang Si Mati Yang Tidak Berharta dan Tidak Berwaris

Menurut hukum syarak, hutang adalah menjadi hak mutlak kepada pemberi hutang (pemutang). Menurut hukum syarak, jika orang yang berhutang meninggal dunia tanpa harta atau dengan harta yang tidak mencukupi untuk membayar hutangnya, maka hutang itu berpindah

kepada warisnya. Namun jika ia tidak meninggalkan waris, maka hutang itu berpindah kepada Baitulmal. Sejauh manakah kesediaan Baitulmal dalam melaksanakan perkara ini dengan kekuatan yang ada sekarang?

j. Agihan dalam bentuk Penunaian Kifarat, Diat, Fidyah, Nazar dll. Bagi Pihak Yang Mati Tanpa Harta dan Waris

Kifarat, Diat, Fidyah dan hutang nazar sebahagiannya mungkin berbentuk harta yang wajib ditunaikan. Bagi seseorang Islam yang mati tanpa harta dan waris, namun diketahui mempunyai hutang seperti di atas, maka menurut hukum syarak Baitulmal berkewajipan menunaikan kewajipan itu.

Sebagai contoh si A yang telah uzur dan tidak mampu berpuasa 2 bulan, mempunyai hutang *kifarah zihar* iaitu memberi makanan kepada 60 orang miskin. Dalam hidupnya ia sempat mencapai tahap berkemampuan menunaikannya tetapi ia telah melengahkan hutang tersebut sehingga ia mati. Pada hari kematianya ia tidak lagi memiliki harta dan tidak mempunyai waris. Dalam hal ini kewajipan kifarat memberi makanan kepada 60 orang miskin boleh berpindah kepada Baitulmal. Maka Baitulmal berkewajipan mengeluarkan 60 cupak makanan kepada 60 orang miskin. Adalah dicadangkan supaya kaedah khusus dapat dibuat untuk memudahkan pelaksanaan kewajipan ini.

k. Agihan Khas Untuk Manfaat orang Bukan Islam

Selain daripada agihan kepada Kerajaan Negeri, dicadangkan juga supaya suatu peruntukan khas daripada Baitulmal dibelanjakan untuk golongan bukan Islam Zimmi (bukan muallaf). Sebagai contoh memberi makanan halal percuma, pakaian menutup aurat percuma, buku mengenai agama Islam, bahan bacaan umum dan lain-lain. Ini perlu dilakukan bagi menyampaikan mesej dakwah dan keadilan Islam kepada semua pihak.

I. Agihan Dalam Bentuk Agihan Semula Zakat Kepada Asnaf Yang Layak

Agihan semula zakat merujuk kepada keadaan di mana terdapat lebihan zakat dalam sesuatu tahun yang tidak diagihkan. Kebiasaannya

lebihan zakat ini akan diserah kepada Baitulmal. Setelah ia diserah kepada Baitulmal, maka wajarlah Baitulmal membuat agihan semula wang zakat tersebut kepada pihak yang berhak sama ada atas kapasiti penerima zakat atau penerima bantuan Baitulmal. Antara bakal penerima agihan yang dicadangkan pada peringkat ini ialah individu yang pernah ditolak permohonan mereka semasa memohon bantuan zakat dan individu yang pernah mendapat bantuan zakat tetapi masih tidak mencukupi paras keperluan.

STRATEGI PELAKSANAAN

- Menganjurkan seminar dengan tema memperkasa institusi Baitulmal di peringkat nasional. Pembentangan kertas kerja oleh pakar-pakar akademik, ekonomi, ahli perundangan, pegawai kanan Kerajaan, badan berkanun, dll. dengan tajuk fokus yang lebih kecil dan terperinci mengenai aspek-aspek berkaitan hasil dan agihan Baitulmal.
- Membentuk jawatankuasa kecil untuk memperhalusi cadangan dan resolusi pemerkasaan Baitulmal yang terhasil daripada seminar peringkat kebangsaan tersebut.
- Menyediakan kerangka induk untuk menstukturkan semula 3 institusi harta umat Islam yang dominan masa kini iaitu Baitulmal (dana bebas), baitulzakat (dana mesti-habis) dan baitulwakaf (dana mesti-kekalan).
- Menderaf undang-undang (Enakmen/Akta) atau peraturan-peraturan pemungutan, pentadbiran dan pembahagian harta Baitulmal selaras dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri berkaitan. Meminda atau menambah baik enakmen induk yang berkaitan supaya selari dengan peraturan-peraturan Baitulmal yang hendak digubal.
- Memberi kefahaman kepada masyarakat awam melalui media.
- Kelulusan Badan Perundangan, Pewartaan dan pelaksanaan undang-undang atau peraturan.

SARANAN DAN HARAPAN

Adalah diharapkan supaya dalam masa terdekat ini, identiti Baitulmal dapat dipulihkan sepenuhnya sebagai badan yang mendapat kepercayaan umat Islam dalam menguruskan harta amanah dsb. Sudah tiba masanya untuk Baitulmal ini diangkat menjadi orang yang mempunyai *ahliyyah kamilah* dan bukan lagi seorang yang *mahjur alaih*. Disarankan supaya satu undang-undang syarak yang seragam tentang pemungutan, pentadbiran dan pengagihan harta Baitulmal dapat digubal demi memperkasakan institusi Baitulmal. Tenaga pakar dalam jurusan ekonomi, kewangan, perbankan, percukaian, perakaunan, pengauditan, undang-undang, hukum syarak dan ilmu berkaitan perlulah melibatkan diri secara aktif dalam perkara ini. Penulis berharap agar artikel ini dapat membuka minda untuk kita sama-sama mencari jalan bagi meningkatkan kemajuan ekonomi umat Islam melalui peranan Baitulmal yang telah sekian lama terhijab di sebalik tangan-tangan penjajah.

RUJUKAN

- Akta Amanah (Kompetensi Badan Perundangan Negeri) 1949.
- D. Cahyono Nurdin, 1990, *Harta dan Jaminan Sosial Menurut Syariat Islam*, Pustaka al-Mizan: Kuala Lumpur.
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 1952.
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999.
- Ibn Taimiyyah, 2000, *al-Siyasah al-Syar'iyyah Fi Islah al-Ra'i Wa al-Ra'iyyah*, Darul Kutub al-Ilmiyyah: Beirut.
- Kanun Tanah Negara 1965.
- Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Selangor 2006-2007.
- Nik Mustapha Hj. Nik Hassan, 2003, *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*, Institut Kefahaman Islam Malaysia: Kuala Lumpur.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- Siti Mashitoh Mahamood, *Pengukuhan Institusi Mal di Malaysia: Perancangan dan Halatuju*, Jurnal Pengurusan JAWHAR, Vol. 1, No. 1 2007, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Malaysia: Putrajaya.
- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959

PERSEPSI PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA TERHADAP WASIAT

Oleh:

Dr. Arieff Salleh b. Rosman
Siti Juwariah bt. Ab. Razak

ABSTRAK

Wasiat merupakan salah satu cara merealisasikan manifestasi kebijakan selepas kematian di samping mendidik diri daripada sifat tamak dan bakhil. Ia juga merupakan kaedah yang baik dalam pengurusan harta dalam Islam. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti persepsi dan tahap kefahaman responden terhadap wasiat dan mengenal pasti persepsi responden terhadap kepentingan wasiat. Populasi kajian ini terdiri daripada keseluruhan pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) Universiti Teknologi Malaysia seramai 174 orang. Pemilihan sampel secara rawak mudah telah dilakukan dan seramai 122 responden terlibat dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi 40 soalan. Analisis secara deskriptif menggunakan Statistical Package For Social Science (SPSS) for window version 13.00 telah digunakan untuk mendapat nilai kekerapan, peratusan dan min. Min bagi persepsi pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) terhadap wasiat ialah 3.49. Manakala, bagi tahap kefahaman responden terhadap wasiat nilai minnya adalah 3.37. Min bagi mengenal pasti persepsi responden terhadap kepentingan wasiat ialah 3.77. Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM terhadap wasiat berada di tahap yang sederhana.

Perkataan Teras : Wasiat; Pengurusan Harta, Hibah, Faraid, Pemilikan

Klasifikasi JEL : C10, R10, Z12

PENGENALAN

Harta merupakan amanah Allah S.W.T. Fitrahnya, harta diperlukan oleh manusia untuk memenuhi keperluan hidup. Hal ini mendorong seseorang untuk memperolehinya dan memanfaatkannya. Umat Islam digalakkan agar mencari dan mengumpul harta daripada sumber yang halal untuk kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat. Islam mencadangkan agar lebih harta digunakan untuk kebaikan dan kebajikan sama ada kepada kaum kerabat, jiran, individu tertentu atau kepada masyarakat. Lebih banyak harta yang dibelanjakan ke jalan Allah S.W.T., maka lebih banyak faedah baginya di dunia dan akhirat. *“Dunia ini diibaratkan sebagai kebun kepada kita di akhirat. Dunia merupakan kebun bagi menuai hasilnya di akhirat kelak.”* (al-Asqalani, 1379H:11/230).

Allah S.W.T. berfirman dalam surah al-Qasas ayat 77, yang bermaksud, “Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia”.

Ayat tersebut menjelaskan, seseorang itu perlu berusaha mencari harta dengan harta yang telah dilimpahkan Allah S.W.T. kepadanya dengan mengerjakan amal kebajikan yang mendatangkan pahala dan membawa keselamatan di dunia dan di akhirat. Dalam pada itu, janganlah ia melupakan bahagiannya dalam dunia untuk merasai kesenangannya sebelum dapat merasai kesenangan yang kekal di akhirat (Abdullah Basmeih, 1980: 999-1000).

Sehubungan dengan itu, harta boleh dijadikan alat untuk menyerlahkan sifat keihsanan seseorang dan juga memperkuuh silaturrahim antara saudara mara. Sedekah juga merupakan bekalan untuk manusia di akhirat kelak. Sedekah boleh disalurkan melalui hibah dan wasiat.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini dilakukan berpusatkan kepada dua masalah utama iaitu isu kepentingan wasiat dalam kehidupan manusia dan isu kekeliruan antara wasiat, hibah dan faraid.

Kepentingan wasiat dalam kehidupan manusia

Pemilikan harta dalam Islam diiringi dengan konsep tanggungjawab. Konsep pemilikan harta dalam Islam ialah sebagai pemegang amanah bertanggungjawab mengurus dan mentadbir harta sebaik mungkin menurut syariat. Tanggungjawab ini termasuklah pentadbiran harta semasa hidup di dunia dan perancangan pentadbirannya selepas kematian iaitu dengan merancang wasiat.

Sememangnya setiap hukum yang ditentukan oleh Allah S.W.T. mempunyai hikmahnya yang agung. Islam menggariskan tanggungjawab bagi setiap hak yang diberikan. Apabila seorang ketua diberi hak kuasa atas rakyatnya, beliau juga bertanggungjawab agar memerintah dengan adil dan sebaik mungkin. Apabila seseorang itu diberi ilmu oleh Allah S.W.T., beliau bertanggungjawab menyebarkan ilmu tersebut. Begitu juga dengan manusia dan harta. Harta yang Allah S.W.T. kurniakan itu bukannya hak milik manusia secara mutlak kerana dalamnya terdapat bahagian untuk mereka yang memerlukan. Ianya boleh dilaksanakan dengan berwasiat. Wasiat boleh diberikan kepada kaum kerabat yang terhalang daripada menerima faraid, anak angkat, rakan, jiran dan sesiapa yang dirasakan perlu oleh pembuat wasiat.

Menurut Ahmad Hidayat b. Buang (2002b:62), pendedahan Izham b. Yusoff iaitu Pengarah Urusan Amanah Raya Berhad (ARB) bahawa 70% daripada pelanggan yang menggunakan perkhidmatannya membuat wasiat terdiri daripada kalangan bukan Islam, menunjukkan masyarakat Islam masih kurang memahami kepentingan wasiat. Menurut beliau lagi, sambutan yang kurang memberangsangkan itu berpunca daripada kefahaman bahawa hukum faraid sudah mencukupi untuk membuat penentuan agihan harta seseorang selepas kematiannya. Tambahnya lagi, kemungkinan besar masyarakat Islam tidak mendapat maklumat yang tepat tentang kepentingan dan peranan wasiat dalam penentuan agihan harta selepas kematiannya.

Di Malaysia, jumlah orang Islam yang membuat wasiat masih terlalu rendah, iaitu hanya 5% berbanding bukan Islam berikutkan kurang kesedaran dan kefahaman tentang pentingnya untuk membuat demikian (Jami'ah bt. Shukri, 2004).

Dengan berwasiat, harta boleh disalurkan untuk manfaat negara. Menurut YB Dato' Mustapa Mohamed; ketika beliau menyandang

jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, lebih 90% umat Islam di Malaysia tidak membuat wasiat. Ini menyukarkan pembahagian harta dan pentadbirannya untuk dibahagikan kepada waris secara berkesan dan tepat. Akibatnya, negara mengalami kerugian yang besar kerana aset-aset negara tidak dapat ditadbir dengan baik dan mengakibatkan timbul masalah pertikaian hak milik. Selain itu, banyak daripada harta orang Islam yang tidak dapat dibangunkan kerana masalah pemilikan yang tidak jelas. Sedangkan potensinya adalah begitu besar sekali, jadi ini adalah satu kerugian kepada negara. Umat Islam yang meninggalkan wasiat ini jumlahnya amat kecil, tidak sampai 10% pun dan sudah pastinya kalau lebih ramai berwasiat, satu kaedah yang diterima oleh Islam, tentunya ia akan mengurangkan masalah (Utusan Malaysia, 25 Mei 2004).

Kekaburuan masyarakat hari ini terhadap wasiat masih wujud lagi. Pemahaman mereka terhadap wasiat tidak jelas. Ini kerana masih kerap berlaku kekeliruan terhadap prinsip wasiat itu sendiri, adakah dalam wasiat itu perlu melibatkan unsur-unsur harta atau tanggungjawab? Bagi penerima wasiat, adakah boleh harta diberikan kepada manusia, binatang atau waris? Mengapa perlu wasiat kerana harta akan tertakluk kepada hukum faraid? Ini diakui oleh Dr. Ismail Mohd @ Abu Hassan, Timbalan Pengarah Law Centre Ahmad Ibrahim Kulliyah Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dalam Al-Islam Mac 2003 dalam artikel bertajuk "Pengertian Wasiat dalam Islam". Beliau berkata enakmen wasiat belum ada lagi untuk orang Islam. Yang ada cuma Akta Wasiat yang terpakai kepada orang bukan Islam (Zuarida bt. Mohyin, 2003:60).

Mohd Khairuddin b. Aman Razali, dalam artikel yang bertajuk "Tiada Alasan Ijtihad Baru" dalam majalah Al-Islam Julai 2004 menjelaskan, masyarakat harus mengubah persepsi bahawa setiap harta yang ditinggalkan, bukan lagi menjadi milik si mati bahkan milik waris. Dalam masa yang sama, mereka harus menyedari bahawa setiap harta yang diperolehi adalah pemberian Allah S.W.T. dan menjadi milik Allah S.W.T. juga untuk menentukan kadarnya (Noorzila bt. Jamaludin dan Nor Shamsinor bt. Baharin, 2004:24).

Menurut Darina bt. Osman (2004:21), Pengarah Urusan Amanah Raya Berhad (ARB) iaitu Izham b. Yusoff mengatakan bahawa walaupun sistem faraid boleh menguruskan persoalan harta selepas kematian berlaku, namun tidak semestinya yang terbaik untuk waris.

Persoalan ‘siapa dapat apa’ juga akan timbul. Adakah perlu kesemua harta pemilik itu dijual semula dan kemudian diagih secara tunai kepada waris-waris yang terlibat? Beliau mengatakan, sebagai insan yang lemah akan ada yang inginkan harta dalam bentuk rumah, saham, duit tunai dan sebagainya. Mungkin ada anak-anak yang memerlukan lebih daripada yang lain? Bagaimana pula seruan Islam supaya kita memberi sedikit sedekah kepada orang lain daripada keluarga kita? Menyediakan wasiat bukan untuk orang kaya raya sahaja dan ini merupakan persepsi yang salah yang telah berakar umbi dalam masyarakat. Selain itu, tahap kesedaran yang rendah terhadap wasiat di kalangan masyarakat luar bandar kerana tahap pendidikan yang mereka terima.

Menurut Ahmad Hidayat b. Buang (2005:154), persoalan wasiat tidak mendapat perhatian yang sama seperti pusaka kerana peratusan orang Islam terutama orang Melayu Islam membuat wasiat terlalu kecil bilangannya. Agihan harta orang Melayu Islam selepas kematian lazimnya adalah secara tidak berwasiat.

Sehubungan itu, wasiat dapat membantu ahli waris yang terhalang menerima faraid menerima harta daripada pemberi wasiat supaya ahli waris tersebut dapat hidup dengan lebih baik dari sebelumnya. Ianya juga dapat menghalang bagi ahli yang bukan waris mengambil sesuatu yang bukan haknya. Wasiat dapat menjauhkan perasaan iri hati dan dendki-berdengki antara waris dan bukan waris. Selain itu, ianya dapat menjaga kebijakan seseorang Muslim dan dapat mempertingkatkan amalannya untuk akhirat. (Musa, 1994:4)

Oleh itu, betapa pentingnya seseorang manusia yang berkemampuan itu membuat wasiat agar dengan berwasiat dia dapat bersedekah, dapat memberikan sebahagian hartanya kepada orang yang dirasakan perlu, yang terdiri daripada mereka yang bukan dari ahli warisnya dan di samping menambahkan pahalanya.

Kekeliruan Antara Wasiat, Hibah dan Faraid

Ada yang menganggap bahawa wasiat boleh dijalankan walaupun ianya bercanggah dengan syarak. Apabila isu harta ditimbulkan, ada juga yang menganggap harta yang ada pada seseorang individu itu boleh disampaikan kepada waris dan bukan waris tanpa had tertentu. Di sini, terdapat kekeliruan antara wasiat, hibah dan faraid.

Menurut Noraida bt. Arifin (2004:22), pembahagian harta pusaka dalam masyarakat kita sering kali menimbulkan pelbagai masalah dan kadang kala perbalahan antara para anggota keluarga si mati. Perbalahan ini sering kali berkisar tentang cara mana pembahagian itu dilakukan dan sebanyak mana pusaka atau harta benda itu perlu diwariskan kepada mereka yang berhak. Walaupun Islam mempunyai kaedah pembahagian pusaka mengikut faraid tetapi ramai yang masih belum memahaminya. Akibatnya, timbul pelbagai tanggapan yang salah berkaitan hukum dan sistem pembahagian pusaka tersebut, khususnya berkenaan siapakah yang berhak menerima pusaka, berapa bahagian yang perlu dipusatkan serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti wasiat, hibah, hutang si mati, belanja pengurusan pengebumian dan sebagainya.

Beberapa kes yang pernah berlaku membuktikan bahawa masyarakat Islam di Malaysia sebahagian besarnya masih lagi keliru antara wasiat, hibah dan faraid. Contohnya seperti kes-kes berikut: *Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Negeri Sembilan lwn Faridah Chin dan Seorang lagi JH* (1417) 195; *Siti bt. Yatim lwn Mohamed Nor b. Bujai* [1983] 1B MLJ 34; *Amanullah b. Haji Ali Hassan lwn Hajjah Jamilah bt. Sheikh Madar* [1975] 1 MLJ 30; *Re Man b. Mihat* [1965] 2 MLJ 1; *Wan Puziah bt. Wan Awang lwn Wan Abdullah b. Muda* dan seorang lagi JH (1422) 235; *Re Ismail b. Rentah lwn Liah bt. Lerong* dan 3 yang lain [1940] 9 MLJ 98.

PERNYATAAN MASALAH

Masyarakat pada hari ini masih kabur dan keliru berkaitan wasiat ini. Kekeliruan sering timbul antara wasiat, hibah dan faraid. Selain itu, sebahagian masyarakat juga kurang kesedaran tentang kepentingan wasiat. Bahkan sebahagian besar masyarakat tidak mempunyai pengetahuan tentang ilmu wasiat di samping tidak memahami berkenaan hal ehwal wasiat.

Sehubungan dengan itu, adalah amat penting kepada kita untuk mengetahui tentang wasiat agar tidak terdapat sebarang kekeliruan dan permasalahannya di hari kemudian.

TUJUAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui persepsi pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia terhadap wasiat.
2. Mengenal pasti tahap kefahaman pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia terhadap wasiat.
3. Mengetahui persepsi pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia terhadap kepentingan wasiat.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif. Penyelidik menggunakan metod soal selidik sebagai instrumen untuk menjayakan kajian ini. Soal selidik ini, merupakan soalan-soalan jenis tertutup untuk dijawab oleh semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Semua data yang diperolehi dianalisis secara kuantitatif.

Kajian ini dijalankan di Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS) Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor kerana kajian yang dibuat berbentuk dalaman. Populasi kajian ini adalah pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) Universiti Teknologi Malaysia sesi 2008/2009 iaitu seramai 174 orang. Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar tahun 1, 2 dan 4 Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) bagi sesi I 2008/2009 di Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS) Universiti Teknologi Malaysia iaitu seramai 122 orang. Kaedah persampelan yang digunakan ialah gabungan antara rawak mudah dan sampel kelompok atas kelompok. Kajian hanya terbatas kepada responden yang menjadi gambaran keseluruhan pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM.

Soal selidik yang digunakan dibina sendiri oleh penyelidik. Ia dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A berkaitan latar belakang responden yang mengandungi 5 item. Bahagian B berkaitan persepsi pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) terhadap wasiat yang mengandungi 8 item. Bahagian C berkaitan tahap kefahaman pelajar Sarjana Muda Sains serta

Pendidikan (Pengajian Islam) terhadap wasiat yang mengandungi 15 item. Dan bahagian D berkaitan persepsi pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) terhadap kepentingan wasiat yang mengandungi 12 item. Bahagian B hingga D, skala jawapan yang digunakan adalah berdasarkan 5 skala Likert iaitu sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan item soal selidik, penyelidik telah melakukan kajian rintis dan hasilnya ialah alpha 0.718.

Data yang terkumpul melalui set soal selidik telah diproses dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Jangka masa kajian ini ialah selama lapan bulan; bermula dari bulan Januari 2008 hingga September 2008.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga berdasarkan objektif kajian. Sebelum dibincangkan dapatan tersebut, perlu dijelaskan bahawa pembahagian skor atau markah bagi setiap tahap adalah seperti berikut:-

1. Setelah dianalisis, rumusan dapatan bagi item positif akan dibahagikan skala kepada 3 berbanding 5 sebelum ini seperti skala sangat setuju, setuju dikategorikan kepada positif, tidak pasti dikategori sebagai neutral dan kategori negatif kepada skala tidak setuju dan sangat tidak setuju. Ini dapat dilihat dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Skala Item Positif

| Skala | Tahap |
|--|---------|
| Sangat Tidak Setuju (STS) dan Tidak Setuju (TS) | Negatif |
| Tidak Pasti (TP) | Neutral |
| Sangat Setuju (SS) dan Setuju (S) | Positif |

Manakala bagi item negatif seperti **Jadual 2**, skala sangat tidak setuju dan tidak setuju dikategorikan kepada tahap positif, tidak pasti kepada neutral dan bagi sangat setuju dan setuju dikategorikan kepada negatif.

Jadual 2: Skala Item Negatif

| Skala | Tahap |
|--|---------|
| Sangat Tidak Setuju (STS) dan Tidak Setuju (TS) | Positif |
| Tidak Pasti (TP) | Neutral |
| Sangat Setuju (SS) dan Setuju (S) | Negatif |

- Hasil analisis akan ditentukan sama ada berada di tahap skor min rendah, sederhana dan tinggi. Seperti **Jadual 3**, apabila skor min mencatat 1.00 hingga 2.33 maka tahapnya rendah. Manakala bagi tahap sederhana min hendaklah antara 2.34 hingga 3.67. Bagi min tahap di tahap tinggi min hendaklah 3.68 sehingga 5.00.

Jadual 3: Tahap Skor Min

| Skor Min | Tahap |
|-----------|-----------|
| 1.00-2.33 | Rendah |
| 2.34-3.67 | Sederhana |
| 3.68-5.00 | Tinggi |

Persepsi Pelajar IPT Terhadap Wasiat

Jadual 4: Rumusan dapatan kajian terhadap persepsi pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) terhadap wasiat

(*item berbentuk negatif telah diubah skor kepada positif)

| No | Item | Positif | | Neutral | | Negatif | | Min |
|-----|---|---------|------|---------|------|---------|------|-------------|
| | | K | % | K | % | K | % | |
| 1. | Wasiat bermaksud pemberian seseorang kepada seseorang, di mana wasiat dibuat semasa pewasiat hidup dan dilaksanakan selepas kematian pewasiat. Pemberian itu hendaklah bermanfaat kepada penerima wasiat. | 122 | 100 | - | - | - | - | 4.60 |
| 2.* | Wasiat merangkumi akad yang mengandungi pemberian hak milik oleh seseorang terhadap hartanya kepada seseorang yang lain ketika pemilik harta itu masih hidup dengan tidak mengharapkan balasan. | 17 | 13.9 | 13 | 10.7 | 92 | 75.4 | 2.13 |
| 3. | Hukum asal wasiat adalah sunat. | 64 | 52.5 | 52 | 42.6 | 6 | 4.9 | 3.65 |
| 4. | Hukum berwasiat untuk membayar hutang adalah wajib. | 94 | 77 | 23 | 18.9 | 5 | 4.1 | 4.18 |

| No | Item | Positif | | Neutral | | Negatif | | Min |
|-------------------------------|---|---------|------|---------|------|---------|------|-------------|
| | | K | % | K | % | K | % | |
| 5.* | Harta wasiat adalah harta yang ditinggalkan oleh si mati selepas kematiannya untuk diberikan kepada ahli waris. | 33 | 27.1 | 6 | 4.9 | 83 | 68.0 | 2.45 |
| 6.* | Tujuan wasiat untuk mengetahui bahagian pusaka yang berhak diterima oleh pewaris. | 41 | 33.6 | 18 | 14.8 | 63 | 51.6 | 2.81 |
| 7. | Harta yang diwasiatkan mestilah harta yang milik sempurna. | 114 | 93.4 | 5 | 4.1 | 3 | 2.5 | 4.33 |
| 8. | Harta wasiat boleh diberikan kepada bukan waris, rakan, jiran dan orang yang dirasakan perlu. | 87 | 71.3 | 16 | 13.1 | 19 | 15.6 | 3.77 |
| Purata Min Keseluruhan | | | | | | | | 3.49 |

Jadual 4 item 1 menunjukkan 100% responden iaitu seramai 122 orang responden bersetuju dengan pernyataan item ini iaitu “Wasiat bermaksud pemberian seseorang kepada seseorang, di mana wasiat dibuat semasa pewasiat hidup dan dilaksanakan selepas kematian pewasiat. Pemberian itu hendaklah bermanfaat kepada penerima wasiat.” Min bagi item ini adalah tinggi iaitu 4.60.

Bagi item 2 pula seramai 17 responden (13.9%) tidak bersetuju dengan item ini, 13 responden (10.7%) tidak pasti dan 92 responden (75.4%) bersetuju dengan pernyataan ini. Min bagi item ini adalah 2.13.

Pernyataan “Hukum asal wasiat adalah sunat” mencatat seramai 64 responden (52.5%) bersetuju dengan item 3 ini, 52 responden (42.6%) tidak pasti dengan pernyataan ini dan bakinya iaitu 6 responden (4.9%) tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 3.65.

Sementara bagi item 4, 94 responden (77%) bersetuju, 5 responden (4.1%) tidak bersetuju dan 23 responden (18.9%) tidak pasti dengan pernyataan “Hukum berwasiat untuk membayar hutang adalah wajib.” Min bagi item di atas adalah 4.18.

Bagi item 5, 83 responden (68.0%) bersetuju. Manakala 6 responden (4.9%) tidak pasti dan 33 responden (27.1%) tidak bersetuju. Min item ini ialah 2.45.

Masih dalam **Jadual 4**, item 6 mencatat 41 responden (33.6%) tidak bersetuju. 18 responden (14.8%) tidak pasti dan 63 responden (51.6%) bersetuju dengan item ini. Min item 6 adalah 2.81.

Item seterusnya iaitu item 7 merekodkan seramai 114 responden (93.4%) bersetuju. 5 responden (4.1%) tidak pasti dan selebihnya 3 responden (2.5%) tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 4.33.

Item yang terakhir bagi Jadual 4 mencatat seramai 19 responden (15.6%) tidak bersetuju, 87 responden (71.3%) bersetuju dan 16 responden (13.1%) tidak pasti dengan item ini. Min bagi item 8 adalah 3.77.

Item 1 menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.60, manakala item 2 dalam Jadual 4 ini mencatat min yang terendah iaitu dengan nilai min 2.13.

Min keseluruhan bagi persepsi pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM terhadap wasiat ialah 3.49. Sehubungan dengan itu, persepsi pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM terhadap wasiat berada di tahap kurang jelas iaitu di tahap sederhana.

Tahap Kefahaman Pelajar IPT Terhadap Wasiat

Jadual 5 : Rumusan dapatan kajian terhadap tahap kefahaman pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) terhadap wasiat

(*item berbentuk negatif telah diubah skor kepada positif)

| No | Item | Positif | | Neutral | | Negatif | | Min |
|-----------|---|----------------|----------|----------------|----------|----------------|----------|-------------|
| | | K | % | K | % | K | % | |
| 9.* | Saya memberi wasiat kepada ahli waris untuk menolongnya. | 30 | 24.6 | 24 | 19.7 | 68 | 55.8 | 2.69 |
| 10. | Kadar harta yang boleh diwasiatkan adalah 1/3 daripada harta yang dimiliki. | 76 | 62.3 | 40 | 32.8 | 6 | 4.9 | 3.79 |
| 11.* | Sah mewasiatkan harta melebihi 1/3 jika si mati tidak mempunyai waris. | 7 | 5.7 | 67 | 54.9 | 48 | 39.3 | 2.59 |
| 12. | Sekiranya saya ingin berwasiat, saya akan utamakan orang lain yang bukan dari ahli waris. | 43 | 35.2 | 17 | 13.9 | 62 | 50.8 | 2.72 |
| 13. | Sebagai seorang datuk, lebih utama dia memberi wasiat kepada cucunya yang sudah kematian ibubapa. | 78 | 63.9 | 31 | 25.4 | 13 | 10.7 | 3.71 |
| 14 | Salah satu cara berwasiat adalah dengan menulis surat wasiat. | 112 | 91.8 | 6 | 4.9 | 4 | 3.3 | 4.17 |
| 15. | Wasiat memerlukan saksi sebagai bukti wasiat itu sah. | 115 | 94.2 | 4 | 3.3 | 3 | 2.5 | 4.24 |

| No | Item | Positif | | Neutral | | Negatif | | Min |
|------|--|---------|------|---------|------|---------|------|-------------|
| | | K | % | K | % | K | % | |
| 16. | Makruh berwasiat sekiranya pewasiat dari kalangan kurang berada dan dalam masa yang sama memiliki waris miskin yang memerlukan harta. | 50 | 41 | 56 | 45.9 | 16 | 13.1 | 3.43 |
| 17.* | Sah berwasiat untuk bayi yang akan dikandung. | 40 | 32.8 | 56 | 45.9 | 26 | 21.3 | 3.23 |
| 18. | Wasiat sah apabila pewasiat mengatakan bahawa dia mewasiatkan salah satu daripada ladangnya dan dia tidak menyatakan ladang tertentunya. | 29 | 23.5 | 45 | 36.9 | 48 | 14.8 | 2.73 |
| 19. | Lafaz wasiat "ghair sorih"(tidak jelas) perlu diikuti dengan niat yang jelas. Contoh: "Kereta ini untuk kawan saya, Zaini." | 71 | 58.2 | 42 | 34.4 | 9 | 7.4 | 3.61 |
| 20.* | Latip mewasiatkan rumah di hujung kampung, kemudian dia telah menukar rumah tersebut menjadi bangunan kedai. Wasiat tersebut masih sah. | 13 | 10.6 | 58 | 47.5 | 51 | 41.8 | 2.62 |
| 21. | Kadar harta yang diwasiatkan, dinilai jumlahnya setelah kematian pewasiat. | 69 | 56.5 | 38 | 31.1 | 15 | 12.3 | 3.52 |

| No | Item | Positif | | Neutral | | Negatif | | Min |
|-------------------------------|--|---------|------|---------|------|---------|-------------|-------------|
| | | K | % | K | % | K | % | |
| 22. | Sebagai "waris si mati" yang berwasiat, pembayaran hutang dan pembahagian wasiat hendaklah diutamakan. | 03 | 84.4 | 18 | 14.8 | 1 | 0.8 | 4.20 |
| 23. | Wasiat terbatal sekiranya pewasiat gila sebelum kematianya. | 51 | 41.8 | 52 | 42.6 | 19 | 15.6 | 3.35 |
| Purata Min Keseluruhan | | | | | | | 3.37 | |

Merujuk **Jadual 5** item 9, seramai 30 responden (24.6%) tidak bersetuju, 24 responden (19.7%) tidak pasti dan 68 responden (55.8%) bersetuju dengan item ini. Min bagi keseluruhan item ini adalah 2.69.

Seterusnya bagi item 10, 76 responden (62.3%) bersetuju, 6 responden (4.9%) tidak bersetuju dan 40 responden (32.8%) tidak pasti dengan pernyataan bahawa kadar harta yang boleh diwasiatkan adalah 1/3 daripada harta yang dimiliki. Min item ini ialah 3.79.

Bagi item 11, seramai 7 responden (5.7%) tidak bersetuju. Sementara 67 responden (54.9%) lagi tidak pasti dan bakinya seramai 48 responden (39.3%) bersetuju. Min bagi item 11 adalah 2.59.

Manakala bagi item 12, 43 responden (35.2%) bersetuju dan 62 responden (50.8%) tidak bersetuju bahawa sekiranya responden ingin berwasiat, mereka akan mengutamakan orang lain yang bukan dari ahli waris. 17 responden (13.9%) tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Min item ini ialah 2.72.

Item seterusnya item 13 mencatat seramai 78 responden (63.9%) bersetuju, 31 responden (25.4%) tidak pasti dan 13 responden (10.7%) tidak bersetuju. Min bagi item ini adalah 3.71.

Pernyataan “Salah satu cara berwasiat adalah dengan menulis surat wasiat” mencatat majoriti responden iaitu 112 responden (91.8%) bersetuju dengan pernyataan ini. 6 responden (4.9%) tidak pasti dan 4 responden (3.3%) tidak bersetuju. Min item ini adalah 4.17.

Bagi item 15 pula, 115 responden (94.2%) bersetuju. 4 responden (3.3%) tidak pasti dan 3 responden (2.5%) tidak bersetuju. Minnya ialah 4.24.

Sementara bagi item 16 pula, seramai 50 responden (41%) bersetuju, 16 responden (13.1%) tidak bersetuju dan selebihnya 56 responden (45.9%) tidak pasti. Min item ini ialah 3.43.

Pernyataan item 17, seramai 26 orang responden (21.3%) bersetuju dengan kenyataan ini, 56 orang responden (45.9%) tidak pasti dan seramai 40 orang responden (32.8%) yang tidak bersetuju. Min bagi item ini adalah 3.23.

Bagi item 18, seramai 29 responden (23.5%) bersetuju dengan kenyataan ini iaitu wasiat sah apabila pewasiat mengatakan bahawa dia mewasiatkan salah satu daripada ladangnya dan dia tidak menyatakan ladang tertentunya, 45 orang responden (36.9%) tidak pasti dan 48 responden (14.8%) tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 2.73.

Bagi item 19, seramai 71 responden (58.2%) bersetuju dengan kenyataan “Lafaz wasiat “ghair sorih” (tidak jelas) perlu diikuti dengan niat yang jelas. Contoh: “Kereta ini untuk kawan saya, Zaini”. Sementara itu, 42 responden (34.4%) tidak pasti dan 9 responden (7.4%) tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 3.61.

Bagi item 20, 13 responden (10.6%) tidak bersetuju, 58 responden (47.5%) mencatat tidak pasti dan 51 responden (41.8%) bersetuju dengan pernyataan item 20. Min item ini ialah 2.62.

Seterusnya bagi pernyataan “Kadar harta yang diwasiatkan, dinilai jumlahnya setelah kematian pewasiat,” seramai 69 responden (56.5%) bersetuju, 15 responden (12.3%) tidak bersetuju, dan 38 responden (31.1%) tidak pasti. Nilai min bagi item 21 ialah 3.52.

Item 22 pula mencatatkan seramai 103 responden (84.4%) bersetuju, 18 responden (14.8%) tidak pasti dan seorang responden (0.8%) tidak bersetuju. Min item ini ialah 4.20.

Bagi pernyataan yang terakhir bagi jadual 6.5 mencatatkan seramai 51 responden (41.8%) bersetuju dengan pernyataan item 23, 19 responden (15.6%) tidak bersetuju dan 52 responden (42.6%) tidak pasti. Min item 23 ini ialah 3.35.

Daripada Jadual 5, item 15 iaitu "Wasiat memerlukan saksi sebagai bukti wasiat itu sah" mencatat nilai min yang tertinggi iaitu 4.24, sementara itu, item 11 mencatat nilai min terendah iaitu 2.59.

Min keseluruhan bagi hasil dapatan kajian terhadap tahap kefahaman pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM terhadap wasiat ialah 3.37. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM kurang memahami terhadap wasiat dengan nilai min berada di tahap yang sederhana.

Persepsi Pelajar IPT Terhadap Kepentingan Wasiat

Jadual 6: Rumusan dapatan kajian terhadap persepsi pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) terhadap kepentingan wasiat

(*item berbentuk negatif telah diubah skor kepada positif)

| No | Item | Positif | | Neutral | | Negatif | | Min |
|-----|--|---------|------|---------|------|---------|-----|-------------|
| | | K | % | K | % | K | % | |
| 24. | Saya berhasrat untuk mengamalkan wasiat. | 85 | 69.7 | 36 | 29.5 | 1 | 0.8 | 3.86 |
| 25. | Faktor utama saya berwasiat kerana ianya tuntutan agama. | 91 | 74.6 | 22 | 18.0 | 9 | 7.4 | 3.88 |

| No | Item | Positif | | Neutral | | Negatif | | Min |
|------|---|---------|------|---------|------|---------|------|-------------|
| | | K | % | K | % | K | % | |
| 26. | Jika saya memiliki harta yang banyak, saya akan memberikan kepada mereka yang miskin. | 108 | 88.5 | 13 | 10.7 | 1 | 0.8 | 4.13 |
| 27. | Dengan berwasiat, kita dapat melakukan amal jariah. | 110 | 90.2 | 11 | 9.0 | 1 | 0.8 | 4.23 |
| 28.* | Wasiat tidak perlu, cukup dengan pembahagian harta pusaka yang telah ditetapkan oleh Islam. | 53 | 43.5 | 37 | 30.3 | 32 | 26.3 | 3.21 |
| 29. | Tanpa wasiat, waris muda akan teraniaya dan tertindas jika harta jatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab. | 85 | 69.7 | 20 | 16.4 | 17 | 14.0 | 3.72 |
| 30. | Tidak berwasiat menyebabkan aset-aset negara tidak dapat ditadbir dengan baik. | 60 | 49.2 | 44 | 36.1 | 18 | 14.7 | 3.45 |
| 31. | Wasiat dapat mempercepatkan proses penyelesaian harta pusaka dalam urusan pembahagian harta pusaka. | 78 | 63.9 | 33 | 27.0 | 11 | 9.0 | 3.70 |
| 32. | Wasiat memberi peluang membuat pertimbangan agihan harta yang baik kepada waris. | 88 | 72.1 | 25 | 20.5 | 9 | 7.3 | 3.76 |

| No | Item | Positif | | Neutral | | Negatif | | Min |
|-------------------------------|--|---------|------|---------|------|---------|------|-------------|
| | | K | % | K | % | K | % | |
| 33. | Wasiat dapat menjauahkan perasaan dendki mendengki antara waris dan bukan waris. | 83 | 68.0 | 24 | 19.7 | 15 | 12.3 | 3.72 |
| 34. | Dengan berwasiat, hak pemilikan lebih jelas. | 99 | 81.2 | 20 | 16.4 | 3 | 2.5 | 4.03 |
| 35. | Wasiat dapat melupuskan harta dengan kehendak sendiri. | 64 | 52.4 | 46 | 37.7 | 12 | 9.9 | 3.50 |
| Purata Min Keseluruhan | | | | | | | | 3.77 |

Berdasarkan **Jadual 6**, item 24 menunjukkan seramai 85 responden (69.7%) bersetuju dengan item ini, 36 responden (29.5%) tidak pasti dan seorang responden (0.8%) tidak bersetuju. Min item ini adalah 3.86.

Item 25 pula mencatatkan seramai 91 responden (74.6%) bersetuju, 9 responden (7.4%) tidak bersetuju dan 22 responden (18.0%) tidak pasti. Nilai min item ini ialah 3.88.

Sementara untuk item 26, seramai 108 responden (88.5%) bersetuju, seorang responden (0.8%) tidak bersetuju dan 13 responden (10.7%) tidak pasti dengan pernyataan item ini. Min item ini ialah 4.13.

Bagi item 27, seramai 110 responden (90.2%) bersetuju, 11 responden (9.0%) tidak pasti dan seorang responden (0.8%) tidak bersetuju dengan pernyataan “Dengan berwasiat, kita dapat melakukan amal jariah..” Min item ini adalah 4.23.

Manakala item 28 mencatat seramai 32 responden (26.3%) bersetuju, 53 responden (43.5%) tidak bersetuju dan 37 responden (30.3%) tidak pasti. Min bagi item ini adalah 3.21.

Bagi pernyataan “tanpa wasiat, waris muda akan teraniaya dan tertindas jika harta jatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab” mencatat 85 responden (69.7%) bersetuju, 20 responden (16.4%) tidak pasti dan 17 responden (14.0%) tidak bersetuju. Min item 29 ini adalah 3.72.

Hasil dapatan bagi item 30 mendapat 60 responden (49.2%) bersetuju, 18 responden (14.7%) tidak bersetuju dan bakinya 44 responden (36.1%) tidak pasti dengan pernyataan item 30 ini. Min item ini adalah 3.45.

Sementara itu, seramai 78 responden (63.9%) bersetuju, 33 responden (27.0%) tidak pasti dan 11 responden (9.0%) tidak bersetuju dengan item 31. Min bagi item ini ialah 3.70.

Item 32 mencatat seramai 88 responden (72.1%) bersetuju, 9 responden (7.3%) tidak bersetuju dan 25 responden (20.5%) tidak pasti dengan pernyataan “Wasiat memberi peluang membuat pertimbangan agihan harta yang baik kepada waris.” Nilai min item ini ialah 3.76.

Bagi item 33, seramai 83 responden (68.0%) bersetuju dengan kenyataan bahawa wasiat dapat menjauhkan perasaan dendki mendengki antara waris dan bukan waris, 24 responden (19.7%) tidak pasti dan 15 responden (12.3%) tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 3.72.

Manakala bagi item 34, seramai 99 responden (81.2%) bersetuju, 3 responden (2.5%) tidak bersetuju dan 20 responden (16.4%) tidak pasti dengan pernyataan item ini. Min bagi item 34 adalah 4.03.

Bagi pernyataan terakhir iaitu item 35 mencatat seramai 64 responden (52.4%) bersetuju, 46 responden (37.7%) tidak pasti dan selebihnya 12 responden (9.9%) tidak bersetuju dengan item yang terakhir ini. Nilai minnya ialah 3.50.

Pernyataan “Dengan berwasiat, kita dapat melakukan amal jariah” item 27 mencatat nilai min tertinggi iaitu 4.23 dan item 28 dengan pernyataan “Wasiat tidak perlu, cukup dengan pembahagian harta pusaka yang telah ditetapkan oleh Islam” mencatat min terendah iaitu 3.21.

Sehubungan dengan itu, persepsi pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) terhadap kepentingan wasiat berada di tahap yang tinggi dengan nilai min keseluruhan 3.77.

PENUTUP

Kajian yang dijalankan ke atas pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM berkaitan persepsi mereka terhadap wasiat menunjukkan pengetahuan mereka terhadap wasiat masih di peringkat kurang jelas dan sederhana. Selain itu mereka kurang memahami terhadap wasiat. Namun, mereka merasakan wasiat adalah penting dalam menjalani kehidupan sebagai Muslim. Oleh itu, ilmu ini perlu ditiakberatkan di semua peringkat bukan sahaja kepada pelajar IPT bahkan kepada semua golongan. Sehubungan dengan itu, diharapkan kajian ini bermanfaat untuk semua pembaca. Di samping itu, ilmu-ilmu Islam dapat dipraktikkan lebih-lebih lagi agar ilmu wasiat ini mendapat tempat di hati pembaca dan masyarakat dalam usaha merealisasikan Islam dalam kehidupan seharian.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (1980). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri.
- Ahmad Hidayat b. Buang (2002b). Wasiat dan Kepentingannya. *Massa*, 14-16 Disember, 62.
- Ahmad Hidayat b. Buang (2005). Perkembangan dan Isu-isu Undang-undang Pusaka dan Wasiat di Malaysia. Dalam Ahmad Hidayat Buang. *Mahkamah Syariah di Malaysia Pencapaian dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- al-Asqalani, Ahmad b. Ali b. Hajar (1379 H). *Fath al-Bari*. Ed. Muhammad Fu'ad Abdul Baqi dan Muhibbuddin al-Khatib. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Darina bt. Osman (2004). Wasiat: Antara Mitos dan Kebenaran. *Dewan Ekonomi*. Mei, 20-21.
- Jami'ah bt. Shukri (2004). Umat Islam kurang tulis wasiat. *Berita Harian 16 April 2004*. Diakses pada 16 Februari 2008, dari <http://portal.psz.utm.my/psz>.
- Musa Fathullah b. Harun (1994). *Masalah Wasiat dan Faraid*. (Cet 2). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Noorzila bt. Jamaludin dan Nor Shamsinor bt. Baharin (2004). Tiada Alasan Ijtihad Baru. *Al-Islam*. Julai, 24.
- Noraida bt. Arifin (2004). Dilema Wasiat dalam Masyarakat Islam. *Dewan Ekonomi*. Mei, 22-23.
- Zuarida bt. Mohyin (2003). Pengertian Wasiat dalam Islam. *Al-Islam*. Mac, 60.
- 90 Peratus Umat Islam Tiada Wasiat. (2004, 25 Mei). *Utusan Malaysia*, 11.

PROSEDUR PELAKSANAAN PENGURUSAN PROBET DAN SURAT KUASA MENTADBIR DI MAHKAMAH TINGGI

Oleh:
Norhazani bt. Hamzah

ABSTRAK

Artikel ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada masyarakat mengenai prosedur pelaksanaan pengurusan probet dan surat kuasa mentadbir di Mahkamah Tinggi. Melalui artikel ini, masyarakat juga dapat mengetahui ciri-ciri individu yang layak untuk menjadi pentadbir mengikut Akta-akta yang telah digubalkan. Pentadbir yang dilantik oleh Mahkamah hanyalah mempunyai kuasa untuk mentadbir dan menguruskan harta si mati sahaja dan bukannya diberikan hak untuk mewarisi harta tersebut.

Perkataan Teras : Wasiat, Surat Kuasa Mentadbir, Probet, Pentadbir, Petisyen,

Klasifikasi JEL : K10, K14, Z12

PENGENALAN

Adalah menjadi lumrah kehidupan bahawa setiap yang hidup pasti akan menemui Tuhan mereka. Mereka ini pastinya sedikit sebanyak meninggalkan harta-harta mereka di dunia ini. Justeru itu tinggallah waris-waris yang hidup untuk menguruskan harta-harta yang ditinggalkan si mati.

Bagaimanakah caranya dan siapakah yang mempunyai kuasa untuk menguruskan harta si mati ini? Apakah yang perlu dilakukan oleh waris si mati tersebut?

Secara amnya terdapat 3 badan yang mempunyai bidang kuasa untuk mengendalikan hal-hal berkaitan harta pusaka si mati iaitu:

i. **Mahkamah Tinggi:-**

Bagi harta alih dan tak alih yang melebihi RM600,000.00.

ii. **Pejabat Pesaka Kecil:-**

Bagi harta alih dan tak alih yang kurang daripada RM600,000.00.

iii. **Amanah Raya Berhad:-**

Bagi harta alih yang kurang daripada RM600,000.00.

Bagi menguruskan harta si mati, undang-undang memperuntukkan kepada waris-waris untuk mendapatkan perintah dari mana-mana 3 badan di atas (tertakluk kepada jumlah nilai harta alih dan tak alih) terlebih dahulu bagi mendapatkan kuasa bagi mentadbir harta pusaka si mati.

Jika si mati yang meninggal dunia dengan **meninggalkan wasiat (testacy)**, maka satu petisyen probet perlu dipohon. Jika si mati meninggal dunia **tanpa meninggalkan wasiat (intestacy)**, maka waris si mati perlu memfailkan Petisyen Surat Kuasa Mentadbir di Mahkamah Tinggi.

Undang-Undang berkaitan Surat Kuasa Mentadbir dan Probet ini secara amnya berasal dan dimodelkan dari Perundangan Inggeris.

Bagi tujuan artikel ini, prosedur bagaimana untuk mendapatkan Geran Probet dan Surat Kuasa Mentadbir di Mahkamah Tinggi akan dibincangkan.

Di Malaysia, Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan ini adalah Mahkamah Tinggi. Kuasa Mahkamah Tinggi untuk mendengar Petisyen Surat Kuasa Mentadbir dan Probet ini semuanya diperuntukkan di bawah Aturan 71 dan Aturan 72 Kuasa-Kuasa Mahkamah Tinggi (KKMT) 1980 dan juga di dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Penolong Kanan Pendaftar dan juga Timbalan Pendaftar mempunyai kuasa untuk mendengar petisyen Surat Kuasa Wakil yang tidak dipertikaikan (non-contentious matter). Manakala bagi petisyen yang dipertikaikan (*contentious matter*), akan dirujuk kepada Hakim.

Terdapat 4 jenis geran yang dikeluarkan oleh Mahkamah:-

- i. Geran Probet.
- ii. Geran Surat Kuasa Mentadbir.
- iii. Geran Surat Kuasa Mentadbir dengan Wasiat Terlampir.
- iv. Geran Surat Kuasa Mentadbir “*De Bonis Non*”.

Kadar bayaran yang ditetapkan bagi pengeluaran geran surat kuasa wakil telah ditetapkan oleh Mahkamah melalui *praceipe*. Akan tetapi sekiranya si mati meninggal dunia sebelum 01hb November 1991, kadar bayaran adalah tertakluk kepada perakuan dari pejabat duti harta pusaka terlebih dahulu.

SIAPAKAH YANG LAYAK UNTUK MENJADI PENTADBIR

Trust Corporation seperti Amanah Raya Berhad **[Seksyen 13 Akta Probet dan Pentadbiran 1959]**.

Mana-mana individu yang mempunyai kepentingan atas aset tersebut. Bagi individu, pemilihan pentadbir dibuat berdasarkan kedudukan waris-waris sebagaimana yang diperuntukkan di dalam **Seksyen 6 Akta Pengagihan 1958** seperti:

- i. Isteri/suami si mati
- ii. Anak dan cucu cicit si mati
- iii. Ibu/Bapa si mati
- iv. Kakak/Abang si mati
- v. Anak kakak atau abang si mati

vi. Datuk dan Nenek si mati

vii. Pakcik/ Makcik si mati

Individu yang teratas di dalam senarai tersebut adalah yang paling layak untuk memohon menjadi pentadbir. Jumlah minimum pentadbir yang boleh dilantik ialah seorang. Namun jumlah maksimum pula ialah 4 orang [Seksyen 4 (1) APP 1959]. Sekiranya terdapat waris-waris di bawah umur, maka perlu dilantik 2 orang pentadbir, kecuali pentadbiran diserahkan kepada Trust Corporation. [Seksyen 4 (2) Akta Probet dan Pentadbiran 1959].

Jika kesemua waris bersetuju kepada permohonan pempetisyen untuk menjadi pentadbir, maka kesemua waris perlu menolak hak mereka untuk menjadi pentadbir dan memfailkan surat penolakan sebagaimana di Borang 169, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

PIHAK YANG TIDAK LAYAK UNTUK MENJADI PENTADBIR

1. Orang yang tidak siuman (*lunatics*). [Seksyen 21 Akta Probet dan Pentadbiran 1959].
2. Di bawah umur [Seksyen 20 Akta Probet dan Pentadbiran 1959]. Bagi tujuan pentadbiran, had umur minor adalah 21 tahun. Had ini mengikut umur dalam *Trustee Act 1949* yang memperuntukkan bahawa harta-harta hanya boleh diletakhak ke atas seseorang apabila mencapai umur 21 tahun. Ini adalah kerana:-
 - i. Pentadbir adalah dalam kapasiti sebagai pemegang amanah, oleh itu tertakluk kepada *Trustee Act*.
 - ii. Perlu mencapai umur 21 tahun bagi membolehkan harta-harta si mati diletakhak ke atas pentadbir tersebut untuk membolehkan beliau melakukan transaksi ke atas harta-harta si mati.

JENIS-JENIS GERAN DAN PROSEDURNYA

1. Petisyen Surat Kuasa Mentadbir

- i. Bagi si mati yang meninggal dunia tanpa wasiat (*intestacy*), Pentadbir perlu dilantik untuk mentadbir estet si mati melalui perintah Mahkamah Tinggi. **Permohonan ini dikenali sebagai petisyen surat kuasa mentadbir.** Sebelum pentadbir dilantik, estet si mati adalah terletak di bawah hak dan kuasa Amanah Raya Berhad [Seksyen 39 Akta Probet & Akta Pentadbiran 1959]. Kuasa Amanah Raya Berhad ini hanyalah terhad untuk tempoh sebelum penerimaan geran sahaja dan terhad kepada penerimaan saman sahaja.
- ii. Pewaris dikehendaki memfailkan petisyen tidak lewat dari 3 tahun daripada tarikh kematian si mati. Jika Petisyen difailkan lebih daripada 3 tahun, alasan kelewatan perlu dinyatakan di dalam petisyen tersebut.

Prosedur Untuk Mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir

Bagi tujuan untuk mendapatkan perintah bagi Surat Kuasa Mentadbir, perkara-perkara berikut perlu dipatuhi oleh pemohon sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Aturan 71 Kaedah 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 iaitu:-

- i. Memfailkan Petisyen [sebagaimana dalam borang 168 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980] bersama-sama Affidavit Pempetisyen yang telah diikrarkan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah.
- ii. Melampirkan sijil mati asal.
- iii. Senarai aset si mati beserta dengan nilaiannya.
- iv. Senarai waris-waris.
- v. Surat penolakan atau persetujuan waris-waris.
- vi. Sumpah pentadbiran.
- vii. Notis pelantikan peguamcara.

Waris perlulah memilih mana-mana ahli keluarga atau sesiapa yang dipercayai untuk menjadi pentadbir bagi harta pusaka si mati. Permohonan untuk mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir ini boleh dibuat melalui peguam atau tanpa melalui peguam (wakili diri sendiri).

Jika semua surat cara teratur dan semasa pendengaran, tiada bantahan dikemukakan oleh mana-mana pihak, maka Mahkamah akan memberikan perintah membenarkan pengeluaran geran Surat Kuasa Mentadbir. Prosedur ini juga dikenali sebagai "*non-contentious Letter of Administration matter*". Walau bagaimanapun, sekiranya harta pusaka si mati adalah melebihi RM50,000.00, (iaitu tanpa menolak hutang ditanggung si mati dan tidak termasuk harta-harta yang dipegang oleh si mati sebagai pemegang amanah untuk kepentingan waris), sebelum geran boleh dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi, bon pentadbiran perlu difailkan oleh Pentadbir sebagai sekuriti pentadbiran untuk estet si mati.

Bagi melaksanakan bon pentadbiran ini, pentadbir perlu mendapatkan 2 orang penjamin yang nilai hartanya adalah setara atau lebih dengan nilai aset si mati dan tiada bebanan hutang. Penjamin-penjamin tersebut juga mestilah warganegara Malaysia. Penjamin-penjamin ini perlu menandatangani borang sebagaimana di Borang 171 KKMT 1980 [Seksyen 35 Probet & Pentadbiran 1959].

Bon Pentadbiran ini hanya diperlukan bagi pengeluaran geran-geran Surat Kuasa Mentadbir, Surat Kuasa Mentadbir dengan Wasiat Terlampir dan Surat Kuasa Mentadbir *De Bonis Non*.

Akan tetapi terdapat keadaan di mana 2 orang penjamin tidak diperlukan iaitu apabila petisyen difailkan oleh:-

- i. Trust Corporation seperti Amanah Raya Berhad;
- ii. Seorang pengkhidmat Kerajaan yang bertindak atas sifat rasminya;
- iii. Si mati tidak meninggalkan harta pusaka; dan
- iv. Keseluruhan harta pusaka si mati selepas ditolak hutang si mati hanya diwarisi oleh Pentadbir sahaja.

Pengecualian Kepada Bon Pentadbiran

Keperluan kepada bon pentadbiran ini boleh dikecualikan menurut Seksyen 35 (2) Akta Probet & Pentadbiran 1959 dengan cara memfailkan permohonan melalui Saman Dalam Kamar dan disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh pempetisyen dengan memberikan **alasan yang munasabah** kenapa penjamin perlu dikecualikan beserta **surat persetujuan** daripada semua waris yang diikrarkan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah.

Sila rujuk kes Re Good of Dumsheah (1980 4 KY 594)

Re Tan Ghee Kooi decd (1958) MLJ 1

2. Petisyen Surat Kuasa Mentadbir dengan Wasiat Terlampir

Ini adalah situasi di mana si mati ini meninggal dunia dengan meninggalkan wasiat yang sah tetapi dalam keadaan berikut :-

- a. tidak menamakan wasi dalam wasiat tersebut
- b. wasi telah meninggal dunia terlebih dahulu
- c. wasi yang dinamakan dalam wasiat telah menolak haknya
- d. wasi telah meninggal dunia sebelum mendapat geran probet.

Dalam keadaan sebegini, waris yang paling layak perlu memfailkan Petisyen ke Mahkamah Tinggi.

Prosedur Memfailkan Petisyen Surat Kuasa Mentadbir Dengan Wasiat Terlampir

- i. Memfailkan Petisyen bersama-sama dengan Afidavit yang telah diikrarkan
- ii. Sijil Mati Asal
- iii. Wasiat Asal
- iv. Senarai aset si mati berserta dengan nilaiannya
- v. Senarai Waris-waris
- vi. Penolakan atau Persetujuan oleh Waris-waris
- vi. Notis pelantikan peguamcara
- vii. Sumpah Pentadbiran

Jika semua surat cara ini difailkan dan teratur, maka Penolong Kanan Pendaftar akan memberikan perintah untuk petisyen Surat Kuasa Mentadbir dengan Wasiat Terlampir ini. Sekiranya nilai aset si mati melebihi RM50,000.00, maka Bon Pentadbiran atau permohonan untuk pengecualian 2 orang penjamin perlu difailkan terlebih dahulu sebelum geran boleh dikeluarkan.

3. Petisyen Surat Kuasa Mentadbir *De Bonis Non*

